

**PENDERAFAN DOKUMEN WASIAT ISLAM
DI AMANAH RAYA BERHAD:
ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

AL AZIFAH BINTI MOHD SAFIE

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**PENDERAFAN DOKUMEN WASIAT ISLAM
DI AMANAH RAYA BERHAD:
ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

AL AZIFAH BINTI MOHD SAFIE

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

ABSTRAK

Dokumen adalah sumber keterangan yang dominan dan berautoriti untuk menjelaskan sesuatu fakta. Oleh itu mendokumenkan sesuatu wasiat dilihat lebih efektif kerana ia mampu merekod maklumat dalam jangka masa panjang memandangkan kematian seseorang tidak dapat dijangkakan. Justeru fokus disertasi ini akan ditumpukan kepada pendrafan dokumen wasiat Islam yang dijalankan oleh sebuah badan amanah iaitu Amanah Raya Berhad. Ini kerana objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menganalisis keselarasan pendrafan dokumen wasiat Islam dengan Undang-undang Islam yang dilaksanakan di perbadanan tersebut. Metode analisis kandungan telah diaplikasikan bagi mencapai objektif yang digariskan. Dapat dirumuskan melalui hasil kajian bahawa DDWA yang diguna pakai oleh ARB merupakan satu dokumen *wisayah* menurut perspektif Undang-undang Islam disebabkan kandungannya telah sempurna dengan rukun-rukunnya mengikut pandangan Imam Syafi'iy. Manakala DDWK pula telah mempunyai ciri-ciri dokumen wasiat menurut perspektif Islam. Namun pengkaji berpendapat terdapat klausa-klausa tertentu di dalam kedua-dua draf berkenaan yang perlu diperhalusi supaya pendrafannya lebih objektif dan tidak menimbulkan kekeliruan.

ABSTRACT

A document is a source of statement which in nature is dominant and authoritative in order to explain certain facts. Hence filing a *Wasiyyah* is more effective as it acts as a record where it can store and keep long term information due to the fact that a death of a person is uncertain. Therefore, this dissertation will be focusing on the process of drafting the document of Muslim's bequests or known as *Wasiyyah* implemented at Amanah Raya Berhad, a Trustee Corporation in Malaysia. The primary objective of this research is to analyse the standard of drafting Muslim's *Wasiyyah* in order to examine its consistency with the Islamic Law as exercised by the corporation. In order to achieve the objective, method of content analysis was applied. From the research, it can be concluded that the DDWA is a *Wasiyyah* document which is based on the principles of Islamic Law as it follows all the *arkan* according to Imam Syafi'i's view. Meanwhile, the DDWK can be considered as *Wasiyyah* document which is also based on the principles of Islamic Law. However, the researcher is of the opinion that certain clauses in both drafted documents need to be analyzed in detail so that they will be more objective, comprehensive, clear and free of doubt.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian bagi Allah S.W.T Tuhan seluruh alam. Salawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda sekaliannya. Setinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Ilahi kerana melalui limpah Rahman dan *Rahim*-Nya serta izin-Nya jua penyelidikan dan penulisan ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Justeru, dengan setulus hati pengkaji merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah sudi memberi sumbang saran dari pelbagai posisi sama ada secara langsung mahupun sebaliknya di sepanjang penyelesaian ini diimplimentasikan. Dengan penuh takzim, ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan khas buat Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh Mahamod selaku Penyelia bagi kajian ini kerana telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan dan bimbingan serta menanamkan motivasi yang konstruktif kepada pengkaji sehingga penyelidikan dapat dijayakan. Penghargaan tidak terhingga turut dirakamkan buat semua para pensyarah yang telah memberikan tunjuk ajar dan panduan yang amat bermakna di sepanjang perjalanan pengkaji dalam pengajian di peringkat Sarjana terutamanya kepada Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang, Prof. Madya Dr. Suwait Tapah, Dato` Prof.Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Dr. Siti Zubaidah Ismail dan lain-lain. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Unit Penyelidikan Ditaja (UPDiT), Universiti Malaya kerana sumbangan berbentuk kewangan yang telah diberikan untuk pengkaji sehingga dapat melancarkan proses penyelidikan ini .

Sementara itu, setinggi penghargaan dan terima kasih didedikasikan kepada semua informan dari ARB yang telah terlibat secara langsung dengan penuh keikhlasan untuk memberi pelbagai informasi bermanfaat bagi tujuan kajian ini tanpa sebarang kesulitan. Dalam kesempatan ini juga sekalung budi dihadiahkan kepada semua rakan seperjuangan yang telah terserlah ketulusan hati mereka memberi pelbagai bantuan dari sudut tenaga mahupun idea terutamanya buat Siti Fatimah Azura binti Mohd Yusof, Rozilawati binti Yaakob, Wan Nor Hasnida binti Wan Abdul Halim, Nor hayati Md Dahlal, Nor Asyikin Abdul Rasyid dan ramai lagi sahabat handai lain yang tidak mampu disenaraikan dalam laman ini. Sesungguhnya segala bakti suci kalian tidak dapat dihitung dan dibalas. Lantaran itu setulus doa dan harapan dipanjatkan kepada Allah Ta'ala semoga kalian dipermudahkan dalam semua urusan dan mendapat keberkatan hidup di dunia dan akhirat.

Selain itu segala pengorbanan dan sokongan dari aspek moral mahupun metarial yang telah dilakukan oleh semua ahli keluarga tanpa ada yang terkecuali tidak sesekali dilupakan. Justeru, apresiasi istimewa dan tidak ternilai dikhususkan buat bapa tersayang iaitu Haji Mohd Sapie bin Haji Abdul Hanan dan ibu tercinta iaitu Hajah Sa'adiyah binti Haji Shamsuddin kerana tidak pernah jemu meniup dorongan serta membakar semangat pengkaji supaya konsisten dalam perjuangan untuk mencapai kejayaan. Setinggi apresiasi juga ditujukan khas untuk kedua-dua abang tersayang iaitu Mohd Asyrof dan Mohd Azree, kedua-dua kakak ipar yang amat dikasihi Masitah Masdar dan Nur Amani Abdul Rasyid serta adik-adik yang sangat disayangi iaitu Mohd Azhar, Najmuddin, Nur Adilah, Mohd Nazhif dan Nurul Husna kerana kesanggupan dan kesungguhan kalian bersama-sama mengharungi pahit getir yang terpaksa ditempuhi

sepanjang proses penyelidikan serta penulisan ini sehingga ke noktah terakhir. Sesungguhnya diakui bahawa pengorbanan yang sarat dengan kesabaran daripada kalian amat bererti serta tiada bandingannya. Semoga Allah terus merahmati dan menganugerahkan keberkatan serta kebahagiaan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak kepada setiap ahli keluargaku. Amin Ya Rabba al-'Alamin.

Sekali lagi ditegaskan bahawa sumbangan semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak sebenarnya amat dihargai dan tidak mungkin dilupakan. ternyata segalanya tidak mampu dibalas dengan harta benda apatah lagi emas permata, apa yang terdaya hanyalah doa dan harapan disembahkan kehadiran Ilahi agar setiap jasa murni daripada semua pihak terlibat itu dihisab sebagai amal soleh serta diberi ganjaran pahala sebagai bekalan di hari pembalasan nanti. Akhir kalam dipohonkan, Jaza kumullah khairan kathiran wa barakallah fi kum.

Al Azifah Binti Hj. Mohd Sapie
Lorong Mawar 6, Jalan Haji Harun,
Batu ½, Sapintas,
45200 Sabak Bernam, Selangor.

29 Disember 2008M

1 Muharam 1430H

KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	vi
SENARAI STATUT	x
SENARAI KES	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1: Pendahuluan	1
1.2: Latar Belakang Masalah Kajian	2
1.3: Objektif Kajian	4
1.4: Skop Kajian	5
1.5: Kepentingan Kajian	6
1.6: Metode Penyelidikan	9
1.7: Sorotan Literatur	12

BAB 2	DOKUMEN DAN KEPENTINGANNYA	
	DI DALAM WASIAT ISLAM	22
	Pendahuluan	22
2.1:	Konsep dan Ciri-ciri Dokumen	22
2.1.1:	Identifikasi Dokumen	22
2.1.2:	Dokumen dan Hubungannya dengan Konsep <i>al-Kitabah</i> Dalam Islam	25
2.1.3:	Dokumen Sebagai Bahan Pembuktian	28
2.2:	Keputusan Penulisan Dokumen Wasiat Menurut	
	Undang-undang Islam	30
2.2.1:	Agihan Harta Melalui Wasiat	31
2.2.2:	Kaedah Berwasiat Di Sisi Islam	37
2.2.3 :	Keputusan Wasiat Secara Dokumentasi	39
	Kesimpulan	45
BAB 3	PENDRAFAN DOKUMEN WASIAT ISLAM DI ARB	47
	Pendahuluan	47
3.1:	Latar Belakang Perkhidmatan Penulisan Wasiat di ARB	47
3.2:	Proses Pendrafan Dokumen Wasiat Islam di ARB	54
3.2.1:	Prosedur Permohonan Mendokumentasi Wasiat Islam di ARB	56
3.2.1 (i) :	Prosedur Membuat Wasiat Asas	56
3.2.1 (ii):	Prosedur Membuat Wasiat Komprehensif	57
3.2.1 (iii):	Prosedur Pindaan Dokumen Wasiat	60

Kesimpulan	63
BAB 4	KAJIAN KESELARASAN DRAF DOKUMEN WASIAT
	ASAS DI ARB DENGAN UNDANG-UNDANG ISLAM
	64
Pendahuluan	64
4.1: Intipati Draf Dokumen Wasiat Asas (DDWA) Di ARB	65
4.2: Klausa Pendahuluan	66
4.3: Pernyataan Oleh Pewasiat	67
4.3.1: Kelayakan <i>Musi</i> Untuk Membuat Wasiat Di ARB	69
4.4: Terma Perlantikan ARB sebagai Wasi dan Pemegang Amanah	74
4.5: Arahan Pewasiat Terhadap Harta Tinggalan	77
4.6: Terma Agihan Aset Kepada Benefisiari	82
4.6.1: Klausa Pengamanahan Bagi Urusan Harta Benefisiari Bawah Umur	85
4.7: Klausa Penutup	87
4.8: Redaksi Kesaksian Dokumen Wasiat di ARB	88
Kesimpulan	92
BAB 5	KAJIAN KESELARASAN DRAF DOKUMEN WASIAT
	KOMPREHENSIF (DDWK) DI ARB DENGAN
	UNDANG-UNDANG ISLAM
	94
Pendahuluan	94
5.1: Intipati DDWK di ARB	94
5.2: Terma Agihan Aset Kepada Benefisiari di dalam DDWK	95
5.2 (a) : Dokumentasi Data Pribadi Benefisiari	96

5.2 (b) : Dokumentasi Butiran Maklumat Berkaitan Harta yang Diwasiatkan	101
5.3: Klausula Berhubung Perihal Keizinan Ahli Waris	108
5.3 (i): Wasiat Kepada Ahli Waris	109
5.3 (ii): Wasiat Melebihi Kadar Satu Pertiga	111
5.4: Terma Pembatalan Wasiat	115
5.5: Redaksi Agihan Aset Bagi Waris Bawah Umur	117
5.6: Terma Residu (<i>Residue</i>)	119
Kesimpulan	121
BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN	122
BIBLIOGRAFI	138
LAMPIRAN	

SENARAI STATUT

HALAMAN

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)	47
Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1997, [Akta 561]	
Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)	47
Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)	47
Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532)	47
Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)	46
Akta Syarikat 1965	47
Akta Wasiat 1959 (Akta 346)	47
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariaah (Kelantan) 2002	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariaah (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 12 Tahun 2003)	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989/2007	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 2003/2006	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 5 Tahun 2003)	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001(Enakmen 6 Tahun 2001)	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negri Pulau Pinang)	

2004 (Enakmen 8 Tahun 2004)	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pahang)	
2005 (Enakmen 4 Tahun 2005)	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak)	
2004 (Enakmen 8 Tahun 2004)	23
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah)	
2004 (Enakmen 11 Tahun 2004)	23
Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005 (Enakmen 4 Tahun 2005)	
6	
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan)	
2004 (Enakmen 5 Tahun 2004)	6
Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (Enakmen 4 Tahun 1999)	
6	
Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak)	
2001 (Ordinan 47 Tahun 2001)	23

SENARAI KES

HALAMAN

<i>Amanullah Ali v. Hjh. Jamilah Sheikh Uda</i> (1975), 1 Malayan Law Jurnal, 30.	72
<i>Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali dan lain-lain</i> (2001), j. 14 Jurnal Hukum, 279.	40
<i>Katchi Fatimah v. Mohamed Ibrahim</i> (1962), 1 Malayan Law Jurnal, 374. 1	87
<i>Nik Salma Zaidah bt. Hj. Wan Zaid lwn Nik Hasnah bt Nik Din dan seorang lagi</i> (2002), J. 15, Jurnal Hukum, 143.	43
<i>Wan Fauziah binti Wan Awang v Wan Abdullah bin Muda dan seorang lagi</i> (2001), j. 14, Jurnal Hukum, 235.	133

PANDUAN TRANSLITERASI

1) Konsonan

<u>Huruf Arab</u>	<u>Transkripsi</u>
أ, ء	a dan (_ ')
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
سّ	sy
ص	s
ض	d
ط	t
ظ	z
ع	(' _)
غ	gh

ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y
ة	h

2) Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	a	كَتَبَ	kataba
اِ	i	بِيه	bihi
اُ	u	لَهُ	lahu

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِي / اِي	a	وَصِيَ ؛ بَاب	Wasa ; bab
يِي	i	مُوصِي	Musa
وُو	u	أَبُو	Abu

3) Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْل	qawl
اَي	ay	خَيْرًا	khayran
اُو	uww	قُوَّة	Quwwah
اَي	iy / i	عَرَبِيّ	'arabiy / i

SENARAI JADUAL

- Jadual 5.1 :** Keterangan mengenai penerima (*particulars of beneficiaries*) pada tahun 2000
- Jadual 5.2 :** Keterangan mengenai waris (*particulars of beneficiaries*) pada tahun 2005
- Jadual 5.3 :** Keterangan mengenai Harta Pewasiat
- Jadual 5.4 :** Keterangan Mengenai Harta Alih
- Jadual 5.5 :** Keterangan Mengenai Harta Alih, 2005

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A** Statistik Pendaftaran Wasiat di ARB
Pada Tahun 2000 Hingga 2008
- LAMPIRAN B** Draf Dokumen Wasiat Asas ARB.
- LAMPIRAN C** Draf Dokumen Wasiat Komprehensif ARB.
- LAMPIRAN D** Borang Permohonan Penyediaan/Penyimpanan
Yang Telah dan Terpakai di ARB
- i) Yang asal pada tahun 2000
 ii) Telah dipinda pada tahun 2005
- LAMPIRAN E** Contoh Sijil Pendaftaran Bagi Pewasiat di ARB
- LAMPIRAN F** Borang Kodisil Bagi Pindaan Wasiat ARB.

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perubahan corak hidup masyarakat terutamanya orang Islam telah memberi ruang kepada seseorang individu untuk memiliki sejumlah harta yang banyak. Namun tidak ramai di kalangan umat Islam pula mengetahui tentang konsep pemilikan yang dapat menjamin nilai manfaat bagi sesuatu harta. Hakikatnya beberapa langkah tertentu amatlah digalakkan di dalam syarak sendiri untuk mengekalkan nilai sesuatu harta itu di samping meneruskan kesinambungan manfaatnya sekalipun pemilik sebenar telah tiada. Selain sedekah, hibah, wakaf dan perwarisan, wasiat merupakan satu lagi bentuk pindah milik yang amat dituntut. Namun secara umumnya kebanyakan masyarakat Islam masih tidak jelas tentang konsep wasiat dan perlaksanaan sebenar menurut Hukum Syarak. Ini menyebabkan mereka akan membuat wasiat menurut penilaian sendiri tanpa berlandaskan dengan ketetapan syarak.

Melalui kaedah berwasiat seseorang boleh membuat alokasi daripada sebahagian hartanya kepada individu lain setelah kematiannya. Sekalipun wasiat dibuat ketika pewasiat masih hidup, namun perlaksanaannya hanya boleh dilakukan selepas ia meninggal dunia. Ketiadaan pewasiat pula boleh mengundang pertikaian terhadap kesahihan kewujudan sesuatu wasiat. Oleh itu, apa jua bentuk wasiat yang telah dibuat sama ada secara lisan atau bertulis mahupun dengan isyarat, sebarang keterangan amat diperlukan bagi membuktikan kewujudan sesuatu pindah milik tersebut. Walau bagaimanapun, berwasiat secara bertulis lebih mudah dibuktikan dengan kewujudan

surat atau dokumen wasiat berbanding kaedah lisan dan isyarat. Ini kerana mendokumenkan sesuatu wasiat yang dikehendaki dilihat mampu merekod maklumat dalam jangka masa panjang memandangkan kematian seseorang tidak dapat dijangkakan.

Walau bagaimanapun secara umumnya tidak terdapat format yang khusus untuk menghasilkan suatu dokumen wasiat. Apa yang penting isi kandungannya dapat menjelaskan kehendak pewasiat agar sebahagian hartanya diberikan kepada pihak tertentu setelah kematiannya. Bagi wasiat Islam pula, beberapa garis panduan syarak perlu dipatuhi supaya wasiat tersebut sah dilaksanakan. Suatu wasiat Islam itu mestilah mengandungi rukun-rukun tertentu dengan syarat-syaratnya yang tersendiri. Justeru, wasiat seseorang Muslim dapat dimanifestasikan tanpa sebarang kesamaran dengan adanya dokumen yang jelas dan bertepatan dengan tuntutan syarak.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Kesan daripada penghayatan terhadap ilmu pengetahuan yang kian meningkat di kalangan masyarakat negara ini telah membangkitkan kesedaran tentang keperluan dan kepentingan membuat wasiat. Walau bagaimanapun seseorang yang akan membuat wasiat adalah digalakkan mencatatkan sendiri hajatnya itu atau meminta bantuan pihak lain yang berkecualan untuk mendokumenkan segala maklumat berhubung niatnya bagi melancarkan urusan pelaksanaan pindah milik itu. Dewasa ini terdapat pelbagai pihak tertentu telah mengambil inisiatif memberikan penjelasan tentang tuntutan berwasiat dan kepentingan mendokumenkannya di samping menawarkan perkhidmatan merekodkan sesuatu wasiat untuk kemudahan masyarakat awam.

Adapun Amanah Raya Berhad dan selepas ini disebut ARB merupakan salah satu agensi yang menyediakan perkhidmatan penulisan dokumen wasiat kepada sesiapa yang memerlukan berserta penyimpanan dan perlaksanaannya. Pada peringkat awal produk ini diperkenalkan di ARB, sambutan masyarakat kurang menggalakan kemungkinan disebabkan budaya masyarakat ketika itu masih belum memahami konsep pemilikan harta dan pengurusannya. Namun setelah pelbagai pendekatan diambil dalam usaha mempromosikan produk tersebut, jumlah pewasiat yang membuat wasiat di ARB terus meningkat dari masa ke semasa. (Rujuk Lampiran 1). Apatah lagi Statistik menunjukkan bahawa peningkatan tersebut amat ketara sejak awal 2006 hingga akhir 2008. Jika diperhatikan situasi tersebut amat memberangsangkan dan kadar penglibatan oleh pewasiat Muslim turut membanggakan.

Umat Islam perlu melakukan ibadah sama ada fardu atau sunat termasuk berwasiat mengikut lunas-lunas syarak. Hakikatnya tingkat pemahaman umat Islam itu dalam menunaikan sesuatu tuntutan adalah berbeza-beza dan tidak mampu ditentukan apatah lagi pengetahuan mengenai wasiat. Ironinya seseseorang Muslim yang menggunakan khidmat ARB untuk mendokumentasikan dan melaksanakan wasiat, memikirkan dan mengharapkan perkhidmatan oleh badan tersebut telah mengikut peraturan sebenar terutamanya Undang-undang Islam.

Di samping itu terdapat pula beberapa permasalahan tertentu yang sering menjadi topik perbincangan dalam membicarakan tentang persoalan wasiat di sisi Islam. Perbahasannya meliputi;

- i. Takat berwasiat
- ii. Wasiat kepada ahli waris

- iii. Wasiat bersyarat
- iv. Wasiat wajibah
- v. Pembatalan wasiat
- vi. Kesahihan wasiat

Adapun isu yang berbangkit daripada perbahasan mengenai perkara-perkara di atas perlulah diambil kira terutamanya ketika mendokumenkan sesuatu wasiat. Ini bagi mengelakkan daripada timbul pertikaian di kalangan pihak-pihak terlibat pada masa hadapan. Justeru, justifikasi kajian ini akan melihat apakah pendekatan pihak ARB bagi menyelesaikan persoalan-persoalan tersebut ketika mendrafkan sesuatu dokumen wasiat orang Islam supaya tidak bercanggah dengan tuntutan syarak. Oleh itu persoalan adakah pendrafan dokumen wasiat muslim di ARB selaras dengan Undang-undang Islam atau sebaliknya dapat dikenal pasti melalui kajian yang dijalankan ini.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini berorientasikan objektif-objektif berikut iaitu:

- i. Menghuraikan konsep dokumentasi dan kepentingan penulisan dokumen wasiat menurut perspektif Islam.
- ii. Mengkaji prosedur dan proses pendrafan dokumen wasiat orang-orang Islam yang dilaksanakan di ARB.
- iii. Menganalisis keselarasan pendrafan dokumen wasiat Muslim di ARB dengan Undang-undang Islam.

1.4 Skop Kajian

Merujuk objektif di atas, medan penyelidikan ini hanya akan terhad kepada perkara-perkara berhubungan dengan pendrafan dokumen wasiat Islam yang dilaksanakan di ARB. Oleh itu, landasan teori bagi kajian ini akan terfokus kepada perkara yang berkaitan dengan dokumentasi pada pandangan kaca mata Islam. Di samping itu wasiat Islam juga menjadi fokus utama kajian ini. Walaupun wasiat mempunyai perkaitan dengan hal-ehwal perwarisan, namun perbincangan kajian tidak menyentuh perkara berkenaan kecuali apabila didapati perlu untuk menjelaskannya. Justeru, skop kajian ini meliputi pelbagai aspek perbincangan mengenai wasiat menurut perspektif Islam tanpa mengabaikan pendapat-pendapat para ulamak terdahulu yang pernah membincangkan tuntutan membuat wasiat dan keperluan mendokumentasikannya.

Kupasan seterusnya terarah kepada perihal tentang prosedur membuat wasiat dan langkah-langkah mendokumentasikan serta asas-asas membentuk draf dokumen bagi pindah milik tersebut. Sebagai pengetahuan, kajian ini pada permulaannya dijalankan di ibu pejabatnya yang beralamat di Tingkat 10 Wisma Amanah Raya Berhad, No. 15 Jalan Sri Semantan 1, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50508 Kuala Lumpur dan selepas ini disebut sebagai ARB Jalan Semantan, Kuala Lumpur. Kemudian kajian diteruskan di ibu pejabatnya yang baru iaitu di Tingkat 15 Wisma Amanah Raya, No. Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan selepas ini disebut sebagai ARB Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Perlu ditegaskan bahawa fokus kajian ini menjurus kepada analisis terhadap keselarasan undang-undang wasiat Islam dengan pendrafan wasiat Muslim secara

praktikalnya di ARB yang menjadi lapangan penyelidikan ini. Justeru itu tumpuan kajian ini melibatkan penelitian terhadap beberapa peruntukan yang terpakai ke atas wasiat Islam yang juga menjadi asas panduan mendrafkan sesuatu dokumen wasiat di perbadanan tersebut. Statut-statut tersebut adalah seperti berikut:

- i. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
- ii. Akta Probet dan Pentadbiran 1959
- iii. Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
- iv. Enakmen 4 Tahun 1999, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999
- v. Enakmen 5 Tahun 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004
- vi. Enakmen 4 Tahun 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005

1.5 Kepentingan Kajian

Jika diperhatikan dalam pelbagai perihal dan urusan, dokumen amat diperlukan kerana ia menjadi salah satu instrumen keterangan yang dapat menjelaskan sesuatu hal. Malah masyarakat hari ini telah menganggap catatan 'hitam putih'¹ iaitu pernyataan bertulis sebagai bukti yang paling dominan dan dipercayai untuk mengesahkan kewujudan sesuatu perkara. Sebagai contoh, kad pengenalan merupakan dokumen yang menjelaskan identiti seseorang, tiket adalah bukti pembayaran tambang atau perkhidmatan, resit pula menjadi bahan keterangan bahawa suatu transaksi seperti jual

¹ Hajjah Noresah bt. Baharom (ed.) (2005), *Kamus Dewan*. Edisi ke-4, c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 541.

beli telah wujud dan sebagainya. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai pendrafan dokumen wasiat amat perlu dilakukan. Ini kerana pelaksanaan wasiat akan melibatkan pihak-pihak yang telah meninggal dunia dan yang masih hidup. Maka dokumen wasiat akan menjadi bukti paling berkesan untuk mengesahkan kewujudan sesuatu akad pindah milik tersebut.

Sehubungan itu masyarakat umum telah mengetahui bahawa ARB merupakan sebuah agensi yang diberikan tanggungjawab untuk menguruskan harta amanah termasuk prihal berhubungan wasiat di bawah peruntukan undang-undang. Hakikatnya badan amanah tersebut telah ditubuhkan di negara ini sejak tahun 1921 oleh kerajaan yang dikenali sebagai Jabatan Amanah Raya dan Pemegang Pusaka. Fungsi dan peranannya dilihat lebih efisien sejak pengkorpratannya setelah penguatkuasaan Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532). Lantaran itu pengkaji berpendapat betapa penting untuk menjalankan penyelidikan terhadap ARB kerana perbadanan tersebut sudah sekian lama beroperasi sebagai pemegang amanah. Malah sejak akhir-akhir ini pula ARB kelihatan lebih progresif mendedahkan peranan dan fungsinya kepada masyarakat umum. Ini akan mendorong masyarakat supaya cenderung membuat wasiat melalui badan tersebut di samping lebih dipercayai kerana dikawal oleh undang-undang.

Melalui produk wasiat, ARB telah menawarkan perkhidmatan kepada semua masyarakat Malaysia tanpa mengira agama atau bangsa. Memandangkan majoriti rakyat negara ini beragama Islam, maka secara tidak langsung orang Muslim menjadi golongan sasaran yang utama kepada produk tersebut. Tambahan pula prinsip wasiat Islam jelas berbeza dengan wasiat yang dibuat oleh orang bukan Islam kerana seseorang pewasiat

Muslim mestilah berwasiat mengikut landasan hukum substantif tersendiri. Justeru itu, penyelidikan terperinci amat penting untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh perbadanan tersebut dalam proses menderafkan dokumen wasiat bagi seseorang Muslim adalah tepat tanpa bercanggah dengan undang-undang Islam. Ia juga akan mendorong para pewasiat terutamanya yang kurang pengetahuan supaya dapat melaksanakan wasiat selaras dengan tuntutan syarak.

Secara praktikalnya, ARB menyediakan perkhidmatan menulis surat wasiat terakhir yang komprehensif dengan menyatakan segala butiran mengenai kadar pembahagian ke atas benefisiari sebagaimana diarahkan oleh pewasiat. Dengan adanya dokumen yang lengkap itu sebarang urusan mentadbir pusaka lebih mudah dan cepat. Menyedari kelebihan tersebut, ARB telah giat mempromosikan produk wasiat yang ditawarkan dengan mengemas kini perkhidmatannya dan memperkenalkan satu lagi bentuk surat ikatan iaitu Dokumen Wasiat Asas. Surat ikatan tersebut dilihat mampu menarik lebih ramai lagi pelanggan ARB yang beragama Islam menulis wasiat di samping dapat meningkatkan sumber pendapatan perbadanan itu. Difahamkan bahawa dokumen tersebut akan berkuatkuasa sekiranya pewasiat meninggal dunia sebelum sempat menulis surat wasiat yang komprehensif. Lantaran itu sudah pasti kajian ini perlu dilakukan supaya dapat meneliti dan mencari kepastian tentang tahap pengaplikasian hukum syarak dalam urusan menderafkan dokumen wasiat berkenaan.

1.6 Metode Penyelidikan

Secara umumnya, pengkaji mengambil pendekatan metode penyelidikan berbentuk kualitatif² ketika menjalankan kajian. Ini kerana pengkaji bukan bertujuan untuk menentukan sesuatu kadar atau kuantiti tertentu, bahkan hasil dapatan kajian ini menjurus kepada penemuan satu fenomena mengenai perspektif Undang-undang Islam terhadap pendrafan dokumen wasiat orang Muslim di ARB. Beberapa metodologi kajian diaplikasikan ketika menjalankan aktiviti pengumpulan data sama ada data-data berbentuk dokumen, amalan ataupun kata-kata sebelum dianalisis. Selain itu metode-metode tertentu juga dijadikan teknik dalam proses menganalisis data untuk mencapai objektif kajian. Metode-metode tersebut ialah metode induktif, metode deduktif dan metode komperatif.

1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Beberapa kombinasi metode tertentu yang relevan dan rasional diaplikasikan ketika proses pengumpulan data-data bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan subjek kajian. Kaedah-kaedah tersebut adalah metode penyelidikan kepustakaan, metode dokumentasi dan metode temu bual sebagaimana penjelasan seterusnya.

i. Metode Penyelidikan Kepustakaan

Aplikasi metode ini adalah penting dalam mencari dan mengumpulkan fakta-fakta tepat bagi menghuraikan konsep wasiat menurut pandangan Islam dengan merujuk sumber tertinggi perundangan Islam iaitu Al-Quran dan al-Sunnah terutamanya Hadis-hadis Sahih daripada Sunan al-Sittah. Ia diperincikan lagi dengan merujuk kepada kitab-kitab Fiqh yang mengandungi pandangan-pandangan Fuqahak dan cendiakawan Islam

² Othman Lebar (2006), *Pendidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

berkaitan konsep tersebut. Sedikit sebanyak maklumat mengenai ARB dan peranannya juga telah diperoleh melalui pembacaan buku-buku, jurnal, artikel termasuk hasil kajian-kajian mengenainya yang terdahulu.

ii. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi merujuk kepada kaedah menghasilkan himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen yang digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian.³ Metode ini lebih diaplikasikan ketika menjalankan penyelidikan di ARB dengan mengambil pendekatan kaedah persampelan bertujuan *purposive sampling*⁴ bagi merialisasikan objektif yang digariskan. Data-data tersebut adalah Borang Permohonan Menulis Wasiat, Manual Surat Wasiat Terakhir Orang Islam, pamphlet, bahan-bahan rujukan yang dijadikan panduan dalam proses menderafkan dokumen berkenaan seperti statut-statut dan sebagainya. Data-data berkaitan yang dimuat turun dalam laman web juga penting dan tidak diabaikan. Selain itu laporan dari Jabatan Probet ARB dan statistik mengenai pewasiat turut diambil sebagai maklumat pelengkap bagi kajian ini.

iii. Metode Temu Bual

Setelah mendapati data-data yang diperoleh daripada metode penyelidikan kepustakaan dan dokumentasi tidak lengkap, sesi temu bual diadakan bersama infoman yang terlibat secara langsung dalam proses pendrafan dokumen wasiat Muslim di ARB bagi mengisi kelompangan maklumat berkaitan subjek kajian. Pegawai-pegawai ARB yang telah ditemubual ialah;

- i. Prof. Muhammad Kamil bin Haji Abdul Majid, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Syariah, ARB Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

³ Hajah Noresah bt. Baharom (ed.) (2005), *op.cit*, h. 360.

⁴ Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 63.

- ii. Prof. Ridzuan Awang, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Syariah, ARB, Jalan Ampang.
- iii. Encik Othman bin Haji Hamid, Penasihat Undang-undang, ARB Jalan Semantan, Kuala Lumpur.
- iv. Puan Azmanira binti Ariff, Pengurus Jabatan Probet ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- v. Encik Suhaimi bin Abd. Wahab, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Penulisan dan Pindaan, Jabatan Probet ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- vi. Encik Junaidi bin Abd. Rahman, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pendaftaran dan Simpanan, Jabatan Probet ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- vii. Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pentadbiran Pusaka Berwasiat, Jabatan Probet ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- viii. Puan Saadiah binti Zainal Abidin, Pegawai Eksekutif, Unit Pembangunan dan Perniagaan, ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- ix. Encik Abdul Zubir bin Haji Abdul Rahman, Penolong Pengurus, Unit Pembangunan dan Perniagaan, ARB Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
- x. Encik Shahri Bin Abd. Munir, Pegawai Eksekutif Kanan, Bahagian Pengurusan ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Perlu dinyatakan juga bahawa temu bual yang dijalankan berbentuk semi berstruktur dengan menyediakan terlebih dahulu soalan-soalan tertentu, namun ia dikembangkan bergantung kepada keperluannya. Begitu juga respon dari pihak infoman tidaklah terhad atau terikat kerana soalan-soalan adalah terbuka dan subjektif.

1.6.2 Metode Penganalisisan Data

Pendekatan kaedah analisis kandungan atau *content analysis* telah diambil supaya objektif kajian ini tercapai. Proses menganalisis data dalam kajian ini melibatkan aplikasi tiga kaedah iaitu metode induktif, metode deduktif serta metode komparatif.⁵ Setiap terma atau klausa yang termaktub di dalam draf-draf dokumen wasiat ARB telah diteliti secara induktif untuk mendapatkan maksud sebenar isi kandungannya. Sebarang induksi daripada draf-draf berkenaan akan dianalisis secara perbandingan bagi menentukan keselarasannya dengan fakta-fakta substantif tentang wasiat. Dengan itu beberapa komentar dan pandangan telah dapat dibuat melalui kaedah deduktif seterusnya membuat suatu kesimpulan. Berdasarkan kesimpulan yang telah dicapai itu beberapa cadangan telah dikemukakan. Manifestasi aplikasi metode-metode tersebut dapat dilihat dalam Bab 4, Bab 5 dan Bab 6 kajian ini.

1.7 Sorotan Literatur

Hukum wasiat dari aspek teoritikalnya adalah merujuk kepada sumber asas perundangan Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah dan kupasan mengenainya oleh para ulamak melalui tulisan-tulisan yang kebanyakannya berbahasa Arab. Di Malaysia dapat

⁵ Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, c. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.

diperhatikan bahawa usaha meningkatkan kefahaman umat Islam tentang tuntutan berwasiat terus berkembang dari masa ke semasa. Beberapa penyelidikan dan penulisan berbentuk ilmiah telah dilakukan oleh sebilangan para sarjana negara ini bagi menerangkan konsep sebenar wasiat di sisi Islam termasuk apa jua isu berkaitan dengannya di samping menjelaskan tentang kepentingannya dalam pembangunan ummah serta negara.

Dalam Siri Islam dan Pembangunan Malaysia pada tahun 1986 satu karya iaitu *Wasiat Dalam Islam: Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia* telah dihasilkan dan ia dilihat mampu memberi faham tentang wasiat menurut perspektif Islam kepada masyarakat Muslim di negara ini. Selain menghuraikan konsep sebenar wasiat Islam seperti bentuk wasiat, harta yang diwasiatkan, tatacara berwasiat dan sebagainya, penulis iaitu Abd Rashid bin Abd Latif turut mengulas tentang keadilan berwasiat dari segi mental dan fizikal yang perlu difahami dan dihayati oleh setiap umat Islam.⁶ Ini kerana berwasiat bukanlah bertujuan untuk menganiaya pihak tertentu bahkan ia merupakan peluang untuk memberikan sokongan kepada yang memerlukan tanpa mengabaikan hak waris-waris. Pemahaman tentang konsep dan prinsip wasiat ini terus ditingkatkan oleh Dr. Musa Fathullah Harun dengan menjelaskan bagaimanakah hubungan perkara tersebut dengan hal perwarisan melalui karyanya iaitu *Masalah Wasiat dan Faraid*⁷ disebabkan kedua-duanya saling bersangkutan ketika perlaksanaannya. Manakala karya berjudul *Bagaimana Membuat Wasiat*⁸ yang telah dinukilkan oleh Prof. Dr. Ahmad Hidayat Buang dilihat suatu langkah memberi kefahaman secara mudah kepada masyarakat awam supaya dapat mendorong seseorang

⁶ Abdul Rashid Abdul Latif (1986), *Wasiat Dalam Islam, Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*, c.1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷ Musa bin Fathullah Harun (1989), *Masalah Wasiat dan Faraid*, Skudai: Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia.

⁸ Ahmad Hidayat Buang (2002), "*Bagaimana Membuat Wasiat?*" Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

untuk membuat wasiat kerana ia adalah tuntutan agama. Kini satu lagi karya bertajuk *Wasiat dan Hibah*⁹ telah dihasilkan oleh Rizalman Muhammad bersama Dr. Ishak Sulaiman melalui disiplin mereka dalam Siri Analisis Hadis Muamalah dengan tujuan mentakhrij hadis-hadis mengenai wasiat supaya dapat dijadikan panduan bagi seseorang untuk berwasiat secara hakiki.

Dari aspek praktikalnya, implimentasi wasiat tentunya dikaitkan dengan pusaka berwasiat yang pastinya tertakluk kepada peraturan undang-undang. Prof. Ahmad Ibrahim ada membincangkan isu wasiat di dalam karyanya iaitu *Undang-undang Keluarga Islam*¹⁰ kerana perkara tersebut terangkum dalam perihal mal orang Islam. Pelbagai pendekatan penghakiman mahkamah serta isu-isu berbangkit dalam hal wasiat telah dikemukakan oleh beliau sejak era kolonial sehingga pasca merdeka melalui kes-kes yang telah berlaku. Ada juga artikel bertajuk *Wasiat dan Kepentingannya: Perbandingan Antara Undang-Undang Sivil dan Islam*¹¹ telah dikarang Oleh Noor Aziah binti Mohd Awal. Terdapat Artikel-artikal lain telah ditulis bagi menerangkan bagaimana prosedur pentadbiran wasiat dijalankan antaranya *Wasiat, Konsep dan Perundangan*¹² nukilan Prof Dato' Dr. Monir Yaacob. Selain itu Prof. Madya Ridzuan Awang pula telah menerangkan perkara ini melalui karyanya¹³ di bawah topik *Pentadbiran Harta Wasiat di Malaysia*. Manakala Dr. Siti Zalikah Md. Nor turut

⁹ Rizalman bin Muhammad (et.al) (2008), *Wasiat dan Hibah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

¹⁰ Prof. Ahmad Ibrahim (1999), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd., h.291.

¹¹ NoorAziah, (1996), "Wasiat dan Kepentingannya: Perbandingan Antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Islam" *Current Law Journal*: 1996:2 :xxviii – xxxvii, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹² Abdul Monir Yaacob (et. al), (1999), *Pentadbiran harta Menurut Islam*, c. 1, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

¹³Ridzuan Awang, (1994), *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

mengambil ruang menghuraikan perkara ini dengan tulisannya iaitu *Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah di Malaysia, Isu Syariah dan Undang-undang*.¹⁴

Ketika meninjau prestasi aplikasi undang-undang Islam di negara ini, Prof Dr. Ahmad Hidayat Buang telah membuat sorotan ringkas bagi menggambarkan corak reformasi Undang-undang wasiat Islam di negara ini dan dirakamkan di dalam artikelnya iaitu *Perkembangan dan Isu-isu Undang-undang Pusaka dan Wasiat di Malaysia*.¹⁵

Dari posisi perundangan pula realitinya peruntukan mengenai wasiat Islam di negara ini terus dikemas kini sehingga semua negeri-negeri telah memperuntukannya di dalam Enakmen Induk bagi pentadbiran hukum syarak memandangkan perkara tersebut menyentuh perihal seseorang Muslim. Walau bagaimanapun wujud pelbagai polemik perundangan seperti isu bidang kuasa mahkamah, undang-undang yang terpakai dan sebagainya disebabkan pentadbiran pusaka berwasiat turut melibatkan undang-undang Persekutuan iaitu Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Selain itu konflik bidang kuasa di antara Mahkamah Syariah dan Sivil juga boleh berlaku sekiranya timbul pertikaian tentang wasiat yang membabitkan orang Islam dan orang bukan Islam. Demikianlah yang dijelaskan oleh Farid Sufian Shuaib, Tajul Aris Ahmad Bustami dan Mohd Hisham Mohd Kamal dalam penulisan mereka iaitu *Administration of Islamic Law In Malaysia, Text and Material*¹⁶. Perkara sedemikian turut ditegaskan oleh Dr. Siti Mashitoh Mahamud dalam artikalnya iaitu *Undang-undang dan Pentadbiran Harta*

¹⁴ Siti Zalikhak Md. Nor, (2002), *Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah di Malaysia*, Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁵ Ahmad Hidayat Buang (ed.), (2005), *Mahkamah Syariah di Malaysia, Pencapaian dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 139.

¹⁶ Farid Sufian Shuaib, (2001) *Administration of Islamic Law In Malaysia, Text and Material*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

*Amanah Orang Islam di Malaysia*¹⁷. Dari sudut prosedural ternyata Mahkamah Syariah tidak memiliki bidang kuasa eksklusif dalam mengurus tadbirkan pusaka yang berwasiat orang Islam. Oleh itu anjuran dan harapan YAA Datuk Ismail Yahya dalam artikelnya bertajuk *Pelaksanaan Wasiat di Malaysia, Teori dan Praktis*¹⁸ hendaklah diamati oleh seluruh umat Islam agar membuka minda serta bangkit menggalas akauntabiliti untuk memartabatkan Islam dengan memanfaatkan sebaik mungkin ruang yang telah diberikan melalui peruntukan undang-undang bagi meruntun pemakaian peraturan-peraturan yang dikenakan oleh majoriti masyarakat negara ini.

Sehubungan itu sistem pentadbiran dan pelaksanaan harta wasiat terus ditingkatkan berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan. Antara cadangan yang sering diajukan oleh para sarjana mahupun ahli perundangan adalah pengkodifikasian Undang-undang Wasiat Islam yang khusus agar peraturan-peraturan berhubung perlaksanaannya lebih jelas dan sebarang pertikaian mudah diselesaikan.¹⁹ Rentetan itu negeri Selangor telah mengkodifikasikan dan menguatkuasakan Enakmen Wasiat Orang Islam 1999 dan ia dilihat sebagai suatu respon positif terhadap perkembangan undang-undang wasiat Islam di negara ini. Malah kini Negeri Sembilan²⁰ dan Melaka²¹ juga telah menguatkuasakan Enakmen Wasiat masing-masing. Diharapkan semua negeri akan mengambil langkah sedemikian agar amalan wasiat secara betul berpaksikan Undang-undang Islam dapat dibudayakan. Menurut Dr Ahmad Hidayat Buang peruntukan-peruntukan yang dikanunkan dalam statut berkenaan

¹⁷ Siti Mashitoh Mahmood, (2006), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia, Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.10.

¹⁸ Dato' Ismail bin Yahya (2004), "Pelaksanaan Wasiat Di Mahkamah Syariah, Teori dan Praktis" *Jurnal Hukum*: 2004:1 :1-18, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

¹⁹ Tajul Aris Ahmad Bustami (2004), "Pentadbiran Wasiat Orang Islam di Malaysia: Perkembangan dan Masalah. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*: 2004; 16.1:1-19, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

²⁰ Enakmen 5 Tahun 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004

²¹ Enakmen 4 Tahun 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005

diadaptasi daripada Undang-undang Wasiat Mesir 1946 termasuk peraturan di bawah seksyen 26 iaitu wasiat kepada waris dan seksyen 27 wasiat wajib kepada cucu yang kematian bapanya terlebih dahulu sebelum datuknya. Peruntukan-peruntukan mengenai kedua-dua isu tersebut dilihat sebagai suatu perubahan yang besar terhadap prinsip asas hukum substantif dalam agihan pusaka. Apatah lagi beliau telah mendedahkan di dalam kajiannya bahawa Abu Zuhrah amat bimbang dengan implikasi penguatkuasaannya itu kerana permasalahan tersebut menyentuh prinsip Jurispruden Islam.²²

Bermula kewujudan Enakmen Wasiat yang pertama²³ di negara ini, kajian-kajian dan penganalisan terus dijalankan oleh ahli sarjana sebagai respon terhadap penguatkuasaannya terutama berkaitan peruntukan-peruntukan yang kontroversi iaitu wasiat kepada waris dan wasiat wajibah. Dr. Jasni Sulong dalam artikelnya bertajuk *Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-undang dan Penggubalan di Selangor, Malaysia*²⁴ menyatakan reaksinya bahawa penggubalan statut berkenaan merupakan suatu reformasi dalam undang-undang Islam tempatan. Dengan berlandaskan hujah tertentu beliau menegaskan bahawa pengkodifikasian wasiat kepada waris seperti dinyatakan sebelum ini sebenarnya memberi alternatif yang lebih besar kepada pewasiat untuk menguruskan distribusi pusakanya supaya lebih efisien dan saksama. Usaha meningkatkan kefahaman kepada masyarakat tentang isu ini telah dikembangkan melalui penulisan terbaru beliau iaitu *Hadis Wasiat Kepada Waris: Konsep dan Takhrij Dalam Penggubalan Undang-undang Semasa*.²⁵ Selain itu Prof. Madya Mohd Ridzuan Awang dan Noor Lizza Mohamed Said turut mengemukakan reaksi terhadap

²² Ahmad Hidayat Buang, (2002), *op. cit.*

²³ Enakmen 4 Tahun 1999, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999

²⁴ Jasni bin Sulong (2005), "Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang dan Penggubalan di Selangor, Malaysia", *Jurnal Syariah*: Jun-Dis 2005; 13:47-64, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

²⁵ Jasni Sulong (et.al)(2008), *Warisan al-Hadis, Antara Teras Dengan Dinamika Pemikiran*, Hadis Wasiat Kepada Waris: Konsep dan Takhrij dalam Penggubalan Undang-Undang Semasa, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia h. 66-87.

penguatkuasaan peruntukan berkenaan melalui artikal mereka iaitu *Ijtihad Fuqaha' Dalam Masalah Wasiat Kepada Waris: Perlaksanaannya di Malaysia*.²⁶

Manakala peruntukan mengenai wasiat wajibah juga terdapat kajian khusus telah dibuat oleh Mohd Shukri bin Jusoh. Kajiannya yang bertajuk, *Undang-Undang dan Pelaksanaan Wasiat Wajibah di beberapa Negara Islam: Kajian Perbandingan*²⁷ telah mendedahkan hakikatnya wujud perbezaan peruntukan Undang-undang tentang wasiat wajibah di negara-negara Islam yang lebih dahulu menguatkuasakannya dan secara langsung ia dapat menyumbang kepada pengemaskinian undang-undang di negara ini. Realitinya terdapat pelbagai perkara yang masih samar dan boleh menimbulkan kesulitan termasuk masalah prosedur untuk melaksanakan wasiat wajibah tersebut. Dalam artikel berjudul *Wasiat Wajibah Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999*²⁸ oleh Shahrudin Selamat menegaskan bahawa aspek procedural amat perlu dijelaskan bagi memudahkan urusan pelaksanaan wasiat wajibah dan objektif keharusannya untuk membela cucu yang terlibat dapat dimanifestasikan dengan sewajarnya. Memandangkan Enakmen Wasiat yang terpakai kini tidak menyatakan kaedah apakah akan diaplikasikan bagi mengagihkan pusaka membabitkan wasiat wajibah, maka Dr. Ahmad Hidayat Buang melalui artikel terakhirnya setakat ini bertajuk *Prinsip dan Pelaksanaan Wasiat*²⁹ telah mengajukan empat cadangan metode penyelesaian bagi konflik tersebut iaitu sama ada mengikut kaedah Mahkamah atau kaedah mufti atau berdasarkan kiraan Muhammad Abu Zahrah ataupun merujuk kepada

²⁶ Mohd Ridzuan Awang (2008), "Ijtihad Fuqaha' Dalam Masalah Wasiat Kepada Waris: Pelaksanaannya di Malaysia", (International Conference On Ijtihad And Ifta' In The 21st Century: Chanlleges & Prospects, 12-14 August 2008)

²⁷ Mohd Shukri bin Jusoh (2004), *Undang-Undang dan Pelaksanaan Wasiat Wajibah di beberapa Negara Islam: Kajian Perbandingan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

²⁸ Shahrudin Selamat, (2004), "Wasiat Wajibah Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999", *Jurnal Hukum*: 2004:1 :21-38, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

²⁹ Ahmad Hidayat Buang (2007), "Prinsip Dan Pelaksanaan Wasiat", *Undang-Undang Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya h. 269-292.

pengiraan oleh Hamid Khan. Contoh-contoh agihan mengikut keempat-empat fomular tersebut turut dikemukakan dalam penulisan tersebut.

Seperkara lain yang sering ditekankan dalam membicारा hal-hal berkaitan wasiat ini adalah kepentingan menulis atau mendokumennkannya. Ini kerana dokumen akan menjadi asas bukti yang kukuh mengenai kewujudan sesuatu wasiat. Dari sudut amalannya juga mahkamah akan mengambil dokumen sebagai sebahagian daripada bahan keterangan untuk membuat sesuatu keputusan. Apatah lagi wasiat yang melibatkan pihak yang telah meninggal dunia. Sudah tentu dokumen berkenaan amat membantu untuk menentukan kesahihan kewujudannya. Perkara ini telah dikupas dengan lebih komprehensif oleh Dr Ruzman Md. Noor di dalam artikelnya bertajuk *Kepentingan Dokumen (al-Kitābah) Dalam Undang-undang Keterangan Islam: Meneliti Kes Wasiat Secara Perbandingan*.³⁰ Selain itu dengan adanya surat wasiat sebenarnya akan memudahkan urusan mendapatkan surat probet di mahkamah. Secara langsung urusan pentadbiran harta pusaka menjadi lebih mudah dan cepat. Demikianlah yang telah dijelaskan oleh Pawancheek Marican dalam penulisannya yang bertajuk *Islamic Inheritance Laws In Malaysia* yang telah mengambil inisiatif untuk menjelaskan secara terperinci tentang amalan berwasiat di kalangan masyarakat negara ini terutamanya orang Islam. Penulisan tersebut amat menekankan keperluan mendokumentasikan wasiat kerana dokumen telah menjadi bahan pembuktian yang efektif.³¹ Begitu juga perihal kepentingan mendokumenkan pengamanahan bagi menjamin masalah orang yang ditinggalkan turut dihuraikan dengan terperinci melalui penulisan ini.

³⁰ Ruzman Md. Nor, (1996), "Kepentingan Dokumen (*Al-Kitābah*) Di Dalam Undang-Undang Keterangan Islam: Meneliti Kes Wasiat Secara Perbandingan", *Monograf Syariah 2*, Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, h. 125-136.

³¹ Pawancheek Marican, (2008), *Islamic Inheritance Laws In Malaysia, c.2*, LexisNexis, h.129-214.

Tidak dapat dinafikan bahawa kebelakangan ini telah wujud pelbagai pihak bangkit menawarkan perkhidmatan penulisan dokumen wasiat kepada orang Muslim sebagai langkah melancarkan pentadbiran pusaka selepas kematian termasuk ARB yang menjadi medan kajian ini. Fungsi dan peranan perbadanan tersebut dapat ditelusuri melalui catatan oleh Habsah Bakar dalam artikelnya bertajuk *Pengalaman Amanah Raya Berhad dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam*.³² Disebabkan tiada format khusus untuk menulis dokumen wasiat, sudah tentu teknik dokumentasinya tidak seragam. Namun, itu bukanlah menjadi suatu permasalahan. Asalkan dokumen berkenaan mengandungi keterangan mengenai kehendak pewasiat. Dalam hal ini Dr. Ahmad Hidayat Buang mengatakan bahawa kebangkitan agensi-agensi tertentu yang menyediakan perkhidmatan penulisan wasiat itu adalah suatu perkembangan baik. Namun beliau menegaskan bahawa perkhidmatan yang diberikan perlulah menjadikan ketetapan syarak sebagai landasan utama dan bukanlah semata-mata mengambil kira keuntungan peribadi.³³

Sementara itu apa yang penting ialah konsep pengamanahan dan pemberian mestilah difahami supaya dokumen yang dihasilkan adalah jelas tanpa sebarang kekeliruan. Justeru, pendrafan dokumen berkaitan wasiat dan *wiṣayāh* perlu dibezakan kerana kedua-duanya mempunyai konsep yang hampir sama namun isi kandungannya terdapat maksud tersendiri. Demikianlah juga yang dinyatakan oleh Haji Abdul Aziz Hassan dan Cik Yusmawati Yusop dalam artikel mereka berjudul *Perancangan Harta di Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd.*³⁴ bahawa perlulah ada pengasingan dokumen bagi perbuatan *wiṣayāh* (surat mentadbir) dengan dokumen wasiat (surat pemberian) kerana pengurusan pentadbiran harta pusaka akan menjadi lebih jelas dan teratur. Malah di

³² Siti Mashitah Mahamood (2006), *op. cit.*, h.133-148.

³³ Ahmad Hidayat Buang (2002), *op. cit.*

³⁴ Siti Mashitah Mahamood (2006), *op. cit.*, h.159-162.

Negara Mesir peruntukan undang-undang tentang wasiat dan *wiṣayāh* dikanunkan secara berasingan. Peraturan berkaitan wasiat dinyatakan di dalam *Qānūn al-wasiyyah* iaitu undang-undang No. 71 1946, manakala peraturan berkaitan *wiṣayāh* ini dinyatakan dalam *Qānūn Ahkām al-Wilāyah ‘alā Māl*. Adapun tafsiran *wiṣayāh* dalam undang-undang ini turut menunjukkan suatu pengamanahan yang dibuat berkaitan dengan sebarang urusan kehidupan seperti menyempurnakan hutang dan sebagainya.

Konklusinya, dari pelbagai sudut sorotan dilakukan pengkaji mendapati aplikasi Undang-undang Wasiat Islam di negara ini kian berkembang dari masa ke semasa selari dengan peningkatan pengetahuan dan kepekaan umat Islam terhadap ajaran agama. Hasil penyelidikan dan tulisan-tulisan sebenarnya telah menjadi momentum kepada perkembangan aplikasi wasiat di kalangan umat Islam. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang dan peluang untuk mengemas kini dan menambah baik kekurangan dan kelemahan dalam pelbagai sudut pemakaiannya sama ada pentadbiran mahupun penguatkuasaan undang-undang mengenainya. Isu-isu yang masih samar dan mengelirukan seperti wasiat kepada waris, wasiat bersyarat, wasiat wajib, tatacara berwasiat dan sebagainya perlu dijelaskan dengan lebih terperinci oleh pihak-pihak berkeelayakan dan mereka yang terlibat secara langsung dengan urusan tadbir harta wasiat agar masyarakat dapat memenuhi tuntutan berwasiat secara betul mengikut lunas-lunas syarak. Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi input kepada perkembangan amalan berwasiat oleh umat Islam dan memberi penjelasan sewajarnya terhadap kepentingan mendokumenkan wasiat dengan kaedah yang lebih tepat agar pengurusan harta wasiat mudah dijalankan.

BAB 2: DOKUMEN DAN KEPENTINGANNYA DI DALAM WASIAT ISLAM

Pendahuluan

Bab ini akan mengupas tentang konsep dan ciri-ciri dokumen menurut perspektif Islam disamping menjelaskan lebih terperinci kepentingan penulisan dokumen wasiat menurut undang-undang Islam.

2.1 Konsep dan Ciri-ciri Dokumen

Dalam fasal ini, identifikasi sesuatu dokumen dijelaskan secara ditil supaya konsepnya dapat difahami. Selain itu, huraian mengenai dokumen dan hubungannya dengan konsep *al-Kitabah* menurut perspektif Islam turut diterangkan beserta fungsinya sebagai bahan pembuktian bagi mengetahui ciri-ciri sesuatu dokumen.

2.1.1 Identifikasi Dokumen

Lazimnya masyarakat awam lebih memahami istilah dokumen sebagai surat atau nota yang mengandungi sesuatu maklumat tertentu. Dari sudut bahasa dokumen adalah sesuatu yang bertulis atau bercetak, yang boleh digunakan sebagai rekod atau bukti seperti sijil kelahiran atau sijil kematian dan lain-lain.³⁵ Pengertiannya tidak jauh berbeza dengan takrifan dokumen menurut kata nama di dalam Bahasa Inggeris iaitu,

³⁵ Hajjah Noresah bt. Baharom (ed.)(2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, op.cit, h. 360

*“Document is a piece of written, printed, or electronic matter that provides information or evidence or that serves as an official records.”*³⁶

Berpandukan interpretasi di atas, dokumen merangkumi tulisan atau catatan yang mengandungi maklumat atau memberikan keterangan tertentu seperti passport, surat perjanjian, resit jual beli, kad-kad peribadi dan sebagainya. Ia juga terdiri daripada sebarang bahan-bahan bercetak seperti buku, artikel, catatan yang berfakta dan berinformasi. Lukisan-lukisan, gambarajah, fotograf, dan seumpamanya juga termasuk di dalam takrifan dokumen kerana bahan berkenaan dapat menterjemahkan maklumat tertentu. Selain itu data-data yang tersimpan atau direkodkan melalui kaedah elektronik seperti komputer, pita rakaman dan filem turut diklasifikasikan sebagai dokumen.³⁷

Secara umumnya, tiada kaedah khusus untuk menghasilkan suatu dokumen kerana perkara yang utama adalah sesuatu keterangan akan dapat diperolehi daripada bahan berkenaan. Selain itu mana-mana individu yang mempunyai kepentingan dengan dokumen boleh menghasilkannya mengikut keperluan dan tujuan masing-masing. Ini kerana dokumen juga merujuk kepada apa jua tulisan atau catatan yang dibuat sama ada oleh pemerintah, hakim, pegawai-pegawai atau orang biasa, sama ada ditulis dengan tatacara rasmi atau tidak sepertimana ditakrifkan oleh Dr. Mahmud Saedon A. Othman.³⁸

Justeru pengertian lebih luas dapat diperhatikan berdasarkan takrifan dokumen mengikut tafsiran seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah

³⁶ _____ (t.t), *Concise Oxford English Dictionary [The World's Most Trusted Dictionaries]*. New York: Oxford University Press Inc, h. 421.

³⁷ <http://www.reference.com/browse/>. 21.11.2006

³⁸ Dr. Mahmud Saedon A. Othman (1990), *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 159.

Persekutuan) 1997/2005 [Akta 561] dan setiap statut seumpama itu yang terpakai di negeri-negeri lain³⁹ iaitu:

“*dokumen*” ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan -

(a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua pun bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;

(b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);

(c) apa-apa rakaman bunyi; atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data lain;

(d) suatu rakaman; atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c),

atau dengan lebih daripada satu cara yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau yang mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara sekalipun menggambarkan, hal itu;

MISALAN

Tulisan ialah dokumen.

Perkataan yang dicetak, dilitograf atau difotograf ialah dokumen.

Peta, pelan, graf atau lakaran ialah dokumen.

Inskripsi pada kayu, logam, batu, atau apa-apa benda, bahan atau barang lain ialah dokumen.

Lukisan, citra, gambar atau karikatur ialah dokumen.

³⁹ Enakmen 6 Tahun 2001 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001; Ordinan 47 Tahun 2001 Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak) 2001; Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 ; Enakmen Keterangan Mahkamah Syariaiah (Kelantan) 2002; Enakmen 5 Tahun 2003 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003; Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003; Enakmen 12 Tahun 2003 Enakmen Keterangan Mahkamah Syaraih (Negeri Sembilan) 2003; Enakmen 8 Tahun 2004 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004; Enakmen 8 Tahun 2004 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negri Pulau Pinang) 2004; Enakmen 11 Tahun 2004 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004; Enakmen 4 Tahun 2005 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pahang) 2005; Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 2003/2006; Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989/2007.

Fotograf atau negatif ialah dokumen.

Rakaman pita komunikasi telefon, termasuklah rakaman komunikasi sedemikian yang dipancarkan dari suatu jarak, ialah dokumen.

Rakaman fotografi atau rakaman visual lain, termasuklah rakaman pemancaran fotografi atau pemancaran visual lain dari suatu jarak, ialah dokumen.

Hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapatkan semula atau dikeluarkan oleh komputer ialah dokumen;

2.1.2 Dokumen Dan Hubungannya Dengan Konsep *Al-Kitābah* Dalam Islam

Pada umumnya, Islam telah menekankan penulisan dokumen dalam beberapa perkara bagi memudahkan urusan manusia. Dapat dikatakan bahawa konsep “*al-kitābah*” dalam Islam mempunyai persamaan maksud dengan takrifan “dokumen” seperti mana dijelaskan sebelum ini. *Al-kitābah* adalah istilah Arab yang dipetik daripada kata dasar “*kataba*” iaitu tulisan atau kata-kata yang dicatatkan.⁴⁰ Ia juga membawa pengertian yang khusus bagi maksud kalimah-kalimah daripada Allah S.W.T iaitu “*al-Kitāb*” yang mengandungi peraturan-peraturan tertentu dan perintah-perintah-Nya.⁴¹

Di dalam al-Quran Allah S.W.T telah memerintahkan supaya catatan hendaklah dibuat dalam beberapa urusan terutamanya apabila melibatkan hak individu lain. Perkara-perkara yang perlu untuk didokumenkan termasuklah perihal berkaitan hutang piutang, gadaian dan bayaran yang dibuat bagi membebaskan hamba.⁴² Ini kerana hal-hal tersebut menyentuh soal tanggungjawab dan amanah serta hak seseorang yang boleh mendatangkan kemudharatan bagi satu pihak dan boleh mengundang pertikaian sekiranya tiada sebarang kesaksian berhubung perkara itu. Dengan adanya catatan

⁴⁰ Abī al-Fadl Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Mandhūr al-Afrikiāl-Misr (Ibn Mandhūr) (1999), *Lisān al-‘Arab*, j.12, Beirut: Dār `Iḥya al-Tūrath al-‘Arabī. h .22.

⁴¹ *Ibid.*, h.23.

⁴² Al-Qur`ān, Sūrah al-Baqarah (2): 282 -283 ; al-Nur (24): 33.

berkenaan hak seseorang individu dapat dijamin dan hubungan sesama manusia terus terpelihara.

Sesungguhnya Allah S.W.T Maha Mengetahui mengenai sifat manusia yang mempercayai fungsi dokumen adalah untuk merekodkan sebarang keterangan yang memberi kesan pertanggungjawaban pada masa hadapan. Maka dengan sebab itu Allah S.W.T akan mencatatkan segala amalan manusia di dunia dan akan menjadi bahan pembuktian untuk menghitung balasannya. Sebagaimana Firman Allah S.W.T :

يَوْمَ نَدْعُوا كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمْئِهِمْ^ص فَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِرِيْمٍ
فَأُولَئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧١﴾

Terjemahan:

“Ingatlah hari kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama Imamnya, kemudian sesiapa diberikan kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya dengan sukacita, dan mereka tidak dikurangkan pahala amalan-amalan yang baik sedikit pun”

(Surah al-Isra` (17): 71)

Sehubungan itu, Allah S.W.T telah melantik Malaikat *Raqīb* dan *'Atīd* sebagai pencatat amalan baik dan buruk yang dilakukan oleh setiap seseorang. Adapun catatan bagi amalan-amalan orang-orang yang jahat akan didaftarkan di tempatnya yang disebut *Sijjīn*.⁴³ Ini menunjukkan bahawa dokumen itu adalah penting kerana Allah S.W.T juga membuat catatan. Namun bentuk dan sifat dokumen Allah SWT itu tidaklah dapat diketahui kerana ia adalah urusan-Nya.

⁴³ Al-Qur`ān, Sūrah al-Muṭaffifīn (83): 7-9.

Jika menyingkap sejarah perundangan Islam, Rasulullah s.a.w telah melantik Zayyid bin Thābit, Ubay bin Ka'ab, Mu'ādh bin Jabal dan Mu'āwiyah bin Abī Sufyān sebagai penulis wahyu.⁴⁴ Ini kerana ramai golongan yang menghafaz ayat-ayat al-Quran ketika penurunannya telah terkorban di medan perang. Walaupun ayat-ayat al-Quran pada peringkat awal dicatatkan di atas batu-batu dan pelepah-pelepah tamar, namun hasil inisiatif *Sayyidinā* 'Uthmān bin 'Affān ketika era pemerintahan beliau akhirnya kalimah-kalimah Allah S.W.T dapat diabadikan dalam satu naskhah⁴⁵ dan terus menjadi panduan umat Islam sejagat sehingga hari ini. Demikian juga aktiviti penulisan hadis-hadis Rasulullah s.a.w dan pembukuannya yang bermula pada era pemerintahan Khalifah Umar bin Abd Aziz⁴⁶ merupakan contoh lain berhubung usaha merekod sumber perundangan di dalam sejarah Islam. Selain itu penulisan kitab-kitab yang dikarang oleh para ulamak dalam pelbagai bidang juga termasuk dokumen-dokumen yang amat berharga kerana nilai ilmu pengetahuan di dalamnya dapat dimanfaatkan oleh satu generasi ke satu generasi.

Dengan itu dipercayai bahawa usaha merekod mampu memelihara ilmu pengetahuan dan tradisi keilmuan tidak akan lenyap bahkan terus berkembang dari satu zaman ke satu zaman. Justeru, jelas terbukti bahawa langkah-langkah mendokumenkan fakta tertentu atau seumpamanya merupakan suatu pendekatan yang murni di sisi Islam memandangkan kepentingannya amat besar untuk umat secara keseluruhannya, malah dalam perkara tertentu ia menjadi instrumen bagi melancarkan suatu urusan. Catatan sirah turut menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menghantar wakil serta dokumen-dokumen rasmi baginda kepada ketua dan pemimpin negara lain.⁴⁷ Menurut

⁴⁴ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ibn Abū Bakr al-Suyūfī, (1370H), *al-Itqā n Fi 'Ulūm al-Qurān*, Qāhirat: Muṣṭafā al-Halabī, h.46

⁴⁵ *Ibid*, h.72.

⁴⁶ Muḥammad Ibn 'Alī Muḥammad al-Syawkānī, (t.t) *Nayl al-Auṭār min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, Beirut: Dar al-Jil, h.32.

⁴⁷ Ibn Hisyām, (1971), *al-Sīrat al-Nabawiyah*, Beirut: Dār al-Qalam, h. 187.

al-Mawardi, pendekatan ini diamalkan oleh baginda sepanjang hidupnya sebagai wasilah untuk berdakwah dan menyebarkan syiar Islam ke pelusuk dunia. Catatan digunakan untuk menyampaikan risalah Islam kepada Kerajaan Kisra di Parsi dan Kaisar di Rom. Aplikasi dokumen bertulis yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dapat dilihat dalam pelbagai urusan seperti merekodkan hukum-hukum syarak, memeterai perjanjian perdamaian (*sulh*), termasuk juga memberikan arahan-arahan kepada pemimpin-pemimpin di wilayah-wilayah di bawah autonomi orang-orang Islam.⁴⁸ Pendekatan sedemikian diikuti oleh para *Khulafa` al-Rāsyidīn* yang turut menulis pelbagai arahan kepada gabenor dan hakim-hakim berkaitan hal ehwal agama serta politik ketika menjadi pemerintah.⁴⁹

2.1.3 Dokumen Sebagai Bahan Pembuktian

Pada dasarnya prinsip perundangan Islam bertujuan untuk menegakkan keadilan dan melindungi hak setiap individu. Bagi mencapai matlamat tersebut bahan pembuktian hendaklah dikemukakan sebagai asas keterangan untuk memutuskan sesuatu penghakiman. Selain instrumen pembuktian seperti kesaksian, ikrar dan sumpah, dokumen atau suratan-suratan telah menjadi salah satu bahan bukti yang penting bagi sesuatu dakwaan kerana ia juga mengandungi elemen keterangan.⁵⁰ Dari sudut perundangan, dokumen sendiri telah ditakrifkan sebagai suatu benda yang di atasnya ditulis, dicetak atau diukir sesuatu, dan yang memberi maklumat, ataupun sebarang benda bertulis yang boleh dijadikan keterangan.⁵¹ Umumnya para Fuqaha` tidak menentukan bentuk-bentuk dokumen bertulis secara spesifik, namun menurut *Ibn*

⁴⁸ Abū al-Hasan ‘Alī Ibn Habīb al-Basrī al- Baghdādī (al-Mawardī), *Adab al-Qādī*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 91-92.

⁴⁹ *Ibid*, h.93

⁵⁰ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūfī, (1998). *Al-Asybah wa al-Nazā’ir*, j. 2, Qahirah: Dār al-Salām, h. 362

⁵¹ Mohd. Radzali Masrum (2001), *Maksim Dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100.

'*Ābidīn* terdapat beberapa istilah tertentu yang dapat menjelaskan bentuk-bentuk catatan berdasarkan aplikasinya sepertimana berikut:⁵²

- a) *al-Sakk* ialah catatan atau dokumen berkaitan urusan niaga, ikrar yang mengandungi pengakuan-pengakuan bertulis bagi memetrasi sesuatu perjanjian atau perbuatan memindah milik sesuatu harta benda oleh orang-perseorangan.
- b) *al-Ĥujjah* ialah catatan yang dibuat oleh hakim yang menjelaskan kejadian atau kes yang berlaku. Kertas catatan ini hendaklah dimeteraikan dengan cop rasmi hakim di bahagian atasnya dan ditandatangani oleh dua orang saksi di bahagian bawahnya.
- c) *al-Mahdar* ialah catatan yang mengandungi dakwaan, pengakuan, penafian, keterangan atau sumpah mengenai sebarang perkara berhubung pertikaian dua pihak.
- d) *al-Sijil* ialah catatan yang mengandungi penghakiman (hukuman) yang dibuat oleh hakim.
- e) *al-Wathiqah* adalah istilah umum termasuk di dalamnya *al-Ĥujjah*, *al-Mahdar*, dan *al-Sijil*. Ibn 'Ābidīn menyatakan ia merupakan catatan yang ditulis mengenai sesuatu kes yang disimpan oleh pihak mahkamah (hakim).

Malahan Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa mahkamah hendaklah menerima keterangan apabila terdapat catatan atau tulisan pada seekor haiwan yang menerangkan sesungguhnya ia adalah wakaf dan untuk kegunaan awam. Ini kerana catatan tersebut mengandungi elemen pembuktian yang nyata, bahkan ia mengatasi keterangan saksi. Demikian juga tanda-tanda yang terdapat pada dinding-dinding bangunan juga termasuk instrumen keterangan yang boleh dipakai dan dipercayai.⁵³

⁵² Muḥammad Amīn (Ibn 'Ābidīn) (t.t), *Ĥasyiyah-Rad al-Mukhtār 'Alā al-Dūr-al-Mukhtār*, j. 5, Qāhirah: Dār al-Fikr, h. 369

⁵³ Ibn al-Qayyim, (1961), *al-Ṭurūq al-Ĥukmiyyah*. Kaherah: Mu`assasah al-`Arabiyyah, h. 206.

Pada asalnya catatan diguna pakai untuk tujuan pendokumentasian sesuatu maklumat dan fakta, namun aplikasinya diperluaskan bagi tujuan pembuktian dan ia telah digunakan sebagai pensabitan atau mengukuhkan bukti-bukti lain yang dikemukakan dalam perbicaraan mahkamah. Dapat difahami bahawa apa jua informasi atau fakta yang diekpresikan melalui catatan disebut sebagai keterangan dokumen. Dalam aplikasi perundangan, keterangan dokumen pula merangkumi dokumen peribadi ataupun umum dan apa-apa pernyataan fakta relevan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis.⁵⁴ Manakala dalam Seksyen 3(1) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] telah membuat tafsiran dengan menyatakan "keterangan" dengan merujuk;

(c)Segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah:dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.

Keterangan sedemikian pula termasuk di dalam kategori *qarīnah*⁵⁵ untuk membuktikan sesuatu perkara. Apabila melihat pemakaiannya dalam Undang-undang Islam semasa negara ini, penguatkuasaannya yang meliputi bentuk-bentuk dan kesahihan pembuktiannya telah dikanunkan di dalam BAB 3 iaitu KETERANGAN DOKUMENTAR melalui seksyen 48 hingga 71 bagi setiap statut berkenaan.

2.2 Kepentingan Penulisan Dokumen Wasiat Menurut Undang-Undang Islam

Bagi menjelaskan fasal ini, huraian mengenai agihan harta melalui wasiat akan dikupas terlebih dahulu dan kaedah-kaedah berwasiat turut dijelaskan bagi memberi penerangan lebih lanjut tentang tuntutan berwasiat di sisi Islam. Seterusnya kepentingan berwasiat secara dokumentasi turut dihuraikan agar ia menjadi lebih jelas dan terarah.

⁵⁴ Mohd Radzali bin Masrum (2001), op. cit. , h. 115.

⁵⁵ Seksyen 20 – 26, Statut-statut berkenaan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia.

2.2.1 Agihan Harta Melalui Wasiat

Wasiat adalah ibadah sunat yang amat dituntut oleh Islam dan ia tidak boleh diambil mudah terutamanya bagi seseorang individu yang telah dianugerahkan kekayaan supaya hartanya dapat diuruskan dengan betul di samping mendapat keberkatan Allah S.W.T. Istilah wasiat berasal daripada bahasa Arab yang dipetik berasaskan kalimah “*waṣā*” ertinya menghubungkan atau menyambungkan, serta “*waṣṣā*” dan “*awṣā*” memberi maksud berpesan atau berjanji.⁵⁶ Penggunaannya adalah luas meliputi pelbagai tujuan seperti mewasiatkan harta sekiranya dikaitkan dengan benda, memindahkan tanggungan jika wasiat berupa pesanan dan seumpamanya.⁵⁷ Namun takrifannya dari sudut syarak lebih spesifik tentang wasiat yang melibatkan harta benda dan hak milik. Imām Abu Ḥanifah mentakrifkan wasiat sebagai pemberian tanpa balasan yang menyebabkan pemilikan dan berkuatkuasa setelah berlakunya kematian.⁵⁸ Ia merupakan suatu ‘*akad*’ bagi memindahkan hak yang tidak melebihi satu pertiga daripada jumlah semua harta orang yang membuat wasiat kepada orang yang diberi hak selepas kematiannya mengikut takrifan oleh Imām Mālik.⁵⁹ Wasiat di sisi Imām Syāfi’ī pula merujuk kepada pemberian hak milik secara percuma atau tanpa balasan kepada orang lain dan disandarkan selepas kematian pewasiat yang merupakan pemilik asal hak tersebut.⁶⁰ Manakala Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal mengatakan wasiat adalah satu perintah untuk menguruskan sesuatu perkara setelah berlakunya kematian.⁶¹

⁵⁶ Muḥammad Khaf Allah (1960), *Mu’jam al-Wasī*, j. 2, Miṣr: Syarikah Musahamah Miṣriyyah, h. 1038.

⁵⁷ Ibn Mandhūr (1999), op. cit. j. 15, h. 320-321.

⁵⁸ Alaw al-Dīn al-Samarqind, (1959), *Tuffāh al-Fuqahā*, j. 3, Damsyiq: Jāmi’ Dimasyq, h. 338.

⁵⁹ Malik bin Anas (t.t), *al-Muwatta’*, Qāhirah: Dār Iḥyā’, Kutub al-’Arabiyyah, h. 596 - 597 ; Muḥammad al-Fikrī, (1962), *al-Mu’āmalah Māliyyah wa al-Adabiyyah*, juz. 2, Miṣr: , h.186.

⁶⁰ Al-Imām Abī ’Abdullah Muḥammad Idris al-Syāfi’ī (1410H/1990M), *al-’Umm*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr, h. 429 ; Al-Sheikh Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī al-Khātib, (977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 3, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Ṭurāth, h. 39.

⁶¹ Abū Muḥammad ’Abdullah Ibn Aḥmad (Ibn Qudāmah) (t.t), *al-Mughnī*, Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah, j. 6, h. 414-415 ; Maṣūfūr Ibn Idris al-Bahuti, (t.t), *Kashshaf al-Qanna Matan al-Iqna’*, j. 4, Riyād: Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthah. h. 335

Signifikannya wasiat merupakan salah satu daripada kaedah mengagihkan harta setelah kematian yang dibenarkan malah sangat digalakkan melakukannya. Ini bertujuan bagi memastikan manfaat harta yang ditinggalkan tidak hilang tetapi sebaliknya dapat diwarisi pula oleh individu lain. Selain itu ia menjadi lambang ketaatan dan ketaqwaan seseorang individu terhadap anjuran agama yang menganjurkan agar hartanya dapat diagihkan kepada mereka yang berhak. Allah S.W.T berfirman;

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ
لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Terjemahan:

“Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiatlah untuk ibu bapa dan kerabat karibnya secara ma'rūf. (Ini adalah) kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa.”

(Surah al-Baqarah (2): 180)

Merujuk interpretasi di atas, wasiat meninggalkan harta pusaka untuk ibu bapa dan kaum kerabat mestilah dilakukan oleh seseorang yang memiliki harta kerana ia menjadi suatu tanggungjawab bagi orang-orang beriman.⁶² Adapun ayat tersebut mengandungi maksud umum mengenai golongan-golongan yang berhak mewarisi harta pusaka.⁶³ Namun Ijmak Ulama⁶⁴ telah bersepakat bahawa hukum ayat tersebut telah terbatal dengan turunnya ayat lain yang termaktub kadar tertentu bagi setiap waris.⁶⁵

⁶² Prof. Dr. Hj. Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) (1987), *Tafsir al-Azhar*, j. 1, Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, h. 179.

⁶³ Abū al-Fida 'Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Qurāsyī (Ibn Kathīr), (1997) *Tafsīr al-Qur`ān al-'Azīm*, j. 1, Beirut: Dār al-Syū'ub, h. 303.

⁶⁴ Sayyid Muḥammad Quṭub (t.t), *Fī Zīlāl al-Qur`ān*, Miṣr: Dār 'Iḥyā', h. 261

⁶⁵ Al-Qur`ān, Surah An-Nisa' (4): 11-14.

Ini menunjukkan bahawa mereka yang telah ditentukan kadar haknya tidak boleh mendapat bahagian orang lain seperti mana sabda Baginda s.a.w melalui riwayat ‘Amrū bin Khārijah r.a iaitu:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ عَلَى نَاقَتِهِ وَأَنَا تَحْتَ جِرَانِهَا وَهِيَ تَفْصَعُ بِجِرْتِهَا وَإِنَّ لِعَابَهَا يَسِيلُ بَيْنَ كَتْفَيْي فَسَمِعْتُهُ يَقُولُ إِنَّ اللَّهَ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ وَلَا وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ.

Maksudnya: Bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. menyampaikan ucapan ketika berada di atas untanya. Ketika itu aku berada di bawah pangkal tengkuk untanya yang sedang mengunyah jirahnya dan air liurnya mengalir di belakangku. Aku mendengar Baginda s.a.w bersabda: “Sesungguhnya Allah mengurniakan hak masing-masing kepada setiap orang yang berhak tidak harus berwasiat untuk mana-mana waris..”⁶⁶

Walau bagaimanapun hukum berwasiat terus dituntut bagi mereka yang hartanya banyak agar dapat diagihkan kepada para kerabat yang memerlukan secara adil dengan tidak melebihi kadar satu pertiga. Pemberian tersebut pula bukanlah diberikan kepada orang yang kaya kerana pada lazimnya mereka tidak memerlukan bantuan orang lain dari sudut harta benda.⁶⁷ Ini kerana harta benda yang dimaksudkan dalam ayat berkenaan tidak disebut menggunakan perkataan “*māl*”, tetapi Allah menyebut dengan kalimah “*khayrān*”. Adapun kalimah *khayrān* ertinya baik yang memberi maksud kekayaan yang banyak.⁶⁸ Terdapat beberapa pandangan di kalangan para *ulama* dalam menentukan kadar *khayrān* tersebut kerana sebahagian daripada mereka menyatakan

⁶⁶ Abū ‘Isa Muḥammad bin Sūrah al-Tirmidhi, (200-279H), *Jami’ al-Tirmidhi*, dalam *Mawsu’ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah bi Isyraf wa al-Murajaah*, Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muḥammad bin Ibrahim, *Bāb Jā’a ‘alā Waṣiyyah li Wārith*, no. Hadith 2121, Riyad : Dar al-Salam, h.1864 ; Abi ‘Abd Rahman Aḥmad bin Syu’ayb bin ‘Alī al-Nasa’ī (215-302H), *Sunan al-Nasai’ī*, dalam *Mawsu’ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah bi Isyraf wa al-Muraja’ah*, Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muḥammad bin Ibrahim , *Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Ibtal al-Waṣiyyah li al-Wārith*, no. Hadith 3671, Riyad : Dar al-Salam, h. 2329.

⁶⁷ Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad al-Maḥalī, *Tafsīr Jalālain Bikhāmis al-Qur’ān al-Karīm*, Naṣayr : Dār al-Manār, h.28.

⁶⁸ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Syawkanī, (125H), *Jāmi’ Baina Fannā al-Riwāyah wa al-Dirāyah ‘Min al-‘Ilm al-Tafsīr Fath al-Qādir*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma’rifat, h.178. ; Prof. Dr. HJ. Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) (1987), *op.cit.*, h.85.

tujuh ratus dinar, sesetengahnya menetapkan seribu dinar dan ada pula pendapat lain yang mengatakan lima ratus dinar.⁶⁹

Penentuan ke atas harta tersebut bukanlah sesuatu ketetapan yang mutlak kerana kadar tersebut sudah tentu berbeza mengikut perubahan zaman di samping jumlah waris yang ditinggalkan oleh seseorang si mati turut berlainan antara satu sama lain. Apa yang utama adalah harta benda yang dimiliki semasa hidupnya itu benar-benar mencukupi untuk ditinggalkan kepada waris-waris di kalangan (*aṣḥāb al-furūd*) malah meizinkan untuk diagihkan kepada golongan-golongan lain.

Oleh demikian itu seseorang yang kurang berkemampuan dari sudut pemilikan harta tidaklah digalakkan membuat wasiat kerana keutamaan bagi pusaknya hendaklah diberikan kepada waris-waris terdekat seperti anak-anak, suami, isteri dan sebagainya sebagaimana telah diajarkan oleh syarak melalui ayat-ayat berkaitan perwarisan. Mengikut Imam al-Bayhaqī, 'Alī bin Abū Ṭālib telah didatangi oleh maulanya dalam keadaan sakit tenat untuk bertanya tentang kewajarannya untuk membuat wasiat. Maka Sayyidinā 'Alī pun bertanya, berapa harta yang akan engkau tinggalkan? Maula itu menjawab, ada lebih kurang 700 dirham atau 600 dirham. Daripada penjelasan tersebut Sayyidinā 'Alī menyatakan bahawa “jumlah harta ini hanyalah sedikit, justeru tidaklah perlu berwasiat dan biarkanlah ia untuk warismu”.⁷⁰

Dalam riwayat lain, Ibn Abī Malikaḥ menceritakan bahawa terdapat seorang yang berhajat untuk membuat wasiat telah meminta nasihat kepada Umm al-Mukminīn iaitu Sayyidinā 'Aisyah r.a, maka beliau bertanya, berapakah jumlah harta kamu? Dia menjawab ada 3000, kemudian beliau bertanya pula berapa anak-anak kamu? Orang itu

⁶⁹*Ibid*, h.196.

⁷⁰*Ibid* ; Ibn Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (310H), *Tafsīr al-Ṭabarī Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Āyāh al-Qur'an*, Miṣr: Ṣad al-Ma'ārif, h. 395.

pun menjawab ada empat. Lantas Umm al-Mukminīn itu berkata, “memang Allah menyatakan jika engkau meninggalkan *khayrān* hendaklah berwasiat, tetapi harta kamu itu sedikit. Sesungguhnya meninggalkan harta itu untuk anak-anakmu adalah lebih baik”.⁷¹ Demikianlah peringatan daripada Rasulullah s.a.w melalui sabda Baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh Sa’ad bin Abī Waqqāṣ iaitu:

...إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ
 إِنَّكَ مَهْمَا أَنْفَقْتَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ حَتَّى اللَّقْمَةَ تَرْفَعُهَا إِلَى فِي إِمْرَأَتِكَ

Terjemahan: “...Sekiranya engkau meninggalkan waris engkau dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka dalam keadaan miskin meminta-minta daripada orang ramai. Segala perbelanjaan yang engkau keluarkan semata-mata untuk keredhaan Allah nescaya engkau akan mendapat ganjarannya termasuklah sesuap nasi yang engkau suapkan ke mulut isterimu.”⁷²

Amalan berwasiat sebenarnya membuka ruang kepada orang-orang beriman untuk memanifestasikan tanggungjawab mereka ke atas nikmat kekayaan yang dikurniakan supaya dapat dibahagikan kepada mereka yang lebih memerlukan di kalangan masyarakat sekelilingnya apatah lagi setelah kematiannya. Kemungkinan waris-warisnya ada yang sudah memiliki kekayaan sendiri dan harta warisannya sekadar menjadi aset tambahan, sedangkan terdapat beberapa waris lain amat berhajat kepada harta warisan. Melalui kaedah berwasiat ini sekurang-kurangnya dapat membela nasib anak angkat, anak tak sah taraf, orang kurang upaya, fakir, miskin dan sebagainya apabila pewasiat meninggal dunia. Selain itu wasiat menjadi laluan untuk mengalirkan harta pusaka kepada waris-warisan yang bukan Islam sekalipun perbezaan agama telah

⁷¹ Ibn ‘Abdullah Muḥammad Bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1996), *Tafsir al-Qurtubī al-Jami’ li Aḥkām al-Qur’ān*, j. 2, c.2, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 261.

⁷² Abi ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhārī (194-256H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dalam *Mawsu’ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah bi Isyraf wa al-Muraja’ah*, Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim, *Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Yatruk Warathah Aghniya` Khayr min an Yatakaffū al-Nās*, no. Hadīth 2742, Riyad : Dar al-Salam, h.220. ; Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayrī al-Naysaburī (206-261H), *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, dalam *Mawsu’ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah bi Isyraf wa al-Muraja’ah*, Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim, *Kitāb al-Waṣiyyah, Bāb al-Waṣiyyah bi al-Thuluth*, no. Ḥadīth (4215), Riyad: Dar al-Salam, h. 963.

menutup jalan perwarisan. Ini kerana hubungan darah sesama mereka tidak boleh dinafikan sekalipun telah berlainan agama.⁷³ Jika diteliti penghayatan terhadap konsep wasiat menjadi sebahagian teras keadilan yang mampu mengukuhkan hubungan persaudaraan serta dapat membina masyarakat harmoni kerana saling membantu antara satu sama lain.

Justeru, fungsi dan faedah berwasiat perlu diamati bagi mendorong seseorang itu mengumpulkan sebanyak mungkin harta sebagai jaminan kepada waris-waris yang akan ditinggalkan agar tidak berada di dalam keadaan kesulitan. Malahan kekayaan yang dimiliki itu dapat dimanfaatkan ke jalan kebajikan setelah kematian. Wasiat juga menjadi amalan para sahabat antaranya Sayyidinā Abū Bakr dan Sayyidinā 'Alī telah mewasiatkan satu perlima daripada harta mereka.⁷⁴ Rasulullah s.a.w bersabda;

مَنْ مَاتَ عَلَى وَصِيَّةٍ مَاتَ عَلَى سَبِيلِ وَسْئَةٍ وَمَاتَ عَلَى ثَقَىٍّ وَشَهَادَةٍ وَمَاتَ
مَعْفُورًا لَهُ

Terjemahan: “Sesiapa yang meninggal dunia dengan meninggalkan wasiat, maka dia mati di atas jalan ini dan sunnah. Dia mati dalam keadaan bertaqwa, bersyahadah dan dalam keadaan diampunkan.”⁷⁵

Berdasarkan hadis tersebut, anjuran berwasiat bukan sahaja untuk kepentingan pihak-pihak yang ditinggalkan, tetapi diharapkan dapat memberi syafaat ketika kematian. Walau bagaimanapun wasiat yang dibuat bukanlah bertujuan untuk mendatangkan kemudaran kepada pihak-pihak tertentu kerana perbuatan tersebut

⁷³ Al-Imām Abī 'Abd Allah Muḥammad Idris al-Syāfi'ī, *op. cit.* h. 19 ; Muḥammad Ibn 'Alī Muḥammad al-Syawkānī, (1255H), *Nayl al-Auṭār. Syarḥ Muntaqā al-Akḥbār min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, j. 6, Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, h.33.

⁷⁴ 'Abd al-Wahbah al-Sya'rānī (t.t), *Kasyf al-Ghummaḥ*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr, h.45.

⁷⁵ Abi 'Abd Allah Muḥammad bin Yazid al-Raba'iy Ibn Majah al-Qazwinī, (209-273H), *Sunan Ibn Majah*, dalam *Mawsu'ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah bi Isyraf wa al-Muraja'ah*, Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim, *Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Waṣāyā*, no. Ḥādīth (2701), Riyad: Dār al-Salam, h. 2639.

adalah dilarang sama sekali oleh syarak berdasarkan Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

“Lelaki dan wanita yang mentaati Allah selama enam puluh tahun kemudian ketika didatangi ajal mereka berwasiat dengan wasiat yang menyusahkan (memudaratkan) waris, maka Allah meletakkan mereka di dalam neraka. Abu Hurairah kemudiannya membaca ayat yang Maksudnya: Sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati dan setelah dibayarkan hutangnya, wasiat-wasiat tersebut tidaklah mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Setiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar. Segala hukum tersebut adalah (ketetapan syari’at) Allah. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya dan itulah kejayaan yang sangat besar”.⁷⁶

Jelas menunjukkan bahawa wasiat yang memberi implikasi negatif kepada pihak tertentu merupakan perbuatan yang amat merugikan bukan sahaja kepada diri pewasiat, bahkan juga boleh mengakibatkan kemudatan kepada mereka yang terlibat. Sudah tentu setiap amalan yang dilakukan oleh seseorang mengharapkan ganjaran di sisi Allah. Justeru berwasiatlah mengikut landasan syarak supaya ia tidak menjadi amalan yang sia-sia.

2.2.2 Kaedah Berwasiat Di Sisi Islam

Kelunturan *Maqāṣid al-Syar’iyyah* (objektif syarak) memberi ruang kepada seseorang untuk memudahkan pelaksanaan sesuatu ibadah sama ada yang wajib atau sunat. Ia merupakan suatu alternatif bagi memastikan pencapaian sesuatu ibadah yang diperintahkan dapat ditunaikan oleh semua orang. Ini disebabkan keupayaan individu adalah berbeza antara satu sama lain kerana ada yang tidak mampu bercakap atau tidak boleh mendengar atau tidak dapat melihat dan sebagainya. Hatta berwasiat juga boleh

⁷⁶ Abi Dawud Sulaymān bin al-Asy’ath bin Ishaq al-Azdiy al-Sajistānī, (202-275H), *Sunan Abū Dāwūd*, dalam *Mawsu’ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah bi Isyraf wa al-Muraja’ah*, Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim, , *Kitāb al-Waṣāya, Bāb ma Jā’a fi Karāhiyyah al-Idrār fi al-Waṣiyyah*, no Hadith 2867, h.1437 ; Abū ‘Isa Muhammad bin Surah al-Tirmīdhī, *op.cit. Kitāb al-Waṣāya, Bāb ma jaa al-Idrār fi al-Waṣiyyah*, no. hadith 2117, h. 1863.

dibuat melalui kaedah-kaedah tertentu mengikut keupayaan tersendiri. Allah S.W.T telah berfirman:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا شَهَدَةٌ بَيْنَكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ حِينَ
الْوَصِيَّةِ اثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ مِّنكُمْ أَوْ ءَاخِرَانِ مِّنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ ضَرَبْتُمْ
فِي الْأَرْضِ فَأَصَبْتَكُمْ مُصِيبَةُ الْمَوْتِ تَحْسِبُونَهُمَا مِنْ بَعْدِ الصَّلَاةِ
فَيُقْسِمَانِ بِاللَّهِ إِنْ أَرْتَبْتُمْ لَا نَشْتَرِي بِهِ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَلَا
نَكْتُمُ شَهَدَةَ اللَّهِ إِنَّآ إِذَا لَمِنَ الْأَثْمِينَ ﴿١٠٦﴾

Surah al-Mā'idah (5): 106

Secara literalnya ayat di atas menerangkan tentang berwasiat secara lisan, tetapi ia perlu disaksikan oleh orang lain supaya dapat memberi penjelasan berhubung kewujudan wasiat berkenaan. Dalam hal ini timbul persoalan bagaimanakah sekiranya saksi-saksi tidak dapat ditemui ketika wasiat dibuat. Pada situasi lain pula, seseorang yang tidak mampu bercakap boleh berwasiat secara bertulis. Walau bagaimanapun majoriti ulama membenarkan seseorang yang mampu bercakap juga dibenarkan menuliskan wasiatnya. Terdapat Kaedah Fiqh yang menyebut bahawa ”*al-kitābah ka al-khiṭāb*”: iaitu tulisan sama seperti ucapan.⁷⁷ Ini bermakna kaedah tulisan dapat menyelesaikan masalah ketiadaan saksi kerana catatan juga mengandungi elemen kesaksian, tetapi sebaik-baiknya wasiat hendaklah dilakukan dengan bertulis ketika badan masih lagi sihat dan disaksikan.⁷⁸ Perlu ditegaskan bahawa kesaksian oleh orang lain merupakan kaedah yang paling sesuai pada zaman Rasulullah s.a.w, namun situasi

⁷⁷ Syaikh Aḥmad bin Syaikh Muḥammad al-Zarqā bi Qalam Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā, (1938), *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c.2, Damsyiq : Dār al-Qalam, h. 349.

⁷⁸ Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad bin Muḥammad (Ibn Qudāmah) (t.t), *op.cit.* h. 137.

ini amat berbeza pada zaman mutakhir kerana kini dokumen merupakan kesaksian yang paling dominan.

Sementara itu wasiat dengan isyarat juga terpakai tetapi dengan keadaan yang benar-benar dapat difahami tanpa ada kekeliruan dari segi maksudnya. Imam Syāfi'ī dan ahli fiqh Mazhab *Mālikiyyah* memandang sah kaedah berwasiat secara isyarat sekalipun orang tersebut boleh bercakap.⁷⁹ Walau bagaimanapun dalam masalah ini Imam Abū Hanīfah dan Aḥmad bin Hanbal berpendapat bahawa seseorang yang berkeupayaan bercakap tidak sah menggunakan isyarat semasa berwasiat.

Dalam Seksyen 3 Enakmen-enakmen Wasiat Orang Islam yang telah berkuatkuasa di negara ini⁸⁰ bahawa wasiat boleh dilakukan sama ada dengan lisan, tulisan atau isyarat. Sesuatu wasiat boleh dibuat dengan lisan atau tulisan dan jika orang yang hendak membuat wasiat itu tidak dapat melakukan demikian, wasiatnya bolehlah dibuat dengan cara isyarat yang boleh difahami. Dari segi pembuktian wasiat secara bertulis adalah diterima oleh mahkamah, bahkan ia dikira lebih kuat dari wasiat secara lisan.

2.2.3 Kepentingan Berwasiat Secara Dokumentasi

Meneliti penjelasan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa seseorang Muslim yang ingin membuat wasiat amat perlu mencatatnya. Ini kerana wasiat adalah salah satu transaksi pindah milik yang tertakluk dengan syarat-syarat tertentu dan masa kuatkuasaannya pula tidak dapat diketahui. Malahan tuntutan sedemikian telah

⁷⁹ 'Abd al-Wahbah al-Sya'ranī (t.t), *al-Mīzān al-Kubrā*, j.2, Beirut: Dār al-Fikr, h. 107.

⁸⁰ Enakmen 4 Tahun 1999, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999; Enakmen 5 Tahun 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan); Enakmen 4 Tahun 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005.

dinyatakan oleh Rasulullah di dalam Sabda Baginda, yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا حَقُّ امْرِئٍ
مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ بَيْتٌ لِثَلَاثِينَ إِلَّا وَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ

Maksudnya: Abdullah bin Yusuf telah menceritakan, daripada Nafi', daripada Umar bin Abdullah memberitahu bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda bahawasanya seorang Muslim yang mempunyai hajat untuk berwasiat, tidak sepatutnya tidur selama dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat tersebut disisinya⁸¹

Merujuk interpretasi hadis tersebut, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w amat menekankan kaedah yang paling selamat dan mudah bagi seseorang yang berhajat mewasiatkan sebahagian hartanya kepada pihak lain selepas kematiannya. Dengan adanya pernyataan secara bertulis ini hasrat pewasiat dapat dinyatakan dengan jelas dan keterangan tersebut dapat dikekalkan kewujudannya bagi suatu tempoh yang panjang sekiranya tiada sebarang halangan. Seseorang hendaklah segera mencatatkan niatnya untuk berwasiat agar niat murninya tidak menjadi sia-sia kerana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang diriwayatkan oleh Anas Ibn Mālik r.a;

المَحْرُومُ مَنْ حُرِمَ وَصِيَّتُهُ

Terjemahan: Orang yang malang ialah orang yang tidak sempat berwasiat.⁸²

⁸¹Abi 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhārī, *op. cit.*, *Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Waṣāyā*, no. hadith 2738, h. 220 ; Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayrī al-Naysaburī, *op. cit.*, *Kitāb al-Waṣiyyah*, no. hadith 3204, h. 962. Abū 'Isa Muḥammad bin Sūrah al-Tirmidhī, *op. cit.*, *Kitāb al-Wasaya, Bab ma Jaa fi al-Hath*, no. Hadith, 2118, h. 1863;

⁸²Abi 'Abd Allah Muḥammad bin Yazid al-Raba'iy Ibn Majah al-Qazwinī Ibn Mājah, *op. cit.*, no. Hadith, 2700, h. 2639.

Sehubungan itu, dokumen lebih memberi kesan terhadap niat dan tutur-kata individu. Misalnya jika seseorang berkata “saya wasiatkan harta ini kepada anak angkatku”, tetapi kata katanya itu tidak diketahui atau didengar oleh orang lain, maka sudah pasti warisnya menganggap wasiat tidak pernah wujud. Sebaliknya jika seseorang menulis wasiatnya tanpa disaksikan orang lain maka ia akan menjadi asas kewujudannya. Ini jelas menunjukkan tulisan lebih penting daripada kata-kata di dalam hal berwasiat.

Hal ini dapat diperhatikan melalui kes *Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali* dan lain-lain.⁸³ Dalam kes ini plaintif menuntut tanah HSD 389 Lot 1885 Kampung Gelang Mukim Pekan, Jalan Rompin Lama, Pekan, Pahang, seluas 9,582 kaki persegi (tapak rumah) dipindah milik kepadanya. Plaintif yang merupakan cucu saudara si mati iaitu Azhari bin Mohd Ali telah mendakwa bahawa datuk saudaranya itu semasa hayatnya hendak memberi dan mewasiatkan tanah tersebut kepadanya. Disebabkan tidak terdapat dokumen hitam putih untuk mengesahkan dakwaan itu, maka defendan-defendan yang merupakan waris si mati membantah tuntutan tersebut dengan alasan bahawa mereka sama sekali tidak mengetahui tentang wasiat serta pemberian berkenaan dan memohon supaya tanah tersebut menjadi pusaka si mati.

Dalam kes ini mahkamah memutuskan bahawa plaintif telah gagal dalam tuntutannya terhadap tanah milik si mati dan aset tersebut dibahagikan mengikut sistem faraid. Ini kerana Mahkamah mendapati walaupun plaintif telah mengemukakan surat akuan berkanun yang mengandungi kata-kata si mati, tetapi surat tersebut tidak ditandatangani oleh si mati dan ia tidak boleh dikatakan sebagai dokumen wasiat yang

⁸³ Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali dan lain-lain (2001) *Jurnal Hukum*, j.14, Putra Jaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, h. 279.

sah. Sementara itu berdasarkan keterangan saksi-saksi yang dikemukakan oleh plaintif, mahkamah juga berpuashati bahawa plaintif gagal membuktikan si mati semasa hidupnya telah membuat wasiat untuk memberikan lot tanah kepadanya. Apatah lagi plaintif pula telah lambat dalam proses penuntutan tanah tersebut, kerana dia hanya mengambil tindakan setelah tujuh tahun kematian si mati.

Oleh sebab itu Imam Ishāq bin Ibrāhīm berpendapat bahawa apabila seseorang meninggal dunia dan telah ditemui wasiat yang tertulis di bawah tilamnya dengan tulisannya yang dikenali, maka ia akan diterima meskipun tanpa saksi. Ini kerana hadis Rasulullah mengenai tuntutan mendokumenkan wasiat seperti dijelaskan sebelum ini tidak memerlukan kewujudan saksi. Pendapat ini juga dipersetujui oleh Imām Aḥmad. Tulisan dianggap bersamaan dengan keterangan lisan di dalam semua perkara termasuk juga perceraian yang boleh berlaku melalui tulisan.⁸⁴

Selain itu pada fitrahnya tahap ingatan manusia biasa adalah lemah, sudah tentu agak sukar untuk mengingati semua maklumat yang diperolehi dengan lengkap bagi suatu tempoh yang tidak dapat ditentukan. Ini kerana realitinya kekurangan tersebut menyebabkan manusia sering terdedah dengan masalah lupa dan lalai. Oleh Sebab itulah Allah S.W.T ada mengajarkan kepada kita doa bagi memohon keampunan sekiranya dilanda masalah lupa dan lalai iaitu :

... رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ...

Sūrah al-Baqarah (2):186

Maksudnya: "...Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau mengirakan Kami salah jika Kami lupa atau Kami tersalah...."

⁸⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *op. cit.*, h.210.

Sekalipun wasiat boleh dilakukan secara lisan dan isyarat, namun kebanyakan para ulama` mutakhir amat menekankan agar wasiat itu didokumenkan walaupun mereka tidak sependapat mengenai kewajipan menuliskannya. Namun bagi Imām al-Nawawī dan Imām Dawūd al-Zāhiri wasiat mestilah dicatatkan berasaskan maksud literal yang disebut sebelum ini.⁸⁵

Walau bagaimanapun Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor memperuntukkan bahawa wasiat hendaklah dibuat secara bertulis sebagaimana diperuntukkan di dalam seksyen 4 (1) yang menyatakan bahawa “tertakluk kepada subseksyen (2) tiada apa-apa tuntutan tentang keesahan sesuatu wasiat selepas matinya seseorang pewasiat boleh diterima oleh mahkamah melainkan ianya disokong oleh dokumen-dokumen yang ditulis atau ditanda tangani oleh pewasiat.” Pendekatan tersebut mempunyai persamaan dengan peraturan seperti mana termaktub di dalam Undang-undang Wasiat Mesir 1946 fasal 65. Peruntukan tersebut menetapkan bahawa wasiat adalah tidak sah sekiranya dilakukan tanpa tulisan pewasiat. Ia juga terbatal sekiranya tidak ditanda tangani atau dicap jari oleh pewasiat.

Meskipun penulisan ini hanya digalakkan dan bukanlah menjadi suatu kewajipan menurut pandangan majoriti para ulama, namun penguatkuasaan peraturan sedemikian merupakan satu pendekatan di dalam siasah pentadbir yang amat wajar bagi memastikan kelancaran urusan perlaksanaan sesuatu wasiat. Selain itu dokumen juga telah menjadi bukti paling dipercayai mengikut pemakaiannya pada masa kini. Ketiadaan dokumen hitam putih dalam sesuatu transaksi boleh mengundang konflik dan kontroversi kerana pihak-pihak terlibat berpeluang mengambil kesempatan memutar

⁸⁵ ‘Iṣām al-Ṣabbābātī *et al.* (2001), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, j. 4, Qāhirah : Dār al-Ĥadīth, h.74.

belitkan fakta dengan menganiaya atau mengeksploitasi pihak lain demi kepentingan peribadi.

Perkara sedemikian telah berlaku dalam kes *Nik Salma Zaidah bt Haji Wan Zaid lwn Nik Hasnah bt Nik Din* dan seorang lagi.⁸⁶ Antara faktanya, perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa bapa angkatnya iaitu Haji Wan Zaid telah memberitahu kepadanya di hadapan responden pertama iaitu Nik Hasnah bt Nik Din dan responden kedua iaitu Nik Ruhya bt Wan Zaid bahawa dia hendak membina rumah untuk perayu di atas Lot 150, yang beralamat di 5640 Jalan Sri Cemerlang. Peruntukkannya pula telah disediakan oleh Arwah Haji Wan Zaid tetapi rumah tersebut tidak sempat dibina dalam masa hayat si mati. Sebelum meninggal dunia, bapa angkatnya telah mengamanahkan kepada emak angkatnya (Responden 1) dan kakak angkatnya (Responden 2) untuk menunaikan hasratnya itu. Walau bagaimanapun rumah tersebut telah dibina di atas tanah Lot 289, Seksyen 27, Bandar Kota Bharu, iaitu bukan di atas tanah yang asal kerana emak angkatnya mengubah dari Lot 150 kepada Lot 289. Emak angkatnya pada ketika itu berjanji untuk menukar nama Lot 289 kepada perayu. Dengan peruntukan yang disediakan oleh bapa angkatnya sebanyak RM200,000.00, perayu telah menguruskan pembinaannya termasuk mengemukakan pelan serta memohon kebenaran mendirikan rumah dari Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan akhirnya dia berjaya menduduki dan menguasai rumah itu selama lapan tahun. Namun apabila perayu bercerai dengan suaminya dahulu pada tahun 1993, relasi perayu dengan kedua-dua responden tidak baik sehingga tercetus pertikaian membabitkan kediaman tersebut. Responden kedua telah menyaman perayu melalui Mahkamah Majistret Kota Bharu meminta agar mahkamah memerintahkan perayu keluar dari rumah tersebut. Kes di Mahkamah Majistret tidak selesai kerana berbangkit perkara

⁸⁶ *Nik Salma Zaidah bt. Hj. Wan Zaid lwn Nik Hasnah bt Nik Din dan seorang lagi* (2002), j.15, *Jurnal Hukum*, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, h. 143.

wasiat yang kemudiannya dibawa ke Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu untuk memutuskan tentang perkara tersebut. Oleh itu perayu telah memfailkan tuntutannya dalam Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu untuk menuntut Pemberian Hidup (hibah) bagi dipinda kepada Tuntutan Pemberian Wasiat sebuah rumah dua tingkat yang dipertikaikan itu. Akhirnya Mahkamah Rayuan Syariah memutuskan bahawa rayuan pensabitan wasiat berkenaan diterima dan perayu dikehendaki bersumpah mengikut hukum syarak sesungguhnya rumah tersebut yang beralamat di Lot 289 Jalan Dusun Raja, 15300 Kota Bharu, adalah miliknya.

Kes di atas jelas menunjukkan bahawa sesuatu pertikaian akan mengalami kesulitan lebih-lebih lagi perselisihan yang menyentuh soal pemilikan seperti wasiat dan seumpamanya sekiranya tiada keterangan bertulis seperti dokumen hak milik (*document in title*) iaitu suatu dokumen yang membolehkan pemiliknya mengendalikan harta-harta yang diuraikan di dalamnya seperti hartanya sendiri.⁸⁷ Justeru, catatan hitam putih hakikatnya bukan sahaja sebagai penjelas fakta, bahkan ia mampu merungkai kepalsuan..

Kesimpulan

Secara ringkasnya, dokumen adalah sesuatu yang bertulis atau bercetak yang merekodkan sesuatu fakta dan boleh dijadikan sebagai bahan pembuktian. Kepentingan dokumen tidak dapat dinafikan lebih-lebih lagi untuk menjelaskan perkara-perkara yang membabitkan pelbagai pihak dan melibatkan tempoh masa yang tidak dapat ditentukan seperti amalan berwasiat. Situasi hari ini telah mendesak supaya sesuatu wasiat itu didokumenkan kerana masyarakat masa kini telah kurang pegangan agama

⁸⁷ Mohd Radzali Masrum (2001), *op.cit.*, h.100

sehingga tahap kepercayaan kepada orang lain adalah rendah apatah lagi masalah lalai dan alpa dalam pelbagai perkara dikalangan mereka kian ketara. Justeru penulisan dokumen wasiat amat penting bagi memastikan tidak wujud sebarang tipu daya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menimbulkan persengketaan antara satu sama lain.

BAB 3: PENDRAFAN DOKUMEN WASIAT ISLAM DI ARB

Pendahuluan

Umumnya fasal ini mengupas secara terperinci tentang pendrafan dokumen wasiat Islam di ARB yang merupakan salah satu objektif kajian. Kupasannya merangkumi beberapa topik tertentu yang didahului dengan penjelasan mengenai latar belakang perkhidmatan penulisan wasiat di ARB untuk mengetahui asal usul produk berkenaan mula diperkenalkan oleh perbadanan itu. Adapun fokus perbincangan seterusnya menjurus kepada penjelasan tentang bagaimana proses pendrafan dokumen wasiat Islam dilakukan di ARB di samping menjelaskan apakah prosedur yang perlu dilalui bagi setiap permohonan untuk mendokumentasi wasiat tersebut di perbadanan itu.

3.1 Latar Belakang Perkhidmatan Penulisan Wasiat di ARB

Sebagaimana dimaklumi, wasiat merupakan suatu pemberian yang berkuatkuasa setelah kematian pewasiat. Disebabkan berwasiat bukanlah suatu kefarduan, maka amalannya memberi implikasi perundangan terhadap harta pusakanya. Oleh yang demikian terdapat dua kategori harta yang ditinggalkan oleh si mati iaitu pusaka berwasiat (*testate*) dan pusaka tidak berwasiat (*intestate*). Dari aspek prosedural, pentadbiran harta pusaka samada berwasiat atau tidak berwasiat adalah tertakluk kepada undang-undang tertentu yang telah terpakai di negara ini. Adapun Surat Mentadbir Pusaka (*Letter of Administration*) diperlukan bagi menguruskan harta pusaka tidak berwasiat, manakala surat probet pula diperlukan untuk membolehkan pengurusan harta berwasiat.⁸⁸ Di samping itu dalam hal pengagihan warisan pula, Akta Wasiat 1959 juga berkuatkuasa

⁸⁸ Akta Probet dan Pentadbiran, 1959, (Akta No. 97, 1959).

bagi pentadbiran harta pusaka berwasiat, walau bagaimanapun ia tidak terpakai ke atas orang Muslim kerana Islam mempunyai undang-undang substantif tersendiri dalam perihal pembahagian hartainggalan si mati kepada waris-waris berhak samada pusakanya itu berwasiat atau tidak.

Berhubung perkara tersebut, sejarah mencatatkan bahawa sebuah jabatan kerajaan telah ditubuhkan bagi menyelenggarakan sebarang urusan berkaitan pentadbiran harta pusaka di samping menyediakan perkhidmatan peramanahan. Institusi tersebut dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah dan Pegawai Pentadbir Pusaka yang telah ditubuhkan pada tahun 1921. Namun ketika negara ini mengorak langkah ke era pengkorpratan, jabatan tersebut telah didaftarkan sebagai syarikat peramanahan pada 29 Mei 1995 dibawah Akta Syarikat 1965. Bermula 1 Ogos 1995, syarikat milik penuh kerajaan ini telah beroperasi sebagai Amanah Raya Berhad dan dikawal oleh Akta 532 iaitu Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.⁸⁹ Umumnya, bidang kuasa ARB dalam urus tadbir harta adalah luas dan tertakluk dengan undang-undang tertentu iaitu;⁹⁰

- i. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)
- ii. Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)
- iii. Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)
- iv. Seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 55)
- v. Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)
- vi. Akta Wasiat 1959 (Akta 346)

⁸⁹ Encik Othman bin Haji Hamid, Penasihat Undang-undang, Amanah Raya Berhad, Jalan Semantan, Kuala Lumpur. Temu bual pada 15 Disember 2005.

⁹⁰ *Ibid.*

Dalam menyelenggara urusan harta-harta pusaka, produk wasiat Islam telah diperkenalkan di ARB sejak tahun 2000 iaitu selepas wujudnya Undang-undang Wasiat Islam pertama yang telah dikodifikasikan di negeri Selangor pada tahun 1999.⁹¹ Rentetan itu ARB telah menawarkan pelbagai perkhidmatan melalui produk tersebut merangkumi penulisan, penyimpanan dan pelaksanaan wasiat. Menyedari kepentingan aplikasi dokumen pada situasi semasa, maka ARB telah menawarkan khidmat untuk mendraf wasiat yang dihajati oleh pewasiat dan seterusnya mendokumenkannya menjadi satu rekod yang akan digunapakai secara legal. Demi menjamin kewujudannya disebabkan wasiat adalah transaksi yang melibatkan dua situasi masa berbeza iaitu perbuatannya semasa hayat dan kuatkuasanya pula setelah pewasiat meninggal dunia, maka ARB turut menyediakan perkhidmatan penyimpanan dokumen berkenaan kerana badan tersebut memiliki bidangkuasa statutori sebagai pemegang amanah.⁹²

Apabila wasiat berkuatkuasa, pihak ARB juga bersedia melaksanakan sebarang arahan yang terkandung di dalam dokumen itu sekiranya badan tersebut dilantik sebagai pelaksanaannya oleh pewasiat.⁹³ Ini kerana telah termaktub di dalam Akta 532 bahawa ARB adalah kompeten di sisi undang-undang untuk dilantik oleh mana-mana pihak seperti mahkamah, kerajaan ataupun perseorangan supaya menjadi sama ada sebagai pemegang amanah, wasi, pentadbir, penjaga, sahabat wakil, agen, wakil, penerima, dan pengurus termasuk apa jua pengamanahan yang bersifat fidusiari dan seumpamanya.⁹⁴ Lantaran itu ARB akan bertindak sebagai wasi dan berperanan menjadi pemegang amanah dengan melaksanakan sebarang tugas yang ditaklifkan kepada perbadanan

⁹¹ *Ibid.*

⁹² *Ibid*; Akta Perbadanan Amanah Raya, 1995, (Akta No.532, 1995).

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Encik Othman bin Haji Hamid, *Ibid*; Seksyen 11, *Ibid.*

tersebut sepertimana dikehendaki di dalam sesuatu wasiat.⁹⁵ Walaupun undang-undang memperuntukkan bahawa pihak ARB boleh diberikan probet untuk mengurus pusaka berwasiat atau surat kuasa mentadbir bagi urusan pusaka tak berwasiat,⁹⁶ namun perbadanan ini menjalankan agihan aset mengikut hukum substantif bagi yang beragama Islam dan berpandukan Akta Pembahagian 1958 bagi yang bukan beragama Islam. Selain itu mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan *beneficial* pula boleh melantik ARB sebagai pengganti kepada wasi kerana sebab-sebab tertentu.⁹⁷ Maka pada ketika ini pihak ARB akan berperanan seperti mana yang sepatutnya dilakukan oleh wasi terdahulu. Malah undang-undang tersebut tidak membenarkan kepada perbadanan itu mengingkari mana-mana tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya.

Melalui peruntukan undang-undang berkenaan, fungsi dan peranan agensi ini terus dikembangkan meliputi pelbagai aspek berhubung peramanahan dan pengurusan pusaka supaya pentadbirannya lebih efisien seiring dengan perubahan masyarakat serta sosioekonomi masa kini. Pelbagai pendekatan telah diambil oleh pihak ARB bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan membuat wasiat di samping memperkenalkan produk wasiat yang ditawarkan dengan mengadakan sesi penerangan, seminar-seminar dan bengkel-bengkel, menyebarkan risalah serta menyampaikan informasi melalui laman media sama ada media cetak mahupun elektronik termasuk juga membuka kaunter wasiat ARB di tempat-tempat awam.⁹⁸ Di samping itu beberapa agensi korporat telah dilantik sebagai egen untuk memperkenalkan dan memasarkan produk wasiat ARB ini ke seluruh negara. Satu projek mega yang dikenali sebagai Plan Pewarisan Amal turut dijalankan oleh ARB dan

⁹⁵ *Ibid*; Seksyen 12, *Ibid*.

⁹⁶ *Ibid*; Seksyen 13, *Ibid*.

⁹⁷ *Ibid*; Seksyen 14, *Ibid*.

⁹⁸ Puan Saadiah binti Zainal Abidin, Pegawai Eksekutif, Unit Pembangunan dan Perniagaan, Amanah Raya Berhad dan Encik Abdul Zubir bin Haji Abdul Rahman, Penolong Pengurus, Unit Pembangunan dan Perniagaan, Amanah Raya Berhad. Temu bual pada 17 Mac 2006.

Majlis Kanser Nasional (MAKNA) bersama dua rakan strategik iaitu Teroka Harmoni Sdn Bhd dan ZAR Perunding Pesaka Sdn Bhd dengan memetriai Memorandum Persetujuan untuk mempromosikan perkhidmatan pewarisan pusaka menerusi produk Wasiat ARB. Motif kerjasama ini adalah untuk menggalakkan masyarakat beramal melalui kaedah wasiat yang disalurkan kepada MAKNA dengan menjadikan ARB sebagai wasi bagi pusaknya.⁹⁹ Sempena menyambut ulang tahun ke-84 ARB, Promosi "Tawaran Luar Biasa Wasiat" telah berlangsung bermula 5 Mac 2006 dan berakhir pada 30 Jun 2006.¹⁰⁰ Walau bagaimanapun promosi ini telah dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2006 memandangkan sambutan masyarakat amat menggalakkan dan pengumumannya telah dibuat oleh Dato' Haji Dusuki Ahmad selaku Pengerusi ARB ketika majlis perasmian pejabat yang baru bagi ARB menjalankan operasinya di negeri Melaka yang beralamat di No. 42A, Jalan PMS 3, Plaza Melaka Sentral, Peringgit, 75300 Melaka.¹⁰¹

Di samping itu tahap kecekapan dan profesionalisme dalam pengurusan pusaka juga ditingkatkan bagi memastikan kelancaran pentadbiran agar semua harta pusaka dapat diagihkan kepada yang berhak seterusnya tiada aset akan menjadi beku. Segala urusan tadbir wasiat ini dahulunya dijalankan oleh Jabatan Perundangan ARB.¹⁰² Namun kini selepas Ibu Pejabatnya beroperasi sepenuhnya di Jalan Ampang, Kuala Lumpur, pengurusan berkaitan perihal wasiat dikhususkan di bawah Jabatan Probet yang telah dibentuk pada Januari 2006 bagi mengemaskini pentadbiran harta pusaka berwasiat di institusi tersebut. Jabatan ini beroperasi dengan tiga unit iaitu Unit Pendaftaran dan

⁹⁹ *Ibid*; Berita Harian 14 Mac, 2005: 5 "MAKNA, ARB Tingkat Kesedaran Awam Mengenai Wasiat".

¹⁰⁰ Puan Saadiah binti Zainal Abidin dan Encik Abdul Zubir bin Abdul Rahman, *Ibid*. Amanah Raya Bhd. Jalan Ampang. Temu bual pada 17 Mac 2006.

¹⁰¹ Berita Harian 28 Julai 2006: 3, "Pemindahan Pejabat Amanahraya Melaka Bagi Keselesaan Para Pelanggan".

¹⁰² Encik Osman bin Hj Hamid, *op. cit*. Amanah Raya Bhd. Jalan Semantan Temubual pada 19 Disember 2005.

Penyimpanan, Unit Penulisan dan Pindaan serta Unit Pentadbiran dan masing-masing mempunyai bidang tugas tertentu untuk mengurus tadbir perihal wasiat.¹⁰³

1. Unit Penulisan dan Pindaan;

Berperanan mencatat butiran maklumat pewasiat dan direkodkan menjadi dokumen wasiat terakhir. Sebarang pindaan yang akan dibuat oleh pewasiat juga perlu dikemukakan kepada unit ini untuk dipinda dan dikemaskini.

2. Unit Pendaftaran dan Penyimpanan;

Mana-mana individu yang membuat wasiat bersama ARB akan didaftarkan di bawah unit ini. Unit tersebut juga berperanan menjaga dan memelihara keselamatan dokumen-dokumen wasiat yang disimpan di perbadanan ini. Dokumen-dokumen wasiat akan disimpan di bilik kebal bagi memelihara kerahsiaan dan menjamin ketulenannya.

Sebagai pengetahuan, sejumlah fi dikenakan bagi apa jua perkhidmatan berhubung wasiat yang diberikan oleh perbadanan ini iaitu RM350 untuk wasiat non Muslim dan RM300 bagi wasiat Islam untuk seumur hidup sekalipun jika ingin membuat perubahan pada wasiat berkenaan. Namun kadang kala kadar fi tersebut lebih rendah sekiranya diadakan promosi-promosi tertentu seperti ketika selepas selesai ARB menandatangani perjanjian perkongsian strategik dengan Hong Leong Islamic Bank (HLIB) untuk memasarkan perkhidmatan Wasiat ARB pada 3 Ogos 2006, pelanggan yang membuat wasiat daripada perjanjian ini dalam tempoh dua bulan pertama hanya dikenakan sebanyak RM250 sama ada bagi Wasiat Islam atau selainnya.¹⁰⁴ Manakala bersempena Malaysia menyambut ulang tahun kemerdekaan jubli emas, ARB telah

¹⁰³ Puan Azmanira binti Ariff, Pengurus, Jabatan Probet, Amanah Raya Bhd. Jalan Ampang, Temu bual pada 6 April 2006.

¹⁰⁴ Berita Harian 3 Ogos 2006: "*Hong Leong Islamic & ARB Bersatu Beri Perkhidmatan Wasiat*".

mengadakan promosi dengan mengurangkan fi berkenaan sehingga hanya RM150 bagi pembikinan Dokumen Wasiat Islam dan RM200 untuk Dokumen Wasiat Bukan Islam selama tiga bulan iaitu bermula Jun hingga Ogos 2007.¹⁰⁵

3. Unit Pentadbiran;

Unit ini akan menjalankan tugas mengimplimentasikan sesuatu wasiat yang telah berkuatkuasa setelah kematian pewasiat sekiranya pihak ARB ini dilantik sebagai wasi.¹⁰⁶ Pentadbirannya akan dijalankan seawal mungkin dalam tempoh tiga puluh hari selepas dimaklumkan bahawa pewasiat telah meninggal dunia. Sementara itu satu jaringan hubungan dengan Jabatan Pendaftaran Negara telah diwujudkan supaya memudahkan pihak ARB untuk menyemak status pewasiat sama ada masih hidup atau sebaliknya bagi mengelak kelewatan pentadbiran pusaka berwasiat. Semakan tersebut akan dibuat setiap enam bulan sekali.¹⁰⁷

Apabila merujuk peruntukan seksyen 12 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532) dan seksyen 3 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97) unit ini perlu mendapatkan surat probet di Mahkamah Tinggi untuk membolehkan wasiat ditadbirkan. Tertakluk kepada Seksyen 33(1), (Akta 532) juga memperuntukkan bahawa pihak ARB akan mengenakan fi secara peratusan tertentu daripada jumlah aset tinggalan pewasiat bagi setiap urus tadbir yang dijalankan.

¹⁰⁵ Penyampaian oleh Encik Shahri Bin Abd. Munir, *ARB Senior Executive Channel Management*, di dalam "Bengkel Membuat Wasiat bersama ARB" pada 31 Julai 2007 yang turut disertai pengkaji.

¹⁰⁶ *Ibid.*

¹⁰⁷ Encik Othman bin Haji Hamid, *op.cit.*

3.2 Proses Pendrafan Dokumen Wasiat Islam di ARB

Pada dasarnya, istilah pendrafan dapat difahami sebagai perihal yang berkaitan dengan sesuatu proses mendraf atau menyediakan draf. Manakala draf pula merujuk kepada tulisan iaitu nota, surat, karangan dan sebagainya atau lukisan yang disediakan secara kasar pada peringkat awal atau permulaan dan biasanya perlu diperbaiki dan diperhalusi lagi.¹⁰⁸ Dari sudut undang-undang draf merupakan suatu salinan rangka kasar bagi suatu dokumen guaman semasa membuat persediaannya.¹⁰⁹ Maka secara ringkas, pendrafan yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini adalah proses-proses atau langkah-langkah yang diaplikasikan bagi membentuk draf sebelum disahkan menjadi satu dokumen wasiat. Secara umumnya, draf dokumen wasiat yang dibentuk lazimnya mengandungi elemen-elemen tertentu seperti mana berikut:¹¹⁰

1. Klausula pembuka bicara wasiat yang mengandungi ucapan pendahuluan oleh pewasiat bagi menjelaskan niat atau kehendaknya untuk berwasiat.
2. Klausula pembatalan iaitu kata-kata yang menerangkan bahawa wasiatnya itu adalah wasiat terakhir olehnya bagi membatalkan wasiat-wasiat terdahulu sekiranya ada. Ini kerana secara prinsipnya wasiat terkemudian dibuat adalah yang terpakai dan hendaklah dikuatkuasakan selepas berlakunya kematian.
3. Perlantikan pelaksana wasiat perlu dinyatakan bagi membolehkan pewasiat menentukan pihak yang dipercayai untuk melaksanakan segala kehendaknya setelah ia tiada.

¹⁰⁸ Hajjah Noresah bt. Baharom (ed.)(2005), *op.cit.* h. 364.

¹⁰⁹ Mohd. Radzali Masrum (2001), *op.cit.* h.102.

¹¹⁰ Encik Suhaimi bin Abd Wahab, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Penulisan dan Pindaan, Amanah Raya Berhad, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Temubual pada 23 Februari 2007.

4. Perlantikan penjaga merupakan arahan pewasiat bagi melantik pihak yang berkeupayaan dan bertanggungjawab untuk menjaga atau memberi perlindungan kepada golongan-golongan tertentu iaitu mereka yang tidak berupaya menguruskan kehidupannya sendiri dengan sempurna.

5. Pembahagian harta merujuk kepada arahan pewasiat supaya aset pusakanya dapat diagihkan dengan sebaik mungkin kepada waris-waris berhak mengikut kadar yang sewajarnya.

6. Terma berkaitan "*residuary*" perlu dinyatakan bagi menjelaskan segala asset yang berbaki selepas alang akan dibahagikan kepada benefisiari yang berhak sama ada penerimaannya secara *legasi* ataupun *devisee*. Keterangan sedemikian bertujuan bagi mengelakkan berlakunya kesulitan ketika pembahagian pusaka dengan alasan aset berkenaan tidak perlu diurus mengikut arahan pewasiat kerana ia diperolehi selepas wasiat dibuat.

7. Arahan khas boleh dikemukakan oleh pewasiat untuk mengekspresikan harapannya agar waris yang masih hidup dapat memanfaatkan harta warisan dengan sebaiknya serta terus menjalankan kehidupan dalam keadaan yang sempurna dan tenteram tanpa sebarang kesulitan ataupun pertikaian.

Dari sudut praktikalnya, ARB telah menyediakan dua bentuk draf dokumen wasiat terakhir bagi kegunaan pewasiat muslim iaitu Draf Dokumen Wasiat Asas (selepas ini disebut sebagai DDWA) dan Draf Dokumen Wasiat Komprehensif (selepas ini disebut sebagai DDWK). DDWA disediakan untuk permohonan wasiat yang asas

atau biasa (rujuk Lampiran B) manakala DDWK pula didrafkan bagi permohonan penulisan wasiat secara komprehensif (rujuk Lampiran C).¹¹¹

3.2.1 Prosedur Permohonan Mendokumentasi Wasiat Islam di ARB

i. Prosedur Membuat Wasiat Asas

Bagi permohonan membuat Wasiat Asas, pewasiat hanya perlu mencatatkan nama, alamat dan nombor kad pengenalan dengan lengkap pada ruangan yang disediakan iaitu di dalam perenggan 4 DDWA. Pewasiat tidak perlu menyediakan arahan bagaimana wasiatnya ditadbirkan, bahkan ia hanya perlu menandatangani atau mengecap jari DDWA itu pada ruangan disediakan sebagai mempersetujui terma-terma yang termaktub di dalamnya. Seterusnya pewasiat perlu mendapatkan tanda tangan para saksi sebagaimana diperlukan di akhir dokumen tersebut.¹¹²

Kemudian pewasiat perlu menyerahkan dokumen berkenaan bersama salinan kad pengenalan untuk tujuan rujukan serta fi yang ditetapkan kepada Unit Pendaftaran dan Penyimpanan, Jabatan Probet ARB untuk didaftarkan.¹¹³ Ini bermakna DDWA yang telah dilengkapkan dengan butiran peribadi sebagaimana dikehendaki itu dan telah ditandatangani oleh para saksi telah menjadi satu dokumen Wasiat Terakhir yang sempurna dan ia akan dikuatkuasakan perlaksanaannya apabila tiba masanya sekiranya tiada sebarang pindaan.¹¹⁴ Setiap pewasiat akan menerima salinan wasiat terakhir

¹¹¹ Puan Azmanira binti Ariff, *op.cit*; Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pentadbiran Pusaka Berwasiat. ARB, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, temubual pada 23 Februari 2007.

¹¹² Encik Suhaimi bin Abd Wahab, *op. cit*.

¹¹³ Encik Junaidi bin Abd. Rahman, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pendaftaran dan Penyimpanan, Jabatan Probet, Amanah Raya Berhad, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Temubual Pada 23 Februari 2007.

¹¹⁴ Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, *op.cit*; Encik Suhaimi bin Abd. Wahab, *op. cit*.

tersebut serta sijil penghargaan daripada pihak ARB sebagai pengesahan bahawa segala proses mendokumenkan wasiatnya telah selesai dilakukan di perbadanan itu.¹¹⁵

ii. **Prosedur Membuat Wasiat Komprehensif**

Prosedur untuk membuat wasiat yang komprehensif dilihat lebih rumit berbanding membuat wasiat asas. Mana-mana individu yang akan membuat wasiat ini perlu mengikuti langkah-langkah berikut;¹¹⁶

1. Pewasiat terlebih dahulu dikehendaki mengisi Borang Permohonan Penyediaan/Penyimpanan Wasiat (Borang PPP) (lihat Lampiran D) yang telah disediakan khusus untuk memperolehi data-data yang dapat menerangkan tentang unsur-unsur sesuatu wasiat. Borang tersebut adalah draf awal yang memerlukan pewasiat menyatakan butiran maklumat peribadinya di samping mengemukakan data-data berkaitan benefisiari (penerima wasiat) sebagaimana dikehendakinya. Selain itu keterangan berhubung harta yang akan diwasiatkan sama ada berbentuk alih seperti wang tunai, akaun bank, saham dan lain-lain mahupun tak alih seperti tanah, rumah atau seumpamanya juga hendaklah dijelaskan di dalam borang tersebut berserta perincian mengenai arahan bagaimana wasiatnya itu perlu ditadbir. Ruangan untuk mendapatkan pengesahan oleh saksi-saksi turut disediakan dan ia perlu dipenuhi bagi setiap permohonan wasiat yang terdiri daripada sama ada dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang perempuan atau empat orang perempuan. Perlu juga diambil perhatian bahawa di dalam borang berkenaan telah dicatatkan tentang pengakuan oleh pewasiat untuk melantik ARB sebagai wasi dan Pemegang Amanah kepada wasiatnya. Turut dinyatakan agar segala dokumen peribadi yang berkaitan seperti salinan kad

¹¹⁵ *Ibid*, Encik Junaidi bin Abd. Rahman, *op.cit.*; Puan Azmanira binti Ariff, *op. cit.*

¹¹⁶ Encik Suhaimi bin Abd. Wahab, *op. cit.*

pengenalan pewasiat, salinan kad pengenalan waris, salinan dokumen hak milik tanah dan lain-lain eksplisit hendaklah disertakan bersama permohonan tersebut bagi menjadi bukti kesahihan fakta-fakta yang dicatatkan dalam borang berkenaan.

Sebagai maklumat, borang permohonan penulisan wasiat tersebut bukan sahaja dapat diperolehi di mana-mana pejabat ARB di seluruh negara, tetapi juga boleh didapati di agen-agen yang berdaftar sebagai anak Syarikat Perbadanan ini. Malah di era teknologi digital kini, borang berkenaan boleh dimuat turun daripada laman web perbadanan yang telah disediakan semenjak tahun 2003¹¹⁷ sebagai kaedah alternatif untuk memudahkan masyarakat awam mendapatkan perkhidmatan berhubung dengan perihal wasiat. Sementara itu apabila diteliti terdapat beberapa pindaan dibuat dalam borang permohonan berkenaan setelah Jabatan Probet ditubuhkan pada awal 2006 sebagai usaha mengemas kini perkhidmatan wasiat di ARB supaya lebih produktif dan efisien. Penambahbaikan tersebut bertujuan bagi mendapatkan data-data lebih terperinci tentang wasiat yang dipohon untuk didokumenkan. Pindaan yang dimaksudkan di dalam borang permohonan itu dapat dibuat perbandingan berdasarkan Lampiran D1 dan Lampiran D2 agar maklumat mengenainya menjadi lebih jelas.

2. Langkah seterusnya, segala maklumat dokumentar yang diperolehi daripada Borang PPP akan diproses bagi direkodkan di dalam DDWK. Ini bermakna DDWK yang telah didrafkan terma-terma khusus akan dikemaskini dengan memasukkan data-data lengkap mengenai wasiat yang dikehendaki oleh seseorang pewasiat melalui borang PPP itu.¹¹⁸

¹¹⁷ *Ibid*; Puan Azmanira binti Ariff, *op. cit.*

¹¹⁸ Encik Suhaimi bin Abd. Wahab, *Ibid.*

3. Setelah draf dokumen tersebut selesai dikemaskini oleh pihak Bahagian Penulisan di Jabatan Probet di ARB, draf tersebut akan dibacakan dihadapan pewasiat untuk memastikan kesahihan samada kandungannya telah menepati kehendak atau sebaliknya.

4. Sekiranya draf berkenaan tidak menepati kehendak pewasiat, maka pihak ARB akan membuat pendrafan semula sehingga menepati kehendak orang yang berwasiat itu.

5. Seterusnya pewasiat akan dikehendaki menurunkan tanda tangan beserta saksi-saksinya apabila kandungan yang termaktub di dalam draf dokumen berkenaan telah benar-benar dipersetujui oleh pewasiat. Dengan itu dokumen wasiat berkenaan dianggap telah sah dan sempurna.

6. Dokumen yang telah sempurna ini akan didaftarkan pula di Unit Pendaftaran dan Penyimpanan di bawah Jabatan Probet ARB dan akan disimpan sehingga wasiat dapat dikuatkuasakan setelah pewasiat meninggal dunia.¹¹⁹

7. Setiap pewasiat akan menerima salinan wasiat terakhir dan kad wasiat serta sijil penghargaan daripada pihak ARB sebagai pengesahan bahawa segala proses mendokumenkan wasiatnya telah selesai dilakukan di perbadanan ini. Sebagai contoh, rujuk Lampiran E.

¹¹⁹ Encik Junaidi bin Abd. Rahman, *op. cit.*, Puan Azmanira binti Ariff, *op. cit.*

iii. Prosedur Pindaan Dokumen Wasiat

Wasiat adalah satu pengisytiharan niat seseorang ketika hayatnya agar hartanya diuruskan mengikut ketentuannya setelah ia tiada. Namun demikian kenyataannya itu tidaklah menghalang baginya untuk terus merancang dan mengatur urusan hartanya di sepanjang hidupnya kerana wasiat boleh dipinda atau dibatalkan disebabkan keperluan tertentu. Ini kerana pengakuan tersebut tidak seperti kontrak perjanjian lain yang memberi kesan muktamad apabila telah ditanda tangani. Dalam kata lain obligasi wasiat bukanlah serta merta, maka pewasiat berhak untuk meminda atau membatalkannya selagimana ia masih tidak berkuatkuasa. Ini bermakna sebarang perubahan yang berlaku terhadap sesuatu wasiat lebih mudah disahkan sekiranya terdapat catatan mengenainya.

Oleh itu sebarang kodisil terhadap dokumen berkenaan boleh dilakukan sekiranya terdapat pindaan dibuat pada tempoh wasiat belum berkuatkuasa. Sekalipun berulang kali pindaan dilakukan, namun kodisil terakhir adalah terpakai dan membatalkan pengkodisilan terdahulu.¹²⁰ Dalam proses pindaan tersebut terdapat juga beberapa prosedur yang perlu diikuti oleh mana-mana pewasiat yang akan meminda wasiatnya iaitu:

1. Pewasiat perlu mendapatkan borang pindaan wasiat daripada ARB atau mana-mana agen korporatnya yang sah. Borang pindaan tersebut boleh dirujuk melalui Lampiran F.

¹²⁰ Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, *op.cit*; Encik Suhaimi bin Abd. Wahab, *op.cit*.

2. Borang tersebut hendaklah dilengkapkan serta arahan tentang pindaan itu mestilah dinyatakan dengan jelas dalam ruangan disediakan dan kemudian hendaklah dihantar atau diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Probet, ARB beserta Surat Permohonan Pindaan Wasiat. Dokumen sokongan yang diperlukan juga hendaklah disertakan termasuklah salinan kad pengenalan benefisiari atau penerima yang baru dan apa-apa dokumen berkaitan dengan pindaan itu seperti dokumen mengenai harta misalnya salinan geran tanah, salinan buku akaun, salinan polisi insuran, salinan sijil saham dan sebagainya.

3. Seterusnya pihak ARB yang bertanggungjawab akan menyediakan draf wasiat terpinda mengikut arahan pewasiat. Setelah itu pihak ARB akan menghubungi pewasiat yang berkenaan melalui telefon untuk memaklumkan bahawa draf wasiat telah disediakan. Draft wasiat akan dihantar kepada pewasiat untuk semakan mengikut kehendaknya sama ada melalui e-mel, poslaju dan sebagainya dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan Surat Permohonan Pindaan dikemukakan kepada Jabatan Probet ARB. Pewasiat juga boleh hadir sendiri ke pejabat ARB untuk menyemak draf wasiat tersebut.

4. Apabila draf pindaan wasiat diterima, pewasiat perlu menyemak dengan teliti pendrafan yang telah dibuat oleh pihak ARB. Ini bagi memastikan bahawa segala maklumat adalah tepat dan arahan pembahagian adalah sepertimana yang ingin dipinda.

5. Sekiranya telah berpuas hati dengan isi kandungannya, maka draf pindaan tersebut hendaklah dikembalikan kepada pihak ARB dengan menyatakan arahan untuk penyediaan salinan bersih wasiat. Dalam kata lain, memohon agar ARB merekodkannya sebagai dokumen wasiat terakhir yang akan digunapakai, apabila kelulusan daripada

pewasiat diperolehi, wasiat bersih akan disediakan di dalam dua salinan iaitu salinan asal dan salinan pendua.

6. Sekiranya terdapat pula mana-mana bahagian yang memerlukan pindaan semula, maka ia perlu dicatatkan dengan jelas di dalam draf wasiat tersebut. Kemudian diserahkan kembali draf pindaan wasiat berkenaan dengan arahan meminda semula. Pihak ARB akan mengkaji sama ada arahan untuk pindaan yang diberikan adalah sesuai dan tidak menjejaskan kesahihan wasiat. Sekiranya tidak sesuai atau boleh menjejaskan kesahihan wasiat, pindaan akan dibuat dan draf wasiat yang kedua akan dihantar kepada pewasiat untuk kelulusan dan langkah di atas akan diulangi sehingga pewasiat memberikan kelulusan.

7. Pewasiat akan dihubungi oleh pihak ARB dalam tempoh 7 hari bagi menetapkan tarikh untuk menandatangani wasiat, pewasiat perlu hadir ke pejabat cawangan ARB bersama saksi-saksi sekiranya ia melantik para saksi sendiri untuk proses menandatangani wasiat bersih. Langkah ini penting untuk memastikan bahawa proses menandatangani wasiat itu dilakukan dengan betul tanpa menjejaskan kesahihan wasiat.

8. Setelah wasiat ditandatangani, maka proses pindaan terhadap sesuatu wasiat terdahulu telah selesai. Pihak ARB akan menyerahkan salinan pendua bagi dokumen wasiat yang terpinda itu kepada pewasiat sebagai simpanan peribadinya.¹²¹

'Abd al-Razzāq al-Sanhurī menegaskan bahawa seseorang individu perlu mencatat apabila membuat sebarang pesanan atau arahan kepada pihak lain untuk

¹²¹ Puan Azmanira Binti Ariff, *op. cit.*; Encik Junaidi Abd. Rahman, *op. cit.*

melaksanakan tugas-tugas tertentu setelah kematiannya. Catatan tersebut boleh ditulis samada secara rasmi dengan mengikut prosedur tertentu yang perlu dipatuhi ataupun wasiat itu dicatatkan secara adat pada kelazimannya dapat difahami sebagai pesanan si mati.¹²² Lazimnya wasiat yang ditulis secara rasmi akan dicatat di dalam borang yang khusus dan diterima pakai di sisi undang-undang supaya pengurusannya lebih sistematik.

Kesimpulan

Dalam konteks kajian ini, pihak ARB adalah salah sebuah agensi berkanun yang menyediakan penulisan wasiat secara rasmi bagi memudahkan para pewasiat mengekspresikan kehendaknya untuk berwasiat. Intipati kedua-dua draf dokumen wasiat yang terpakai untuk orang Islam di ARB ini dapat diketahui melalui huraian selanjutnya bagi menentukan keselarasannya dengan undang-undang Islam.

¹²² ‘Abd al-Razzāq al-Sanhurī (1968), *Al-Wasit*, j.9, Kaherah: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyah, h. 206.

BAB 4: KAJIAN KESELARASAN DRAF DOKUMEN WASIAT ASAS DI ARB DENGAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Pendahuluan

Penulisan wasiat merupakan kaedah untuk menyatakan hajat yang tercetus di hati seseorang bagi diekpresikan kepada orang lain dalam bentuk catatan. Bagi menyediakan suatu dokumen yang sah di sisi undang-undang, pemilihan ayat atau ‘*wording*’ yang akan direkodkan di dalamnya perlu berpandukan kepada peruntukan statut yang telah dikuatkuasakan berkaitan perkara tersebut serta mengandungi elemen kesaksian dan ditanda tangani.¹²³ Oleh kerana pihak ARB memiliki statut untuk mentadbir pusaka berwasiat, maka perbadanan ini telah mengambil inisiatif lebih praktikal dengan menyediakan satu Draf Dokumen Wasiat Asas (DDWA), bagi memudahkan orang-orang Islam untuk membuat wasiat. Walau bagaimanapun, draf dokumen yang dirangka itu perlu dibentuk berasaskan konsep dan prinsip wasiat menurut peruntukan hukum syarak. Malah terdapat unsur-unsur tertentu perlu diambil perhatian bagi memastikan kewujudan suatu wasiat. Maka tanpa elemen-elemen berkenaan ataupun ketiadaan salah satu daripadanya akan menjejaskan kewujudan wasiat serta menjadikannya tidak sah. Ini kerana elemen-elemen tersebut merupakan rukun yang menjadi asas kepada kewujudan sesuatu wasiat dan ia akan memberi kesan hukum terhadap perbuatan seseorang. Dalam hal ini para Ulama Mazhab *Shafi’iyyah* menyatakan unsur-unsur yang diperlukan bagi kelangsungan wasiat ialah pemberi wasiat (*musī*), penerima wasiat (*musā lah*), barang pemberian (*musā bīh*) serta lafaz wasiat (*sīghah*).¹²⁴ Induktifnya adakah DDWA yang disediakan oleh ARB telah lengkap dengan unsur-unsur wasiat seperti dinyatakan itu? Justeru, penganalisan terperinci

¹²³ Saw Leong Aun (2000), *Guide to Planning Will Effectively*, Kuala Lumpur: Leeds Publications, h.30

¹²⁴ Mohammad al-Syarbinī al-Khātib (1958), *op.cit*, h. 39.

dibuat terhadap isi kandungan DDWA untuk menentukan keselarasannya dengan perspektif Undang-undang Islam bagi mencapai objektif kajian ini.

4.1 Intipati Draf Dokumen Wasiat Asas (DDWA) Di ARB

Memandangkan metode dokumentasi wasiat menurut perspektif Islam tidak ditentukan melalui sumber syarak secara khusus, maka ia bukan suatu penulisan yang formatif. Umumnya, pendrafan wasiat Islam di ARB ini tidaklah terikat dengan format yang khusus. Namun proses pendrafan terma-terma wasiat dibuat berorientasikan mekanisme tertentu supaya selaras dengan kehendak-kehendak statut yang diterima pakai di negara ini. Walau bagaimanapun, mengikut formalitinya setiap dokumen rasmi akan tertera logo atau lambang bagi organisasi serta mempunyai nombor rujukan tertentu bagi menjamin kesahihannya di samping menjadikan urusan berkaitan dengannya lebih sistematik dan efisien. Begitu juga dengan DDWA yang dibuat oleh pihak ARB, terdapat logo bagi perbadanan ini di muka hadapan dokumen tersebut serta dicatat nombor siri iaitu ARB/M01 bagi memudahkan urusan.

Adapun klausa-klausa di dalam draf-draf dokumen berkenaan adalah merupakan terma-terma interaktif kerana ia merujuk kepada kata-kata atau pesanan-pesanan daripada pewasiat dengan harapan hasratnya itu difahaminya dan dilaksanakan sewajarnya. Umumnya, DDWA yang menjadi sampel kajian ini terdiri daripada klausa-klausa atau terma-terma tertentu iaitu klausa pendahuluan dan kemudian disusuli dengan pernyataan pewasiat untuk berwasiat. Seterusnya diikuti pula dengan terma perlantikan Perbadanan ARB sebagai Wasi dan Pemegang Amanah. Kemudian didrafkan pula arahan-arahan pewasiat terhadap harta tinggalan dan diikuti pula terma agihan aset kepada benefisiari. Selain itu diwujudkan juga klausa berkaitan urusan harta

bagi benefisiari bawah umur dan diakhiri dengan klausa penutup. DDWA ini akan termaktub maklumat keterangan para saksi bagi wasiat berkenaan. Lantaran itu segala perkara-perkara ini akan dihurai lebih terperinci dalam kupasan selanjutnya.

4.2 Klausa Pendahuluan

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, DDWA di ARB ini akan didahului dengan kalimah suci bagi nama Allah SWT pada perenggan pertama. Kemudian disusuli pula ungkapan yang memuji kebesaran-Nya dan selawat ke atas junjungan besar Rasulullah s.a.w, ahli keluarga dan para pengikutnya serta membenarkan segala yang disampaikan oleh Baginda di samping menyatakan pengakuan keimanan terhadap perkara-perkara *ghaybiyyāt* seperti kematian, kewujudan hari kebangkitan dan juga hari pembalasan dalam perenggan kedua. Klausa Pendahuluan yang diterangkan ini dapat dilihat sebagaimana berikut;

1. Dengan nama ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG
2. Segala puji bagi Allah S.W.T yang kekal selamanya. Tiada Tuhan melainkan Allah SWT, Nabi Muhammad s.a.w itu adalah Pesuruh Allah. Kematian adalah benar, kebangkitan semula adalah benar, semua yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w (semoga kesejahteraan dan rahmat Allah SWT dilimpahkan kepadanya, keluarganya, para sahabat dan pengikut-pengikutnya) adalah benar, tiada keraguan bahawa hari penghakiman akan tiba dan Allah SWT akan membangkitkan semua yang di dalam kubur.

Demikianlah yang telah diajarkan oleh sesetengah ulama apabila hendak berwasiat.¹²⁵ Adapun ungkapan sedemikian bukanlah menjadi syarat keesahan sesuatu wasiat, namun ia merupakan adab malah disunatkan bagi seseorang muslim agar memulakan apa jua ibadah dengan menyebut nama Allah SWT serta kalimah-kalimah

¹²⁵ Dr Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islamī Wa Adillatuh*, j. 8, Damsyiq: Dār al-Fikr, h.16

mulia supaya beroleh keberkatan. Bahkan Allah S.W.T telah mendidik hamba-Nya untuk memulakan kalimah memuji Allah sebagaimana dapat diperhatikan pada setiap permulaan surah di dalam al-Qur`an akan dimulakan dengan lafaz ((بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ)) kecuali surah *al-Taubah* yang tidak dibuka dengan lafaz tersebut kerana ia adalah rahsia bagi-Nya.

Namun demikian tidaklah menjadi kesalahan jika terdapat wasiat Islam yang tidak dimulakan dengan kalimah pujian tersebut. Apa yang utama bagi sesuatu wasiat itu adalah isi kandungannya hendaklah memenuhi rukun-rukunnya yang tertentu serta menepati syarat-syarat sebagai mana digariskan oleh syarak. Walau bagaimanapun pihak ARB telah mengambil pendekatan mendrafkan lafaz-lafaz mulia di atas bagi klausa pendahuluan ini untuk membezakan di antara draf dokumen wasiat Islam dengan yang selainnya.¹²⁶

4.3 Pernyataan Oleh Pewasiat

Realitinya, sesuatu wasiat tidak mungkin wujud sekiranya tiada seorang individu atau disebut sebagai *mūsī* (pewasiat) yang berhajat untuk melakukannya. Malah Ulama Mazhab *Syāfi`iyyah* menjadikan *mūsī* adalah salah satu di antara rukun-rukun wasiat kerana ia merupakan sebahagian daripada elemen-elemen kewujudan transaksi tersebut. Dengan itu sesuatu dokumen wasiat mestilah termaktub butiran peribadi pewasiat supaya identitinya akan jelas dan dapat dikenal pasti. Justeru, berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati setiap DDWA di ARB akan direkodkan perkara tersebut di dalam perenggan 3 sebagaimana berikut;

”Saya, xxxxxxxxxxxx (no. k/p : xxxxxx-xx-xxxx), yang beralamat di xxxxxxxxxxxxxxxxxxxx dengan rela hati, sempurna akal dan sihat tubuh badan,

¹²⁶ Encik Suhaimi bin Abd Wahab, *op.cit.*

tanpa sebarang paksaan, tetap tinggal di Malaysia, dengan ini menarik balik semua wasiat yang terdahulu yang dibuat oleh saya dan mengisytiharkan ini sebagai wasiat terakhir saya.”

Melalui perenggan tersebut terkandung juga pernyataan mengenai pengakuan pewasiat yang menyatakan tujuan atau niatnya untuk membuat wasiat bagi melaksanakan salah satu daripada tuntutan agama sebagai persediaan sebelum ia meninggal dunia. Terma “*dengan ini menarik balik semua wasiat yang terdahulu yang dibuat oleh saya dan mengisytiharkan ini sebagai wasiat terakhir saya*” merupakan satu deklarası oleh pewasiat untuk menyatakan bahawa wasiat-wasiatnya yang terdahulu adalah terbatal dan wasiat terakhir inilah yang akan terpakai setelah kematiannya. Jika diamati, deklarası sedemikian didrafkan di dalam dokumen wasiat Islam di ARB kerana bertepatan dengan peraturan di dalam Seksyen 15 pada setiap Enakmen Wasiat yang telah dikuatkuasakan di negara ini. Peruntukan tersebut adalah sebagaimana berikut;

Sesuatu wasiat boleh ditarik balik keseluruhan atau sebahagiannya dengan-

(a) penarikan balik secara nyata; (b) penarikan balik secara tersurat; atau (c) membuat wasiat yang baru yang mengatasi wasiat terdahulu.

Ini bermakna wasiat yang terkemudian dibuat secara langsung akan membatalkan wasiat sebelumnya. Oleh itu setiap dokumen wasiat di ARB akan tertera tarikh yang menjadi elemen penting bagi menentukan manakah wasiat yang sepatutnya dilaksanakan kerana wasiat bukan satu kontrak yang mutlak dan ia boleh dimansuh atau dipinda selagimana belum berkuatkuasa selepas kematian pewasiat.

Adapun pembentukan klausa tersebut turut merujuk statut tentang wasiat Islam yang pertama digubal di negara ini iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999.¹²⁷ Oleh sebab itulah apabila diteliti intipati dalam perenggan di atas mempunyai persamaan dengan butiran mengenai pengakuan pewasiat yang didrafkan di dalam klausa tersebut iaitu seperti berikut;

“ini adalah wasiat terakhir saya,.....
(nyatakan nama)
No. Kad Pengenalan.....
Yang beralamat
(nyatakan alamat)
.....
.....”

dengan disaksikan oleh saksi-saksi yang bertanda tangan di bawah dan yang menyaksikan bahawa saya berada di dalam keadaan sihat dan waras fikiran yang membolehkan saya memahami bentuk wasiat dan akibat yang berbangkit daripadanya serta menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah Yang Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya dan Nabi Muhammad adalah hambaNya dan Rasul-Nya dan bahawasanya syurga itu benar dan bahawa hari kiamat akan tiba tidak ragu-ragu lagi dan Allah akan membangkitkan semua ahli kubur.

4.3.1 Kelayakan *Mūsī* Untuk Membuat Wasiat Di ARB

Kelayakan seorang *mūsī* memberi implikasi kepada keesahan sesuatu wasiat. Pertimbangan tersebut amat perlu disebabkan transaksi wasiat membabitkan tindakan seseorang individu untuk menyerahkan harta miliknya kepada orang lain dengan

¹²⁷ *Ibid.*

kehendak sendiri demi mengimplimentasikan tuntutan syarak. Dalam hal ini para ulama telah menggariskan syarat-syarat tertentu bagi memastikan bahawa *mūsī* adalah seorang yang berkeelayakan untuk membuat wasiat. Ini sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Saidina A'li r.a;

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ ؛ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمُبْتَلَى حَتَّى يَبْرَأَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَكْبُرَ^{١٢٨}

Maksudnya:

“Sesungguhnya tidak akan dicatat amalan bagi orang-orang yang tidur sehingga dia terjaga, orang yang didalam kesulitan sehingga dia dilapangkan dan kanak-kanak sehingga dia dewasa.”

Justeru Imām Syāfi'i menentukan bahawa kriteria *mūsī* hendaklah seorang yang dewasa. Ini menjadikan wasiat yang dibuat oleh kanak-kanak adalah tidak sah.¹²⁹ Ketetapan ini tidak bertentangan dengan pendapat Imam Hanafi kerana mensyaratkan *mūsī* hendaklah seorang yang telah dewasa.¹³⁰ Ulama Mazhab *Mālikiyyah* tidak menjadikan *mūsī* mestilah seorang yang telah dewasa sebagai syarat kesahan sesuatu wasiat, namun kedewasaannya itu merupakan elemen yang menjadikan ibadah tersebut lebih sempurna.¹³¹ Begitu juga Ulama Mazhab Hambali turut tidak mensyaratkan sedemikian kerana *mūsī* yang telah *mumayyiz* (dapat membezakan antara perkara yang baik dan sebaliknya) sudah memadai untuk menjadikan wasiatnya itu sah.¹³²

Secara praktikalnya, hanya individu yang telah mencapai umur 18 tahun boleh membuat wasiat bersama ARB. Ini jelas menunjukkan peraturan tersebut adalah berpandukan kepada peruntukan seksyen 6(1) (a), EWS 1999 yang menyatakan bahawa

¹²⁸ Abi Dawud Sulaymān bin al-Asy'ath bin Ishaq al-Azdiy al-Sajistānī, *op.cit.*, *Kitab al-Hudud, Bab fi al-Majnun Yasriq aw Yusibu Hadda*, no. Hadith 4399, h.1544.

¹²⁹ Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), *op.cit.*, h. 40.

¹³⁰ Syams al-Dīn al-Syarahsi (t.t), *al-Mabsut*, j.6, Beirut : Dār al-Ma'rifah, h.178

¹³¹ Muhammad Bin 'Ali Bin Muhammad al-Syawkani, (1255H), *Op.cit.*, h. 33-34

¹³² Ahmad al-Hasarī(1996), *al-Tarikaḥ wa al-Wasiyyah wa al-Qad'āyā al-Muta'alliqah Bihā fi al-Fiqh al-Islamī al-Muqāran*, Beirut: Dār al-Jail, c.1, h. 646

“telah mencapai umur 18 tahun;”. Ia adalah selari dengan peruntukan perkara 4(1) di dalam Akta Umur Dewasa (Malaysia) 1971, yang telah memperuntukkan bahawa usia dewasa bagi seseorang individu adalah setelah mencapai umur 18 tahun. Pada lazimnya pada usia berkenaan seseorang individu samada lelaki atau perempuan akan dikategorikan sebagai dewasa kerana ia sudah mampu menguruskan harta dengan baik dan sempurna. Jika diteliti, perkara ini kurang diambil perhatian. Pada peringkat awal, produk wasiat diperkenalkan di ARB adalah berdasarkan borang PPPW yang perlu dilengkapkan oleh setiap pewasiat. Namun, ARB telah membuat pindaan ke atas borang tersebut dengan memasukkan item “umur” dalam butiran mengenai pewasiat bagi memastikan *mūsī* yang membuat wasiat bersama ARB adalah seorang yang telah mencapai usia dewasa.

Sementara itu seorang *mūsī* mestilah berkeelayakan dari sudut mentalnya kerana tuntutan melaksanakan ibadah akan gugur bagi mereka yang tidak sempurna akal berdasarkan hadis riwayat Sayyidinā ‘Alī di atas. Oleh itu ibadah berwasiat ini turut memerlukan pewasiat seorang yang waras akal fikirannya. Kesejahteraan mental menjadi syarat kesahan sesuatu wasiat memandangkan pewasiat perlu menggunakan akal fikiran yang waras supaya dapat membuat keputusan secara rasional dan tepat ketika berwasiat demi untuk beribadah kepada Allah S.W.T. Tambahan pula justifikasi sewajarnya ketika berwasiat amat perlu kerana pelaksanaannya membabitkan aset pusaka dan natijahnya juga menyentuh kemaslahatan orang yang akan ditinggalkan terutamanya para waris. Dalam hal ini para ulama` daripada semua mazhab iaitu Mazhab Syāfi’iyah, Hanafiyyah, Malikiyyah dan Hanabilah bersepakat menolak wasiat yang dibuat oleh orang gila kerana tidak sempurna akalnya dan orang yang mabuk atau pengsan kerana tidak sedarkan diri.¹³³

¹³³ *Ibid.*

Selain itu *musī* hendaklah rela hati tanpa sebarang keterpaksaan untuk menyerahkan hartanya kepada orang lain melalui kaedah wasiat. Oleh kerana wasiat juga adalah satu ibadah yang disunatkan, maka pelaksanaannya hendaklah dilakukan dengan penuh keikhlasan supaya beroleh ganjaran di sisi Allah S.W.T. Abū Hurayrah r.a meriwayatkan bahawa :

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؛ أَيُّ الصَّدَقَةِ أَكْبَرُ أَجْرًا، قَالَ ،
 أَنْ تُصَدَّقَ وَأَنْتَ صَاحِبٌ سَاحِحٌ تَخْشَى الْفَقْرَ وَتَأْمَلُ الْغَنِيَّ وَلَا تُمَهِّلُ حَتَّى إِذَا بَلَغَتِ الْحُلُوفَ
 قُلْتَ؛ لِفُلَانٍ كَذَا وَلِفُلَانٍ كَذَا وَقَدْ كَانَ لِفُلَانٍ.

Maksudnya : Seorang lelaki menemui Rasulullah s.a.w dan bertanya : “Wahai Rasulullah, apakah sedekah yang paling besar ganjarannya?” Sabda Baginda : “Kamu bersedekah ketika kamu sihat dan sayangkan harta, takutkan kemiskinan dan mengharapkan kekayaan. Kamu tidak melengah-lengahkannya sehingga waktu nyawa kamu telah sampai ke halkum (saat kematian telah hampir). Ketika itu barulah kamu hendak berkata : Untuk si fulan begini dan untuk si fulan begini sedangkan harta itu telah ditetapkan untuk si fulan (telah menjadi milik para waris).”¹³⁴

Amalan wasiat yang dibuat secara terpaksa bukan sahaja menjadi sia-sia bagi diri pewasiat, malah dikhuatiri akan memberi kesan kemudaratan kepada pihak-pihak tertentu disebabkan berlaku penerimaan atau pindah milik harta secara batil. Demi memelihara kemaslahatan pihak-pihak terlibat, maka para ulama` dari pelbagai mazhab telah bersepakat menegaskan bahawa wasiat yang dilakukan oleh orang yang dipaksa adalah tidak sah.¹³⁵

¹³⁴ Abi `Abd Allah Muhammad bin Ismā`il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhārī, *op.cit*, *Kitāb Zakah, Bāb al-Zakah Bab Fadl al-Sadaqah al-Syahih al-Sahih*, no. hadith 1419, h. 111; Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayrī al-Naysabūrī, *op.cit*, *Kitāb al-Zakah, Bāb Bayan ann Afdal al-Sadaqah al-Sahih al-Syahih*, no. hadith 2383, h. 840-841.

¹³⁵ Badran Abū al-A`ynayn Badran (t.t), *al-Mawārith wa al- Wasiyyah wa al-Hibbah*, Kaherah: Mu`assasah Syabāb al-Jamī`ah, Iskandariah, h. 132

Di samping itu disyaratkan juga bahawa kesihatan *musī* hendaklah berada dalam kondisi yang baik iaitu mampu menyelenggarakan harta yang dimilikinya. Seperti kebiasaannya apabila seseorang itu sakit sudah pasti ia tidak mempunyai keupayaan untuk menguruskan harta benda dengan sendiri dan akan mendapatkan bantuan daripada orang lain. Apatah lagi sakit ketika hampir mati atau "*marad' al-mawt*". Dalam situasi kesihatan tidak stabil ini bukanlah mustahil jika individu itu akan cenderung membuat keputusan yang berat sebelah bagi satu distribusi kerana mengutamakan pihak tertentu dengan sebab-sebab tertentu sehingga mengakibatkan terjadinya penganiayaan terhadap pihak lain yang sewajarnya berhak memperolehi bahagiannya.

Senario demikian telah berlaku di dalam kes *Amanullah Ali lwn Hj. Jamilah Sheikh Uda*¹³⁶. Fakta kes ini menyatakan bahawa. Pada 24/2/1968 si mati berada dalam keadaan tenat di hospital. Lantaran itu seorang Peguam dipanggil dan diminta untuk menulis wasiat. Kemudian setelah Wasiat itu dibacakan kepada si mati, cap jarinya pula diturunkan pada dokumen berkenaan. Kandungan wasiat tersebut menyatakan bahawa si mati telah membuat wasiat agar seluruh harta tinggalannya diserahkan kepada plantif yang juga dilantik sebagai wasi bagi pusakanya. Namun mahkamah menolak permohonan plantif untuk mengesahkan wasiat berkenaan. Ini kerana wasiat tersebut dianggap tidak sah disebabkan pewasiat berada dalam keadaan "*marad' al-mawt*" dan tidak sedarkan diri ketika wasiat itu dibuat. Selain itu pembatalannya juga disebabkan wasiat berkenaan bertujuan melupuskan harta dengan kadar melebihi jumlah yang sepatutnya diterima oleh plantif. Kes ini menggambarkan pelbagai komplikasi negatif seperti eksploitasi mahupun konfrantasi boleh berlaku dalam situasi yang sulit semata-mata kerana mahukan harta.

¹³⁶ Amanullah Ali v Hj. Jamilah Sheikh Uda (1975), *Malayan Law Jurnal*, j.1, h.30.

Setiap Enakmen Wasiat yang telah berkuatkuasa di negara ini turut mengkondifikasikan Syarat-syarat seorang pewasiat melalui Seksyen 6(1)(b) tidak merupakan orang tidak sempurna akal; (c) bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa; dan 9(d) tidak dilarang daripada menguruskan hartanya. Jelas menunjukkan bahawa keadaan mental serta fizikal pewasiat memberi implikasi yang cukup besar samada ibadah wasiatnya itu menatijahkan keuntungan bagi dirinya dan orang lain atau sebaliknya. Oleh itu signifikan ungkapan “dengan rela hati, sempurna akal dan sihat tubuh badan, tanpa sebarang paksaan,” yang terkandung di dalam perenggan tiga seperti dinyatakan sebelum ini merupakan ikrar pewasiat untuk memberi keyakinan kepada pihak-pihak terlibat bahawa wasiat yang berkenaan telah dibuat ketika kondisi dirinya adalah baik mengikut syarat-syarat yang telah digariskan oleh undang-undang Islam.

4.4 Terma Perlantikan ARB sebagai Wasi dan Pemegang Amanah

Pastinya seseorang individu yang membuat *wiṣāyah* akan melantik pihak tertentu sebagai wasi bagi merealisasikan niatnya setelah berlaku kematian. Istilah wasi menurut Kamus Dewan bererti orang yang dilantik untuk menunaikan wasiat.¹³⁷ Jelas menunjukkan bahawa perkataan tersebut diambil daripada kalimah Arab iaitu “*al- wāsī*” kerana mempunyai pengertian yang sama.¹³⁸ Ini bermakna wasi adalah pihak yang diberi amanah atau tanggungjawab untuk melaksanakan pesanan serta kehendak seseorang bagi menunaikan sebarang liabiliti samada berbentuk penyerahan hak ataupun pengguguran tanggungjawab apabila ia sudah tiada lagi. Sudah pasti pewasiat amat mengharapkan agar wasi dapat menunaikan segala yang diamanahkan dengan sebaiknya dan sempurna.

¹³⁷ Hajah Noresah bt. Baharom (ed)(2005), *op.cit*, h. 1803.

¹³⁸ Abī al-Fadl Jamal al-Dīn Muhammad bin Mukram Ibn Mandhūr al-Afrikī al-Misr (Ibn Mandhūr) *op.cit*.

Oleh yang demikian, setiap pewasiat yang membuat wasiat dengan badan tersebut hendaklah melantik organisasi itu sebagai wasi dan juga menjadi pemegang amanah bagi sesuatu liabiliti yang masih bertanggung oleh pewasiat melalui perakuannya di dalam Borang PPPW yang menyebutkan “saya bersetuju melantik Amanah Raya Berhad sebagai wasi dan Pemegang Amanah di bawah wasiat saya”. Justeru dalam perenggan empat setiap draf dokumen wasiat Islam akan termaktub terma yang menunjukkan musyik telah melantik ARB sebagai pihak yang diberikan tanggungjawab berkenaan dengan pernyataan bahawa “Saya, dengan ini melantik AMANAH RAYA BERHAD (No. Syarikat : 344986-V) sebuah syarikat peramanahan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 15, Wisma Amanah Raya, No. 2, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur sebagai wasi dan Pemegang Amanah di bawah wasiat saya ini (selepas ini digelar wasi dan Pemegang Amanah saya).

Menelusuri perbincangan para Ulama`, *wāsī* merupakan salah satu daripada rukun *al-wisāyah* yang turut menjadi topik perbincangan berkaitan perihal wasiat menurut perspektif Islam. Adapun kalimah *al-wisāyah* dari sudut bahasa merupakan kata terbitan yang dipetik berdasarkan perkataan Arab iaitu “*wasā* ertinya menghubungkan atau menyambung serta *awsā*” yang bermaksud berpesan atau berjanji seperti juga kata dasar bagi kalimah *al-wasiyyah* yang telah dijelaskan di dalam bab kedua terdahulu.¹³⁹ Namun Ulama` mentakrifkan “*al-wasiyyah*” sebagai pemberian material, manakala kalimah *al-wisāyah* dari sudut Syarak memberi interpretasi penyerahan berbentuk amanah bagi menggantikan dirinya untuk melaksanakan sebarang litesasi setelah ia meninggal dunia. Ulama` Mazhab *Syāfi’iyah* telah menentukan masa selepas kematian untuk membezakan wisoyah dengan wakalah kerana pada zahirnya pihak yang

¹³⁹ *Ibid*, h.319

diamanahkan menjadi representatif bagi orang yang berpesan.¹⁴⁰ Secara keseluruhannya *wisayah* yang dianjurkan di sisi Islam terbina daripada rukun-rukun tertentu iaitu *musti* (pewasiat), *wāsi* (pihak diamanahkan), *musā fīh*, dan lafaz pengamanahan (*sīghah*). Hukum substantif turut menetapkan beberapa kriteria tertentu bagi *wāsi* untuk menjamin ketelusannya. Ulama Mazhab *Syafi'iyah* mensyaratkan bahawa seorang wasi hendaklah mukallaf, merdeka, adil zahir dan batin, berupaya atau mampu menguruskan apa yang diwasiatkan. Wasi bukanlah musuh kepada pewasiat. Namun wasi yang buta dan bisu di sisi Syafi'i adalah sah.¹⁴¹ Begitu juga Mazhab Hanafi mensyaratkan wasi hendaklah dewasa bukan kanak-kanak. Perlantikan Wasi yang muslim lebih diutamakan malah hakim berkuasa untuk mengantikan wasi yang kafir dengan yang muslim. Di samping itu wasi juga hendaklah adil kerana melantik pihak yang fasiq boleh menimbulkan kecurigaan seperti juga keraguan terhadap pengurusan oleh kanak-kanak atau orang kafir. Sementara itu wasi yang dilantik hendaklah bersifat amanah dan dipercayai selain ia juga mestilah berkeupayaan untuk melaksanakan apa jua yang ditaklifkan kepadanya.¹⁴² Syarat-syarat sedemikian dipersetujui oleh penganut Mazhab Malikiyah dan juga Hanabilah.¹⁴³

Melalui penerangan tersebut jelas menunjukkan bahawa perlantikan wasi yang berwibawa dan berkemampuan mentadbir harta dengan penuh tanggungjawab dan amanah amat penting kerana wasi yang sedemikian mengambil kira kehendak si mati tanpa mengabaikan hak pewaris yang perlu meneruskan kehidupan. Adapun perlantikan ARB sebagai wasi adalah diharuskan kerana Imam Syāfi'ī membenarkan pewasiat melantik seorang wasi atau lebih¹⁴⁴ supaya pesanan-pesanannya tidak terabai. Dalam

¹⁴⁰ Muhammad Amīn (Ibn 'Ābidīn)(t.t), *op.cit.*, j.5, h. 308-310. *Tabyīn al-Haqā'iq*, j.6, h. 36-38, *al-Kitāb Ma'a Syarh al-Lubab*, j.2, h. 221 dan *al-Badā'i*, j.4, h. 195.

¹⁴¹ Al-Imām Abī 'Abdullah Muhammad Idris al-Syāfi'ī, *op.cit.*, h. 438

¹⁴² Syams al-Dīn, Al-Syarakhsī, (t.t), *op.cit.*, j. 14, h. 142-175

¹⁴³ Muḥammad Ibn 'Alī Muhammad al-Syawkānī, (1255H), *op.cit.*

¹⁴⁴ Al-Imām Abī 'Abdullah Muhammad Idris al-Syāfi'ī, *op.cit.*, j.4, h. 195.

situasi kini pengkaji berpendapat bahawa perlantikan ARB untuk menjadi wasi lebih baik dan selamat kerana beban amanah tidak dipikul oleh seorang individu sahaja, malah oleh sebuah institusi berbentuk perbadanan apatah lagi akautabiliti dan peranannya tertakluk dengan dikri sebagaimana telah diterangkan sebelum ini.

4.5 Arahan Pewasiat Terhadap Harta Tinggalan

Sepertimana diketahui, apabila seseorang telah meninggal dunia maka harta tinggalannya akan terikat dengan hukum substantif yang perlu dipatuhi dalam urusan tadbirnya. Perlaksanaannya pula hendaklah mengikut prioriti yang telah digariskan oleh Syarak supaya si mati bebas daripada sesuatu liabiliti yang dikhuatiri boleh menjejaskan perhitungan amalannya di akhirat kelak. Sehubungan itu, wasiat tidak boleh direalisasikan sebagaimana liabiliti hutangnya di sisi syarak masih belum ditunaikan.¹⁴⁵ Justeru, bagi memastikan wasiat yang dibuat di ARB dapat diimplimentasikan selari dengan Syariah Islam, maka satu klausa telah didrafkan di dalam perenggan kelima setiap draf wasiat bagi menjelaskan bahawa segala tanggungan pewasiat akan diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembahagian kepada waris dilakukan. Klausa tersebut adalah seperti berikut:

“Saya mengarahkan Wasi dan Pemegang Amanah saya untuk membayar semua hutang saya termasuk perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan tuntutan syarak, perbelanjaan pengurusan jenazah dan pengkebumian, melunaskan hutang dengan hak Allah S.W.T, membayar zakat, upah haji (sekiranya saya meninggal dunia sebelum menunaikan haji) dan hutang sesama manusia, gadaian-gadaian berhubung dengan harta tak alih, sewa serta segala kos dan perbelanjaan berkaitan pentadbiran harta pusaka saya seawal mungkin setelah kematian saya.”

¹⁴⁵ Ibn ʿAbdullah Muhammad bin Ahmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1996), *op. cit.*, h.60-61.

Apabila difahami kandungan perenggan di atas, ia memberi maksud *wisayah* atau suatu bentuk pengamanahan yang dibuat oleh pewasiat supaya pihak ARB menguruskan hartanya seperti mana diajarkan oleh Syarak apabila ajalnya telah sampai. Pendrafan perenggan ini adalah bertepatan dengan peraturan substantif di sisi Islam kerana urus tadbir harta pusaka dilaksanakan dengan menunaikan segala tanggungjawab si mati terhadap hak Allah mahupun hak sesama insan terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada pihak-pihak yang ditentukan untuk meneruskan pemilikan bagi harta tinggalan itu samada melalui wasiat atau faraid.

Adapun liabiliti-liabiliti yang termaktub dalam perenggan tersebut meliputi tuntutan fardu iaitu urusan jenazah dan pengkebumian, zakat dan haji serta hak-hak wajib iaitu hutang-piutang dan gadaian. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa liabiliti-liabiliti yang disenaraikan dalam perenggan di atas perlu mengikut prioritinya dengan membuat justifikasi sewajarnya. Hutang sesama manusia boleh memberi kesan terhadap kehidupan si pemiutang. Sekalipun membayar zakat dan upah haji melibatkan hutang kepada Allah, namun pelaksanaannya bergantung kepada kemampuan harta yang dimiliki. Seseorang yang berhutang tidak diwajibkan mengeluarkan zakat ke atas hartanya. Begitu juga ibadah haji hanya diwajibkan ke atas individu yang mampu dari aspek fizikal mahupun material. Ironinya, orang yang berhutang dianggap kurang berkemampuan dari aspek kebendaan. Justeru, dalam konteks bewasiat ini, hutang sesama manusia hendaklah diutamakan kerana ia mempunyai kaitan dengan insan yang masih hidup dan masih menanggung kos kehidupannya.

Perincian bagi setiap perkara mengenai liabiliti-liabiliti yang disenaraikan itu tidak dinyatakan secara jelas. Perlu ditegaskan juga bahawa kifarah, nazar, fidyah, bayaran mahar, nafkah isteri dan anak-anak yang masih belum ditunaikan juga

merupakan liabiliti bagi si mati.¹⁴⁶ Namun, perkara-perkara tersebut tidak didrafkan dalam fasal ini. Pengkaji berpendapat bahawa seseorang pewasiat perlu membuat deklarasi bagi hutangnya kepada wasi supaya lebih jelas perkara yang masih menjadi tanggungjawabnya apabila ia meninggal dunia. Malah liabiliti itu pula adalah suatu perkara yang subjektif dan berbeza-beza antara satu sama lain. Apatah lagi realiti hari ini di mana terdapat seseorang yang dilantik sebagai penjamin atas hutang yang dibuat. Contohnya, A telah membuat pinjaman dengan institusi kewangan dengan menamakan B sebagai penjamin atas transaksinya. Belum sempat A melunaskan bayaran balik pinjaman tersebut, dia telah meninggal dunia. Pada ketika itu B selaku penjamin bertanggung liabiliti untuk melangsaikan hutang A. Melainkan bagi penghutang yang membuat caruman takaful atau insuran misalnya dalam pembelian rumah, kenderaan dan sebagainya, maka liabiliti hutang itu akan ditanggung oleh skim berkenaan.

Justeru, bagi mengelakkan penjamin tidak terbeban dengan tanggungan penghutang, maka deklarasi berhubung status sesuatu liabiliti amat perlu. Oleh itu, wasi yang tidak mengetahui tentang perkara ini, sudah pasti perlaksanaan terhadap amanah tersebut sukar diselesaikan dan boleh menimbulkan kekecohan dalam pengurusan kerana tiada keterangan yang menjelaskan perkara berkenaan. Melalui penelitian yang dijalankan pengkaji tidak menemui petunjuk yang jelas di dalam borang PPP yang menjadi asas pendrafan perenggan ini kerana tiada ruangan disediakan untuk pewasiat menerangkan apakah liabiliti yang ditanggung ketika wasiat dibuat.

¹⁴⁶ Jalāl al-Dīn 'Abd. Rahman bin Abī Bakr al-Suyūfī (t.t), *Tafsīr Jalālain*, Nasayr: Dār al-Manār, h.78-79

Menyentuh frasa ”segala kos dan perbelanjaan berkaitan harta pusaka saya” dalam perenggan ini juga adalah satu liabiliti berbentuk fi dan perlu dilangsaikan oleh pewasiat terhadap perkhidmatan ARB yang telah dilaksanakan selaku pentadbir pusakanya. Dalam kata lain ia merupakan hutang terakhir bagi si mati kerana obligasinya berlaku selepas kematiannya dan setelah diuruskan pusakanya. Imam Syāfi’ī, Hanafī dan Mālikī menegaskan sesungguhnya pelunasan hutang yang terdahulu dibuat hendaklah diutamakan seterusnya dilangsaikan pula hutang yang terkemudian.¹⁴⁷ Sebagaimana dimaklumkan, pihak ARB akan menyelesaikan segala hutang atau tanggungan si mati sebelum menentukan kos pentadbiran tersebut.¹⁴⁸ Dalam perenggan seterusnya didrafkan pula klausa seperti berikut;

“saya dengan ini mengarahkan dan membenarkan wasi dan pemegang amanah saya untuk menggunakan harta pusaka saya bagi mengutip atau menyelesaikan segala kos dan perbelanjaan bagi pengurusan dan pentadbiran harta pusaka saya sama ada kepada wasi dan pemegang amanah saya sendiri ataupun kepada pihak-pihak lain yang berhak sebelum pembahagian harta pusaka kepada waris-warisan saya dilaksanakan.”

Oleh sebab ARB adalah wasi bagi pusaka pewasiat, maka perbadanan ini mempunyai litegasi untuk mendapatkan surat probet supaya wasiat boleh dilaksanakan. Dalam seksyen 13, Akta 532 telah termaktub peruntukan berhubung pemberian probet dan surat kuasa mentadbir kepada perbadanan dengan menyatakan ;

”(1) perbadanan boleh, atas permohonannya sendiri atau atas permohonan mana-mana orang lain, diberikan probet bagi wasiat atau surat kuasa mentadbir oleh mahkamah.”

¹⁴⁷ al-Imām Abī ‘Abdullah Muhammad Idris al-Syāfi’ī (1410H/1990M), *op.cit.*, h. 98; Imām Mālik bin Anas (t.t), *op.cit.*, h. 596-597; Syams al-Dīn al-Syarakhsī (t.t), *op.cit.*, h.180

¹⁴⁸ Puan Saadiah Zainal Abidin, *op.cit.*

Dapat diperhatikan bahawa terma dalam perenggan ini dibentuk bagi memmanifestasikan peruntukan Seksyen 33, Akta 532 yang menggariskan tentang fi yang dikenakan berkenaan dengan tugas-tugas perbadanan, apa-apa fi, sama ada dengan cara peratusan atau selainnya, yang ditetapkan oleh perbadanan dengan kelulusan menteri.

(2) apa-apa perbelanjaan di sisi undang-undang boleh disimpan atau dibayar daripada harta amanah oleh seseorang pemegang amanah hendaklah disimpan atau dibayar sedemikian dan fi hendaklah disimpan atau dibayar mengikut cara yang sama sebagaimana dan sebagai tambahan kepada perbelanjaan itu. Seksyen 43 komisen wasi atau pentadbir

(3) mahkamah menurut budi bicaranya sendiri boleh membenarkan wasi atau pentadbir diberi komisen tidak melebihi lima peratus atas nilai aset yang dipungut oleh mereka, tetapi dalam membenarkan atau tidak memberikan komisen itu mahkamah hendaklah berpandukan kepada persetujuannya atau selainnya mengenai cara mereka menjalankan pentadbiran harta pusaka itu.

Telah dinyatakan bahawa ARB bukan sahaja dilantik sebagai wasi bahkan perbadanan itu turut diamanahkan supaya menjadi pemegang amanah bagi aset pusaknya. Menurut Akta 532 pemegang amanah hendaklah ditafsirkan sewajarnya. Manakala pemegang amanah Akta 208 Akta Pemegang Amanah 1949, Seksyen 3(1) pemegang amanah diperluaskan kepada amanah termaklum dan amanah ikut tafsir, dan kepada hal-hal di mana pemegang amanah mempunyai kepentingan benefisiari kepada harta amanah itu, dan kepada tugas-tugas yang bersampingan dengan jawatan seseorang wakil peribadi dan ungkapan “pemegang amanah”, jika bersesuaian dengan konteksnya, meliputi, wakil peribadi, dan “pemegang amanah baru” meliputi pemegang amanah tambahan.” Justeru dalam perenggan 7 DDWA pula termaktub klausa berikut;

“tertakluk kepada peruntukan perenggan 5 di atas, saya seterusnya mengarahkan wasi dan pemegang amanah saya agar mengekalkan penjagaan semua harta alih

dan tak alih saya dengan sebaik mungkin bagi faedah waris-waris saya sehingga tarikh pembahagian kepada waris-waris saya.”

Adapun klausa perenggan di atas juga merupakan lafaz *wisāyah* kerana pewasiat telah mengamanahkan kepada wasi supaya memelihara dan menjaga pusaknya sebelum pengagihan dilakukan. Pendrafan bidang tugas ARB sebagai pemegang amanah seperti dinyatakan itu adalah merujuk peruntukan seksyen 17(4), Akta 532, iaitu;

“pada bila-bila masa sebelum pembahagian mana-mana bahagian harta itu antara benefisiarinya di bawah seksyen ini, perbadanan boleh, jika difikirkannya sesuai manfaat dibuat sedemikian, walau apapun apa-apa pengisytiharan yang dibuat di bawah subseksyen (1), enggan untuk terus mentadbirkan harta dalam tangannya sehingga satu perintah pembahagian atau pemberian probet atau pemberian surat kuasa mentadbir diperolehi berkenaan dengan harta pusaka si mati.”

Oleh itu pihak ARB juga diberikan tanggungjawab untuk menjaga dan melindungi sebarang perkara yang mempunyai kepentingan kepada si mati agar dipelihara daripada sebarang ancaman atau kemusnahan. Misalnya ARB merupakan penjaga atau pemilik sementara kepada harta pusaka pewasiat dalam tempoh aset berkenaan belum diagih-agihkan kepada benefisiarinya atau waris-warisnya. Keculusan perbadanan ini bertindak sebagai wasi dan pemegang amanah tetap akan dikenakan tindakan undang-undang .

4.6 Terma Agihan Aset kepada Benefisiari

Pastinya agihan harta secara wasiat mengkehendaki kepada pihak lain sebagai benefisiari yang akan menerima habuan dan manfaat daripada distribusi ini. Ulama Mazhab Syāfi'iyah telah menjadikan benefisiari sebagai salah satu daripada rukun-

rukun wasiat atau disebut juga sebagai *musā lah*. *Musā lah* mestilah pada zahirnya berpotensi untuk menerima pemilikan sama ada dengan sendirinya atau melalui bantuan pihak lain bagi benefisiari yang tidak mampu mengurus harta sendiri. Ini bermakna sah berwasiat bukan sahaja kepada orang yang mukallaf, bahkan untuk orang gila, kanak-kanak, golongan tua malah termasuk juga anak di dalam kandungan yang masih belum lahir ataupun yang bakal wujud. Sebaliknya dilarang berwasiat untuk jenazah kerana ia sudah tidak berhajat lagi dengan sebarang pemilikan.¹⁴⁹ Sebagai panduan setiap Enakmen Wasiat yang sedia ada kini telah mengkodifikasikan satu peruntukan yang termaktub syarat-syarat *musā lah* misalnya di dalam seksyen 7, EWS 1999, di bawah perkara syarat benefisiari dengan mengariskan bahawa "seseorang benefisiari wasiat itu hendaklah seseorang yang diketahui; (a) mempunyai kelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan; (b) jika ditentukan, dia hendaklah wujud ketika wasiat dibuat dan jika tidak ditentukan, benefisiari tidak disyaratkan wujud samada ketika wasiat itu dibuat atau ketika pewasiat itu mati.

Apabila diteliti perenggan lapan DDWA di ARB termaktub terma yang menunjukkan kepada siapakah aset pusaka perlu diagihkan dan bagaimana pula bentuk pembahagiannya, kandungan perenggan tersebut adalah seperti berikut;

“Saya dengan ini mewasiatkan serta mengarahkan wasi dan pemegang amanah saya untuk membahagikan keseluruhan harta pusaka saya, sama ada harta alih mahupun harta tak alih saya di dalam apa jua bentuk dan di mana jua berada termasuk harta yang saya mungkin mempunyai kuasa pembahagian dan pelupusan secara am melalui wasiat, setelah ditolak segala pembayaran yang perlu sama ada disebutkan dengan jelas di dalam perenggan 5 dan 6 di atas ataupun tidak, kepada waris-warisan saya yang berhak mengikut hukum syarak.”

¹⁴⁹ Al-Imām Abī 'Abd Allah Muhammad Idris al-Syāfi'ī, *op. cit.* j.3, h. 96-101.

Melalui pengamatan pengkaji, perenggan di atas juga merupakan klausa yang berbentuk *wisāyah*. Ini kerana frasa “ saya mewasiatkan “ di awal perenggan berkenaan bukanlah memberi maksud wasiat sebenar menurut kaca mata Islam memandangkan pada keseluruhan fasal ini tiada signifikan yang memberi kesan pindah milik dengan kadar tidak melebihi satu pertiga kepada bukan waris sebagaimana ditentukan oleh hukum substantif. Bahkan maksud isi kandungannya merupakan pesanan dan arahan oleh pewasiat yang memberi kesan pengamanahan kepada ARB supaya membahagi-bahagikan seluruh harta tinggalannya kepada waris-warisnya mengikut hukum syarak setelah dilangsaikan segala liabilitinya. Jelas menunjukkan bahawa perenggan tersebut telah didrafkan berlandaskan Syariat yang sedia dikanunkan di dalam al-Quran melalui ayat ke 11 hingga ke 12 Surah *al-Nisā`* berhubung urus tadbir harta pusaka. Secara literalnya para waris yang dimaksudkan di dalam perenggan di atas akan mendapat kadar bahagian masing-masing berasaskan hisab faraid sebagaimana telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Secara ekplisit, pihak ARB juga hendaklah bertanggungjawab melaksanakan amanah terhadap wasiat si mati sekiranya ada berdasarkan frasa “termasuk harta yang saya mungkin mempunyai kuasa pembahagian atau pelupusan secara am melalui wasiat” dalam perenggan tersebut, pengkaji dapat memahami bahawa perkataan “*wasiat*” dalam frasa ini adalah merujuk kepada harta pusaka yang diberikan kepada bukan ahli waris tanpa melebihi kadar satu pertiga.¹⁵⁰ Ini kerana pelupusan harta sedemikian merupakan hak pewasiat selaku pemilik harta ketika wasiat dibuat dan ia amat dituntut melakukannya. Namun penditilan mengenai wasiat tersebut tidak dijelaskan melalui perenggan ini mahupun fasal-fasal yang lain dalam DDWA. Pengkaji

¹⁵⁰ Prof. Ridzuan Awang, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Syariah, ARB, temubual pada 27 April 2010.

berpendapat bahawa kewujudan wasiat ini hendaklah dipastikan kerana ia boleh menjejaskan niat suci pewasiat untuk menambah amalan. Apatah lagi sekiranya ia bertujuan untuk membantu pihak yang amat memerlukan, sudah pasti hak mereka akan ternafi disebabkan kegagalan membuktikan kewujudan wasiat bekeaan. Justeru dalam konteks kajian ini mendokumentasikan wasiat amat perlu bagi melancarkan urusan pengagihan pusaka di samping menjamin kelangsungannya.

4.6.1 Klausu Pengamanahan Bagi Urusan Harta Benefisiari Bawah Umur

Telah dinyatakan sebelum ini bahawa individu yang masih di bawah umur atau kanak-kanak tidak ditegah menjadi benefisiari sesuatu wasiat selagimana ia berpotensi dalam pemilikan aset meskipun memerlukan bantuan pihak lain. Oleh itu pewasiat disunatkan membuat pengamanahan kepada pihak yang dipercayai untuk menjadi *administrator* ke atas harta yang diwasiatkan kepada kanak-kanak. Adapun hukum sunat itu akan menjadi wajib sekiranya hak mereka yang tidak terjamin kerana dibimbangi berlaku ancaman atau wujud eksploitasi terhadap harta yang diwasiatkan. Sesungguhnya membuat pengamanahan berhubung perkara ini menjadi satu kewajipan apabila ada kemungkinan hak pewasiat dan benefisiari akan hilang.¹⁵¹ Demi memelihara hak benefisiari di bawah umur tidak musnah dan harta tersebut dapat dimanfaatkan untuk perbelanjaan sara hidupnya, maka ARB telah mendaftarkan satu klausu pengamanahan atau lafaz *wisāyah* bagi pihak pewasiat untuk perhatian wasi atau pemegang amanah di dalam perenggan 8 DDWA seperti berikut;

“Saya mengarahkan wasi dan pemegang amanah saya untuk memegang dan mengurus secara amanah segala harta yang menjadi hak kepada waris-waris saya yang masih di bawah umur, sekiranya ada, sehingga waris-waris bawah

¹⁵¹ Ibrāhīm al-Bajūrī (t.t), *Hasyiyyah al-Bajūrī*, j.2, Jeddah, h.31.

umur tersebut mencapai umur dewasa atau umur yang difikirkan layak untuk menguruskan harta tersebut”

Pendrafan fasal ini adalah selaras dengan kodifikasi peruntukan seksyen 19(1); jika apa-apa harta yang nilainya tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dipegang oleh perbadanan, sama ada menurut kuasa suatu pemberian surat kuasa mentadbir kepada perbadanan atau menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepada perbadanan oleh akta ini, dan harta itu dipegang oleh perbadanan atas amanah bagi mana-mana orang bagi apa jua pun kepentingan, sama ada terletak hak atau kontingen, maka tertakluk kepada apa-apa kepentingan atau gadaian terdahulu yang menyentuh harta itu, perbadanan boleh, mengikut budi bicaranya sendiri, semasa mana-mana orang sedemikian belum dewasa, membuat pembayaran daripada kesemua atau mana-mana bahagian pendapatan dan wang modal harta itu sebagaimana yang munasabah dalam segala hal keadaan itu bagi penyegeraan, pendidikan atau faedah orang itu.

Seksyen 19(2); jika nilai harta yang dipegang sedemikian melebihi empat puluh ribu ringgit, perbadanan boleh membuat pembayaran daripada wang modal sehingga takat dua puluh ribu ringgit.

Dapat difahami juga bahawa terma tersebut memberi kesan pengamanahan agar wasi menyerahkan harta dalam pegangannya kepada pemilik sebenar yang telah mencapai usia dewasa iaitu 18 tahun mengikut Akta Dewasa 1949. Namun frasa “umur yang difikirkan layak untuk menguruskan harta tersebut” memberi maksud bahawa ARB perlu memastikan waris-waris terlibat itu benar-benar telah berupaya menguruskan hartanya sendiri sekalipun ia sudah mencapai usia dewasa tersebut. Sesungguhnya penyerahan harta tersebut hendaklah dilakukan di hadapan saksi bagi menjamin kelangsungannya. Sebagaimana Firman Allah S.W.T;

وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ حَتَّىٰ إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ فَإِنْ ءَانَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوا إِلَيْهِمْ
 أَمْوَالَهُمْ ۖ وَلَا تَأْكُلُوهَا إِسْرَافًا وَبِدَارًا أَن يَكْبُرُوا ۚ وَمَن كَانَ غَنِيًّا فَلْيَسْتَعْفِفْ ۖ وَمَن
 كَانَ فَقِيرًا فَلْيَأْكُلْ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهِدُوا عَلَيْهِمْ ۗ وَكَفَىٰ

بِاللَّهِ حَسِيمًا ﴿٦٦﴾

Maksudnya: “dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur (dewasa). kemudian jika kamu nampak dari keadaan mereka (tanda-tanda yang menunjukkan bahawa mereka) telah cerdas dan berkebolehan menjaga hartanya, maka serahkanlah kepada mereka hartanya; dan janganlah kamu makan harta anak-anak yatim itu secara yang melampaui batas dan secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka dewasa. dan sesiapa (di antara penjaga harta anak-anak yatim itu) yang kaya maka hendaklah ia menahan diri (dari memakannya); dan sesiapa yang miskin maka bolehlah ia memakannya dengan cara yang sepatutnya. kemudian apabila kamu menyerahkan kepada mereka hartanya, maka hendaklah kamu adakan saksi-saksi (yang menyaksikan penerimaan) mereka. dan cukuplah Allah sebagai Pengawas (akan segala yang kamu lakukan).”

4.7 Klausula Penutup

Adapun DDWA ini diakhiri dengan pesanan oleh pewasiat sebagai peringatan kepada waris-warisan yang ditinggalkan iaitu, “semoga seluruh keluarga saya sentiasa mendapat rahmat Allah S.W.T setelah pemergian saya.” Kemudian pewasiat perlu menurunkan tanda tangan untuk mengesahkan bahawa ia telah bewasiat yang demikian. Bagi pewasiat yang cacat penglihatan hendaklah terlebih dahulu dibacakan agar ia dapat memahami isi kandungan dan maksud wasiat berkenaan. Setelah wasiat itu dipersetujui, maka pewasiat ini akan dikehendaki menurunkan cop jarinya sebagai tanda wasiat adalah benar. Seperti dalam kes *Katchi Fatimahlen Mohamed Ibrahim* diputuskan

bahawa memadai bagi seorang pewasiat yang jahil dengan bahasa wasiat yang dituliskan untuknya, mengetahui dan bersetuju dengan kandungan wasiat itu.¹⁵²

Tarikh dokumen ini ditandatangani hendaklah dinyatakan dalam ruang yang disediakan seperti berikut:

Dicatat padaharibulan.....2007

4.8 Redaksi Kesaksian Dokumen Wasiat di ARB

Sudah menjadi formaliti setiap dokumen rasmi pada masa kini terutamanya yang melibatkan suatu transaksi hendaklah mengandungi unsur kesaksian untuk mengesahkan kebenarannya. Malah dewasa ini, kegiatan pemalsuan termasuk dokumen mudah dilakukan melalui pelbagai kaedah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Misalnya dokumen bertulis boleh diulang salin atau ditambah ubah kandungannya dengan pengaplikasian teknologi mesin pencetak dan seumpamanya. Justeru setiap dokumen rasmi perlu mengandungi elemen pengesahan kesahihannya sekurang-kurangnya tertera tandatangan atau cop jari pihak yang menulisnya bagi mengelakkan sebarang pemalsuan. Dalam hal ini Imām Muhammad dan Imām Abū Yusuf menyatakan bahawa penulis boleh menjadi saksi ke atas tulisan sendiri.¹⁵³

Walau bagaimanapun suatu proses dokumentasi sebaiknya disaksikan oleh pihak lain demi menjamin ketulenan sesuatu dokumen itu dan kesahihannya pula lebih dominan. Sekalipun kesaksian bukanlah termasuk di dalam rukun-rukun wasiat, namun

¹⁵² *Katchi Fatimah v Mohamed Ibrahim* (1962), j.1 MLJ, h.37.

¹⁵³ Ahmad Fathi Bahnasī, (1967), *Naẓariyyah al-Ithbāt*, Qāhiraḥ: Maktabah Dār al-Wa'y al-'Arabī, h.213

kewujudan saksi-saksi ketika melakukan ibadah berkenaan merupakan satu tuntutan sebagaimana digariskan oleh Allah SWT melalui Firman-Nya;

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا شَهِدَةٌ بَيْنَكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ حِينَ الْوَصِيَّةِ اثْنَانِ
ذَوَا عَدْلٍ مِّنْكُمْ أَوْ ءَاخِرَانِ مِّنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ صَرْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَأَصْبَحْتُمْ
مُصِيبَةُ الْمَوْتِ تَحْسِبُونَهُمَا مِنْ بَعْدِ الصَّلَاةِ فَيُقْسِمَانِ بِاللَّهِ إِنْ أَرْتَبْتُمْ لَا
نَشْتَرِي بِهِ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَلَا نَكْتُمُ شَهَادَةَ اللَّهِ إِنَّا إِذًا لَّمِنَ الْآثِمِينَ



Intepretasinya ; “wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah (wasiatnya itu) disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa sakit (yang membawa) maut. Kalau kamu ragu-ragu (tentang kejujuran kedua saksi itu), (hendaklah) kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata) : “(demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat, dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa.

(Surah al-Mā`idah (5): 106)

Firman Allah S.W.T di atas telah mengariskan satu panduan agar sesuatu wasiat dibuat dihadapan saksi-saksi yang adil sebagai wasilah untuk membenarkan niat murninya itu dan memaklulkannya kepada pihak-pihak terlibat. Jumhur Ulama antaranya seperti Ali bin Abi Talhah, Ibn Abas Ibn Jarir serta Abu Ja’afar dan lain-lain menegaskan bahawa saksi-saksi tersebut hendaklah di kalangan orang-orang Islam yang berakal, *rusyid* yakni dipercayai, dan *hijan* iaitu bertanggungjawab.¹⁵⁴ Keperibadian para saksi sedemikian amat penting bagi memberi kepercayaan kepada pihak-pihak terlibat tentang kewujudan wasiat yang disaksikan demi menjamin

¹⁵⁴ Ibn Jaafar Muhammad Bin Jarir al-Tabari (310H), *op. cit*, h. 154.

kelangsungannya. Malahan pula saksi-saksi sedemikian itu berupaya menegakkan kebenaran sekiranya berlaku kekhilafan terhadap wasiat yang telah dibuat serta boleh mendamaikan pihak-pihak terlibat apabila timbul persengketaan kesan distribusi tersebut. Para saksi dilarang tegas menyampaikan informasi palsu daripada fakta sebenar wasiat yang telah selari dengan hukum Syarak seperti mana mereka saksikan. Ini kerana ia merupakan satu dosa di samping telah melakukan penganiayaan kepada pihak terlibat. Allah S.W.T berfirman ;

فَمَنْ بَدَّلَهُ بَعْدَ مَا سَمِعَهُ فَإِنَّمَا إِثْمُهُ عَلَى الَّذِينَ يُبَدِّلُونَهُ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ
 فَمَنْ خَافَ مِنْ مَوْصٍ جَنَفًا أَوْ إِثْمًا فَأَصْلَحَ بَيْنَهُمْ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ
 غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “kemudian sesiapa yang mengubah mana-mana wasiat sesudah ia mendengarnya, maka sesungguhnya dosanya hanya ditanggung oleh orang-orang yang mengubahnya, sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

“tetapi sesiapa yang mengetahui bahawa orang yang berwasiat itu tidak adil atau melakukan dosa dalam wasiatnya, lalu ia mendamaikan antara mereka (waris-waris) dengan membetulkan wasiat itu menurut aturan agama, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Surah al-Baqarah (2): 181 – 182

Sesungguhnya tanggungjawab menegakkan kebenaran dan mendamaikan pihak-pihak yang terlibat dengan perihal tersebut bukanlah mudah kerana ia melibatkan isu kehartaan dan hak pemilikan seseorang individu. Oleh sebab itu Prof. Hamka telah menyatakan bahawa amanah yang dipikul oleh para saksi merupakan sebahagian daripada *amar ma'ruf nahy munkar* kerana tindakan mereka itu bertujuan untuk membina keharmonian dan menghapuskan kebatilan daripada persengketaan yang kebiasaannya berlaku di kalangan para waris. Ironinya mereka yang dilantik menjadi

saksi bagi sesuatu wasiat perlulah mengetahui serta memahami perkara-perkara yang diwasiatkan supaya amanah yang diberikan dapat diimplitasikan dengan sempurna. Lantaran itu terdapat sebahagian Ulama Fiqh antaranya Hasan Basri berpendapat bahawa para saksi sebaiknya mengetahui isi kandungan dokumen wasiat yang disaksikan.¹⁵⁵

Menyentuh perkara ini para pewasiat dikehendaki menyertakan keterangan saksi-saksi bagi menjadikan dokumen wasiatnya komplit dan diterima pakai di sisi undang-undang. Setiap saksi perlu menyatakan butiran peribadinya dengan melengkapkan ruangan “keterangan mengenai saksi” di dalam Borang PPPW yang disediakan oleh pihak ARB. Pada tahun 2000, dua orang saksi lelaki diperlukan kerana hanya terdapat dua ruangan telah disediakan untuk saksi-saksi melengkapkannya dalam Borang PPPW yang diguna pakai ketika itu. Ia sejajar dengan makna literal ayat ke 106 daripada Surah al-Maidah yang antara maksudnya adalah: “...hendaklah (wasiatnya itu) disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu,...”. Dalam perihal kesaksian di sisi Syarak ini Allah juga ada berfirman:

... وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ
 مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى
 وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ...

Maksudnya: “... dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan

¹⁵⁵ Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-Asqalanī, (2000), *Fath al-Bārī Syarh Şahīh Fath al- Bārī*, j. 13, Riyad’: Dār al-Salām, h. 143.

yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil (menjadi saksi)...”

(al-Baqarah (2) : 282)

Meneliti Firman Allah di atas, suatu pengkemaskinian telah dibuat pada tahun 2005 dengan membuat pindaan terhadap redaksi kesaksian bagi wasiat Islam di ARB. Para pewasiat diberi kelonggaran untuk mendapatkan samada dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita ataupun kesemua saksi adalah wanita. Para saksi pula mestilah terdiri daripada bukan ahli waris bagi pewasiat. Mana-mana pegawai ARB boleh menjadi saksi bagi pewasiat yang tidak dapat mengemukakan saksi sendiri. Pengkaji berpendapat kesaksian oleh para pegawai ARB adalah lebih baik memandangkan mereka mempunyai kemampuan untuk memahami sesuatu wasiat yang dibuat. Perkara ini telah ditegaskan oleh Ulamak Mazhab Syafiiyyah yang menuntut agar dokumen wasiat dibaca dan difahami kandungannya terlebih dahulu oleh para saksi sebelum mereka menurunkan tandatangan untuk mengesahkannya.¹⁵⁶ Pandangan ini disokong oleh sebahagian Ulamak Mazhab Hanbali. Imam Abu Hanifah juga bersetuju dengan pendapat tersebut, namun Imam Abu Yusuf pula tidak mensyaratkan saksi mengetahui kandungan dokumen yang disaksikan dengan berlandaskan prinsip *istihsan*.¹⁵⁷

Kesimpulan

Secara ringkasnya, DDWA yang diguna pakai oleh ARB merupakan satu dokumen *wiṣāyah* menurut perspektif Undang-undang Islam. Ini disebabkan isi kandungannya telah sempurna dengan rukun-rukun *wiṣāyah* mengikut pandangan Imam

¹⁵⁶ 'Abd al-Wahbah al-Sya'ranī (t.t), *op.cit.*,h. 107; Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad Ibn Qudāmah (1981), *al-Mughnī*, Riyad': Maktabah al-Riyād' al-Hadīth, j.9. 136-137

¹⁵⁷ Syams al-Dīn al-Syarakhsī (t.t), *op.cit.*, j. 16, h.173

Syafi'i. Dapat dirumuskan bahawa pewasiat adalah *mūṣī*, Perbadanan ARB dirujuk sebagai *wasi*, manakala kehendak pewasiat yang dirakam melalui perenggan 5 hingga 9 pula merupakan *muṣi fih* perkara yang diamanahkan. Adapun frasa “saya mengarahkan” yang terdapat pada permulaan setiap perenggan berkenaan adalah *sighah* yakni lafaz *wisāyah* yang *ṣāriḥ* kerana objektif pengamanahan amat jelas. Realitinya amalan membuat wisayah ini telah menjadi tradisi para sahabat Rasulullah s.a.w yang akan bermusafir, khususnya ketika hendak berjihad di medan perang. Hal ini telah diceritakan oleh Sufyan bin ‘Umayyah daripada Hisham bin ‘Urwah bahawa terdapat tujuh orang di kalangan sahabat Rasulullah s.a.w antaranya *Sayyidinā* ‘Uthman bin ‘Affan, al-Miqdād dan ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf telah membuat *wisāyah* dengan melantik Zubair Ibn al-’Awwam untuk melindungi dan menjaga makan minum ahli keluarga serta memelihara harta-benda yang ditinggalkan. Signifikannya membuat *wisāyah* menjadi satu kewajipan bagi memastikan sebarang liabiliti terutamanya hutang-piutang yang melibatkan hak pihak lain dapat terlangasai lebih-lebih lagi apabila pergi untuk selama-lamanya.

BAB 5: KAJIAN KESELARASAN DRAF DOKUMEN WASIAT KOMPREHENSIF (DDWK) DI ARB DENGAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Pendahuluan

Sudah dinyatakan bahawa terdapat dua bentuk draf dokumen wasiat Islam di ARB iaitu DDWA dan DDWK. Analisis keselarasan DDWA dengan Undang-undang Islam telah dikupas dalam Bab 4 sebelum ini. Selanjutnya bab ini akan meneliti pula isi kandungan DDWK bagi menentukan keselarasannya dengan Undang-undang Islam. Memandangkan DDWK adalah draf yang lengkap intipatinya, maka analisis fasal ini lebih terfokus kepada persoalan tentang benefisiari dan harta yang diwasiatkan sepertimana termaktub dalam draf berkenaan. Lantaran itu kajian ini akan menjelaskan apakah pendekatan ARB dalam perkara berkait dengan prinsip Undang-undang Islam iaitu wasiat hendaklah diberikan kepada bukan waris dan kadar harta yang terlibat pula tidak melebihi satu pertiga daripada pusaka? Apakah pula pendekatan ARB terhadap isu berbangkit tentang keizinan ahli waris bagi membolehkan perlaksanaan wasiat kepada benefisiari yang telah mewarisi pusaka melalui faraid dan perihal berwasiat dengan harta yang melebihi takat satu pertiga? Selain itu analisis secara induktif turut mengupas redaksi DDWK berhubung pembatalan wasiat serta perihal *residue* yang juga menjadi persoalan dalam hak berwasiat.

5.1 Intipati DDWK di ARB

Walaupun setiap DDWA dan DDWK mempunyai pendekatan aplikasi yang berbeza, namun terdapat terma-terma yang digunakan bagi perenggan-perenggan tertentu di dalam kedua-dua redaksi draf tersebut adalah sama. Ini menjadikan terma-terma yang

didrafkan di dalam DDWK ini juga merupakan klausa intraktif iaitu kata-kata daripada pewasiat kepada orang yang masih hidup di waktu kematiannya sepertimana pendrafan DDWA. Adapun klausa pendahuluan dan pernyataan oleh pewasiat serta terma pelantikan ARB sebagai wasi dan pemegang amanah yang termaktub di dalam DDWK ini tidak diubah dengan apa yang didrafkan di dalam DDWA. Di samping itu wujud juga persamaan terma di dalam kedua-dua draf berkenaan berhubung klausa tentang arahan-arahan pewasiat terhadap harta tinggalan. Namun terma agihan aset kepada benefisiari dalam DDWK ini pula berbeza dengan apa yang didraf dalam DDWA. Terma tentang perkara ini di dalam DDWK akan dilengkapi dengan butiran peribadi benefisiari berserta hubungannya dengan pewasiat. Kadangkala benefisiari yang disenaraikan dalam draf ini terdiri daripada ahli waris dan kadangkala selainnya. Malah kadar bahagian bagi setiap benefisiari yang disenaraikan itu turut dinyatakan dalam perenggan berkenaan. Selain itu diwujudkan juga klausa berkaitan urusan harta bagi benefisiari bawah umur seperti didrafkan di dalam DDWA. Turut didrafkan terma pembatalan wasiat dan diikuti dengan klausa berhubung *residue* bagi menyempurnakan pengurusan harta tinggalan secara holistik. Maklumat keterangan para saksi bagi wasiat berkenaan juga didrafkan pada akhirnya seperti di dalam DDWA. Lantaran itu segala perkara-perkara ini akan dihurai lebih terperinci dalam kupasan selanjutnya.

5.2 Terma Agihan Aset Kepada Benefisiari di dalam DDWK

Adapun terma yang menjelaskan tentang bentuk agihan aset kepada benefisiari dalam DDWK direkodkan melalui perenggan ke 7 draf tersebut. Kandungan fasal ini lebih komprehensif dengan adanya pendetilan mengenai dua subjek daripada rukun-rukun wasiat iaitu perihal tentang identiti benefisiari-benefisiari dan juga aset yang bakal

mereka terima secara spesifik. Perincian mengenai kedua-dua perkara tersebut dapat diperhatikan melalui huraian selanjutnya;

a) Dokumentasi Data Peribadi Benefisiari

Proses pendrafan fasal 7, DDWK ini akan dibuat dengan berasaskan data-data mengenai perkara-perkara tersebut di dalam Borang PPPW yang telah dilengkapkan oleh pewasiat. Dalam borang berkenaan telah tersedia ruangan untuk pewasiat menjelaskan butiran maklumat mengenai benefisiari-benefisiari seperti dikehendaki bagi memudahkan pihak ARB mengenal pasti identiti pihak yang akan mendapat bahagian daripada harta tinggalannya. Apabila diteliti, didapati pengemaskinian telah dilakukan oleh pihak ARB terhadap Borang PPPW yang diguna pakai kini kerana terdapat beberapa pindaan telah dibuat daripada borang terdahulu. Pindaan-pindaan berkenaan dapat diperhatikan melalui jadual-jadual di bawah :

Jadual 5.1: Keterangan mengenai penerima (*particulars of beneficiaries*) pada tahun 2000.

Bil. <i>No.</i>	Nama <i>Name</i>	Umur <i>Age</i>	No. K.P.T. / K.P. <i>N.R.I.C No.</i>	Alamat <i>Address</i>

Sumber: Borang PPPW, D1 1/2005 (P/07/05), ARB

Jadual 5.2: Keterangan mengenai waris (*particulars of beneficiaries*) pada tahun 2005.

PENERIMA 1

Nama <i>Name</i>			
Hubungan <i>Relationship</i>		No. K.P / K.P.T <i>NRIC No.</i>	
Alamat / Tel. / Faks <i>Address / Tel. / Fax</i>			

Sumber: Borang PPPW, D1 1/2005 (P/07/05), ARB

Apa yang jelas pindaan telah dibuat ke atas frasa “KETERANGAN MENGENAI PENERIMA” dipinda kepada “KETERANGAN MENGENAI WARIS” di ruangan yang disediakan untuk pewasiat menyatakan pihak-pihak yang akan menerima agihan. Namun frasa dalam Bahasa Inggeris pula masih dikekalkan dengan “*particulars of beneficiary*”. Dalam hal ini pengkaji mendapati kedua-dua frasa berkenaan memberi maksud tertentu apabila dikaitkan dengan konsep *musi lahu* iaitu penerima wasiat yang disebut juga sebagai benefisiari. Merujuk kepada fasal tafsiran Seksyen 2(2) EWS 1999 yang menjadi panduan dan terpakai di ARB istilah “benefisiari” diinterpretasikan sebagai orang atau kumpulan orang sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan yang menerima faedah daripada sesuatu wasiat dan, berhubungan dengan hasil daripada sesuatu wasiat, termasuklah suatu tujuan agama atau kebajikan yang tidak bertentangan dengan Hukum Syarak. Sementara itu

Enakmen ini pula mentafsirkan “waris” sebagai seseorang yang mempunyai hak mewarisi harta pusaka menurut hukum syarak.

Secara umumnya pewasiat bebas menyenaraikan nama sesiapa sahaja sebagai benefisiari sama ada di kalangan ahli waris atau selainnya. Apatah lagi setelah pindaan kepada frasa “kenyataan mengenai waris“ menyebabkan pewasiat lebih terdorong untuk menamakan benefisiari di kalangan orang-orang terdekat termasuk suami, isteri, bapa, ibu, anak-anak dan sebagainya kerana pada lumrahnya golongan seperti mereka itulah dianggap waris-waris yang paling berhak mewarisi harta tinggalannya. Persoalannya adakah golongan waris yang telah ditentukan bahagiannya masih boleh menjadi benefisiari bagi sesuatu wasiat menurut perspektif Undang-undang Islam? Justeru itu pindaan tersebut secara signifikan mempengaruhi proses pendrafan dokumen wasiat orang-orang Islam di ARB kerana pengkaji mendapati penambahsuaian frasa berkenaan memberi implikasi tertentu dari sudut teori dan praktikal apabila dikaitkan dengan perihal wasiat di sisi syarak.

Ini kerana pada dasarnya Undang-undang Islam melarang wasiat diberikan kepada ahli waris yang telah memperolehi hak perwarisan seperti mana ditentukan secara spesifik di dalam al-Quran. Malah Rasulullah s.a.w. turut memperingatkan kepada umatnya tentang perkara ini melalui sabdanya :

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَهَّابِ بْنُ نَجْدَةَ حَدَّثَنَا ابْنُ عِيَّاشٍ عَنْ شُرْحَبِيلَ بْنِ مُسْلِمٍ سَمِعْتُ أَبَا
أُمَامَةَ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ ”إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ
ذِي حَقٍّ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لِرِثٍ“

Maksudnya: Telah menceritakan daripada Wahhab bin Najdah, daripada ‘Ayyāsy bin Syarahbīl bin Muslim, aku telah mendengar, Abū Umāmah berkata: Bahawa saya telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda ; “ Sesungguhnya

Allah telah berikan bahagian kepada setiap orang yang berhak. Maka tiada wasiat untuk waris.”¹⁵⁸

Melalui hadis yang lain daripada A'mru bin Kharijah r.a. meriwayatkan;

أَخْبَرَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ مَسْعُودٍ قَالَ: حَدَّثَنَا خَالِدٌ قَالَ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ: حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ شَهْرِ بْنِ حَوْشَبٍ: أَنَّ ابْنَ غَنَمٍ ذَكَرَ أَنَّ ابْنَ خَارِجَةَ ذَكَرَ لَهُ: أَنَّهُ شَهِدَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ النَّاسَ عَلَى رَاحِلَتِهِ وَإِنَّهَا لَتَقْضَعُ بِجَرَّتِهَا وَإِنَّ لِعَابِهَا لَيَسِيلُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي خُطْبَتِهِ: إِنَّ اللَّهَ قَدْ قَسَمَ لِكُلِّ إِنْسَانٍ قِسْمَةً مِنَ الْمِيرَاثِ فَلَا تَجُوزُ لَوَارِثٍ وَصِيَّةٌ.

Maksudnya: “Telah diceritakan oleh Ismail ibn Masu’d katanya: telah memberitahu Khalid katanya: Telah memberitahu Qatadah katanya dari Syahir bin Hausyab: Sesungguhnya Ibn Ghanam telah menyebut bahawa Ibn Kharijah telah menyebutkan kepadanya: Sesungguhnya dia telah melihat Rasulullah s.a.w sedang berbicara dengan sekumpulan manusia di dalam rombongannya dan sesungguhnya untanya sedang mengunyah jirrahnya dan mengalirlah air liurnya, Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya Allah telah memberikan bahagian bagi setiap manusia sebahagian daripada harta pusaka dan tidak harus bagi waris untuk mendapat bahagiannya dari wasiat”¹⁵⁹.

Ini bermakna secara teoritikalnya wasiat Islam hanya dikuatkuasakan ke atas mana-mana pihak yang tidak dianggap sebagai waris. Malah persoalan mengenai ahli waris yang ditegah menerima wasiat itu pula telah dibincangkan oleh para ulama untuk menjelaskan implikasi pemansuhan hukum bagi ayat ke 180, *Surah al-Baqarah* di samping menjelaskan interpretasi kalimah *al-wasiyyah* yang terdapat pada setiap ayat-ayat pusaka iaitu ayat ke 11-12 daripada *Surah al-Nisa*. Dengan merujuk hadis-hadis di atas, kebanyakan ulama antaranya para ulama Syafi’iyyah seperti Sa’id ibn Musayyab, al-Hasan al-Basri, Ibn Mas’ud, Tawus dan juga Imam Ahmad Ibn Hanbal menyatakan

¹⁵⁸ Abū‘Isa Muhammad bin Sūrah al-Tirmidhi, *op.cit*, Abwab al-Wasaya, Bab ma Jaa ala Wasiyyah li Warith, no. hadith 2120 ; Abi Dawud Sulaymān bin al-Asy’ath bin Ishaq al-Azdi al-Sajistānī, *op.cit*, no. hadith 2870, h. 1437.

¹⁵⁹ Abi ‘Abd Rahman Ahmād bin Syu’ayb bin ‘Alī al-Nasa’ī, *op.cit.*, *Kitab al-Wasaya Bab Ibtal al-Wasiyyah li al-Warith*, no. Hadis, 3672, h. 2329.

bahawa sesiapa yang tiada hak atau terhijab daripada mendapat bahagian daripada pusaka dikategorikan sebagai bukan waris dan mereka layak menerima wasiat. Pendapat yang sedemikian dipersetujui oleh Abu Muhammad ‘Ali ibn Hazm al-Zahiri, Dawud bin ‘Ali al-Zahiri, al-Tabari, Ishaq Ibn Rahawiyah, Abu Muslim al-Asfahani, Masruq, Qatadah dan termasuk juga Ibn Jurajj.

Merujuk data-data mengenai benefisiari yang diperlukan oleh pihak ARB, dapat diperhatikan bahawa satu pindaan turut dibuat di bawah butiran tentang identiti penerima iaitu item “umur” dalam borang PPPW 2000 telah dimansuhkan dan dimasukkan pula item “hubungan” bagi borang berkenaan pada tahun 2005 dan masih terpakai sehingga kini. Pemansuhan item “umur” itu adalah relevan dan tidak menimbulkan kesulitan dalam proses penentuan benefisiari kerana wasiat boleh diberikan kepada sesiapa sahaja tanpa mengira umur atau usia. Malah para ulama daripada Mazhab Syafi’yyah, Hanafiyah, Malikiyah dan Hanbaliyah bersepakat bahawa wasiat juga boleh diberikan kepada benefisiari yang bakal wujud atau masih belum dilahirkan.¹⁶⁰ Manakala pindaan butiran “hubungan” pula dapat menjelaskan tentang pertalian di antara penerima dengan pewasiat kerana melalui data tersebut status seseorang itu dapat ditentukan samada ia adalah waris bagi pewasiat atau bukan waris. Namun, persoalan adakah benefisiari adalah waris ataupun sebaliknya hendaklah ditentukan apabila wasiat boleh dikuatkuasakan iaitu selepas kematian pewasiat.¹⁶¹

Justeru pengkaji membuat justifikasi bahawa wasiat boleh dibuat kepada waris kerana hubungan tersebut boleh berubah menjadi sebaliknya (bukan waris) pada masa wasiat berkuatkuasa disebabkan faktor *mahjub* (dihalang oleh waris yang lebih hampir dengan si mati dalam perwarisan). Misalnya seseorang berwasiat kepada adik-

¹⁶⁰ Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), *op.cit.*, j. 3, h. 40; Imam Malik bin Anas (t.t), *op.cit.*, h. 117.

¹⁶¹ Prof Muhammad Ridzuan Awang, *op.cit.*

beradiknya sedangkan mereka itu adalah warisnya kerana dia tiada anak lelaki semasa wasiat dibuat. Namun ketika kematiannya dia telah meninggalkan anak lelaki yang berhak mendapat keseluruhan pusaka dan secara langsung menghalang adik-beradiknya daripada memperoleh bahagian. Oleh itu wasiat kepada adik-beradik itu adalah sah sekiranya tidak dimansuhkan sehingga akhir hayatnya. Selain itu faktor kesamaran atau ketidak pastian samada waris itu boleh mendapat bahagian atau sebaliknya juga menjadi sebab keharusan berwasiat kepada waris terutamanya mereka yang dikategorikan sebagai golongan '*asabah*'. Ini kerana hak golongan tersebut adalah baki pusaka. Maka wasiat yang dibuat ke atas waris '*asabah*' itu boleh diimplementasikan sekiranya mereka tiada bahagian disebabkan pusaka tidak berbaki atau pada kata lain telah habis diagihkan kepada '*ashab al-furud*'. Faktor pembubaran perkahwinan juga boleh mengubah status seseorang itu daripada asalnya adalah waris, tetapi menjadi bukan waris semasa distribusi pusaka dijalankan.

b) Dokumentasi Butiran Maklumat Berkaitan Harta yang Diwasiatkan

Sementara itu persoalan berkaitan benda yang diwasiatkan turut direkodkan dalam Perenggan ke 7 DDWK ini bagi menjelaskan bentuk dan kuantiti barang yang bakal diberikan kepada benefisiari. Di sisi Undang-undang Islam barang yang diwasiatkan ini disebut sebagai *musa bih* dan ia juga merupakan satu lagi perkara daripada rukun-rukun wasiat menurut pandangan *Mazhab Syafi'iyah*.¹⁶² Menurut pendapat Fuqaha *Mazhab Syafi'iyah* yang paling sahih mensyaratkan bahawa aset berkenaan boleh dipindah milik apabila berlaku akad transaksi. Di samping itu ia juga hendaklah mempunyai faedah tertentu yang tidak kontradiksi dengan syariat Islam sekalipun *musa bih* tersebut

¹⁶²Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), *Ibid*, h.41.

adalah najis asalkan ada manfaatnya.¹⁶³ Peraturan tersebut adalah sejajar dengan syarat yang digariskan oleh para Fuqaha Mazhab Maliki dan dipersetujui juga oleh ulama bermazhab Hanbali.¹⁶⁴ Seperti bentuk pemberian lain misalnya hibah, wakaf mahupun sedekah, barang yang diwasiatkan itu mestilah sesuatu yang berfaedah dan boleh dipindah milik agar dapat dimanfaatkan oleh benefisiari. Jika diperhatikan perintah mengeluarkan zakat ke atas harta juga melibatkan material yang jelas mempunyai faedah serta memberi manfaat kepada golongan asnaf meliputi barang perhiasan, binatang ternakan, harta karun, tanaman dan buah-buahan. Sebagaimana Firman Allah S.W.T. :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik...

(Al-Baqarah (2) : 267)

Para ulama Ahli Fiqah di kalangan Mazhab Syafi'iyah tidak mensyaratkan bahawa *musa bih* tersebut perlu wujud ketika wasiat dibuat.¹⁶⁵ Ini bermakna sah mewasiatkan keuntungan hasil daripada perniagaan atau pelaburan dan seumpamanya. Pendapat sedemikian disokong oleh ahli Fiqah bermazhab Hanbali, namun Ulama Mazhab Maliki menentukan bahawa *musa bih* yang telah ditentukan perlu ada ketika wasiat dibuat, tetapi ia pula tidaklah disyaratkan mesti wujud seandainya *musa bih* bagi wasiat itu tiada dinyatakan secara spesifik.¹⁶⁶ Sementara itu para Fuqaha Mazhab Hanbali turut mensyaratkan *musa bih* hendaklah merupakan aset yang benar-benar

¹⁶³ Ahmad al-Hasari (1996), *op.cit*, h. 667; Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), *Ibid*, h. 45.

¹⁶⁴ Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), *Ibid*, h. 678, Muhammad Bin 'Ali Bin Muhammad al-Syaukani, (1255H), *op.cit*, h. 37-3

¹⁶⁵ Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958), *Ibid*.

¹⁶⁶ Malik bin Anas (t.t), *op.cit*, h. 117.

dimiliki oleh pewasiat.¹⁶⁷ Dalam konteks kajian ini para pewasiat dikehendaki membuat deklarasi terhadap harta yang bakal diwasiatkan supaya pihak ARB dapat menentukan status pemilikan aset berkenaan. sehubungan itu butiran maklumat berkaitan dengan aset-aset yang dimiliki sama ada harta alih atau tak alih dapat diketahui berpandukan data-data yang telah dikemukakan oleh pewasiat dalam Borang PPPW di ruangan keterangan mengenai harta pewasiat sebagaimana berikut:

KETERANGAN MENGENAI HARTA PEWASIASAT / PARTICULARS OF TESTATOR'S ASSETS seperti berikut;

4.1 Harta Tak Alih (contoh: Tanah / Rumah) / *Immovable Assets (e.g. : Land / House)*

Jadual 5.3 : Keterangan mengenai Harta Pewasiat.

Bil. <i>No.</i>	Jenis Harta dan No. Hakmilik <i>Type and Title No.</i>	No. Lot <i>Lot No.</i>	Mukim <i>Area</i>	Daerah <i>District</i>	Bahagian <i>Share</i>

Sumber: Borang PPPW, D1 1/2005 (P/07/05), ARB

Adapun butiran-butiran yang diperlukan seperti di atas masih digunakan pakai sehingga kini walaupun terdapat beberapa perkara di dalam Borang PPPW telah dipinda pada 2005. Manakala berikut ini pula merupakan item-item yang perlu dijelaskan oleh pewasiat mengenai Harta Alih (contoh : Tunai / Akaun Bank / Saham) / *Moveable Asset (e.g.: Cash/ Bank Account / Share)* bagi Borang PPPW pada tahun 2000;

¹⁶⁷ Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhamad (Ibn Qudamah) (t.t), *op.cit*, h. 94.

Jadual 5.4 : Keterangan Mengenai Harta Alih

Bil.	Jenis Harta	No. Akaun / Ahli / dll
<i>No.</i>	<i>Asset Type</i>	<i>Account / Membership No. / etc</i>

Sumber: Borang PPPW, D1.1/2000, ARB

Walau bagaimanapun pada tahun 2005 ruangan di atas telah dikemas kini oleh pihak ARB dengan membuat editasi terhadap item-item mengenai “penerima” dan “bahagian” sebagaimana berikut;

4.2 HARTA ALIH (contoh: Tunai/ Akaun Bank/ Saham) / *MOVEABLE ASSETS* (e.g. : *Cash/ Bank Account/ Share*)

Jadual 5.5 : Keterangan Mengenai Harta Alih, 2005

Bil.	Jenis Harta	No. Akaun/ Ahli/ dll	Penerima	Bahagian
<i>No.</i>	<i>Asset Type</i>	<i>Account/ Membership No./ etc</i>	<i>Beneficiary (ies)</i>	<i>Share</i>

Sumber: Borang PPP, D1 1/2005 (P/07/05), ARB

Namun pengkaji dimaklumkan bahawa item “bahagian yang tertera di bawah butiran mengenai keterangan harta tak alih bukan disediakan untuk pewasiat menyatakan kadar harta yang akan diserahkan kepada benefisiari, tetapi sebenarnya ruangan bagi pewasiat menyatakan berapa banyak bahagian yang dimilikinya daripada aset berkenaan.¹⁶⁸ Berbeza dengan item “bahagian” yang terkandung di bawah butiran tentang aset alih, ia dapat difahami bahawa pewasiat perlu menyatakan jumlah atau

¹⁶⁸ Encik Suhaimi bin Abd. Wahab, *op.cit.*

nilai harta yang hendak diserahkan kepada penerima. Walau bagaimanapun pewasiat tidaklah terikat dengan ruangan yang disediakan berkenaan bagi menerangkan hajatnya. Penjelasan yang lebih terperinci boleh dikemukakan melalui ruangan “Arahan Pewasiat” yang turut disediakan dalam Borang PPPW.¹⁶⁹

Pengkaji berpendapat deklarasi yang lengkap mengenai benefisiari dan nilai harta yang diwasiatkan sama ada aset alih mahupun tak alih amat perlu kerana Undang-undang Wasiat Islam mempunyai garis panduan tertentu yang mesti dipatuhi berhubung kedua-dua perkara tersebut. Peraturan yang dimaksudkan itu adalah limitasi wasiat Islam tidak melebihi satu pertiga dan ia tidak pula boleh berwasiat kepada ahli waris. Pengisytiharan sedemikian penting kerana ia dapat memastikan wasiat Islam diimplimentasikan selaras dengan hukum substantif. Telah dimaklumkan sebelum ini bahawa status benefisiari boleh berubah menjadi waris atau sebaliknya dalam tempoh wasiat belum berkuatkuasa. Maka transisi status tersebut pula akan memberi implikasi terhadap kadar bahagian yang sepatutnya diwarisi olehnya ketika kematian pewasiat. Sebagai contoh, seorang Muslim telah mewasiatkan hartanya kepada bapanya yang bukan Islam dengan kadar kurang daripada satu pertiga. Tetapi ketika kematiannya bapa berkenaan telah menjadi Muslim dan pada waktu itu bapa tersebut adalah pewaris bagi harta berkenaan. Sedangkan pembatalan terhadap wasiat itu tidak berlaku. Malah bahagian untuknya yang ditentukan melalui wasiat adalah lebih besar daripada faraidnya. Contoh lain juga dapat dilihat apabila seseorang berwasiat kepada rakannya kemudian dia telah mengahwininya dan tidak menarik balik wasiatnya sehingga meninggal dunia. Adakah pasangan yang ditinggalkan itu berhak menerima baahgiannya daripada kedua-dua posisi iaitu wasiat dan faraid? Justeru, penjelasan tentang identiti benefisiari dan kadar bahagiannya amat penting ketika membuat wasiat

¹⁶⁹ Encik Junaidi bin Abd. Rahman, *op.cit.*

supaya justifikasi sewajarnya dapat dibuat apabila timbul sebarang masalah atau kekeliruan. Penyelesaiannya pula dapat dilakukan tanpa membelakangkan undang-undang yang telah berkuatkuasa.

Seterusnya, koleksi data-data tentang kehendak pewasiat berhubung penentuan benefisiari dan aset-aset tinggalannya yang telah diperolehi itu pula akan didokumenkan dalam perenggan 7, DDWK di bawah klausa;

“Tertakluk kepada Perenggan 5 dan 6, saya mahukan harta tak alih dan harta alih yang disenaraikan di dalam wasiat ini, dibahagikan seperti berikut:

Harta Tak Alih

- I. Hartanah yang dipegang di bawah hak milik H.M (M) xxxx, No. P.T xxxxx, Mukim xxxxx, Daerah xxxxx, Negeri xxxxx dan
- II. Hartanah yang dipegang di bawah hak milik H.S xxxx, No. Lot xxxx, Mukim xxxx, Daerah xxxx, Negeri xxxx dibahagikan seperti berikut :
 - a) xx bahagian dibahagikan kepada anak lelaki saya yang bernama xxxxx (No. K/P : xxxxxx-xx-xxxx);
 - b) xx bahagian dibahagikan kepada anak lelaki saya yang bernama xxxxx (No. K/P : xxxxxx-xx-xxxx) dan
 - c) xx bahagian dibahagikan kepada anak perempuan saya yang bernama xxxxx (No. K/P : xxxxxx-xx-xxxx).

Harta Alih

- I. Pencen dan Gratuti, No. Siri xxxxx, No. Akaun xxxxxx dibahagikan kepada anak perempuan saya yang bernama xxxxxx (No. K/P : xxxxx-xx-xxxx) semua bahagian.
- II. Kereta Proton Iswara 1.3S, No. Pendaftaran xxxxxxxx;
- III. Akaun Simpanan Maybank, No. Akaun xxxxxx;
- IV. Akaun Simpanan Bumiputra Commerce, No. Akaun xxxxxx;
- V. Skim Amanah Saham Bumiputra, No. Ahli xxxxxx dan
- VI. Akaun Simpanan Tabung Haji, No. Akaun xxxxxx dibahagikan seperti berikut :
 - a) xx bahagian dibahagikan kepada anak lelaki saya yang bernama xxxxxx (No. K/P: xxxxxx-xx-xxxx);
 - b) xx bahagian dibahagikan kepada anak lelaki saya yang bernama xxxxxx (No. K/P :xxxxxx-xx-xxxx) dan
 - c) xx bahagian dibahagikan kepada anak perempuan saya yang bernama xxxxxx (No. K/P : xxxxxx-xx-xxxx).”

Adapun distribusi di atas merupakan contoh yang diberikan oleh pihak ARB bagi menggambarkan isi kandungan perenggan 7, DDWK tentang pembahagian aset pusaka berwasiat. (Rujuk Lampiran V, perenggan 7). Sesungguhnya aspek pembahagian harta dalam fasal ini didrafkan benar-benar mengikut apa jua kehendak dan arahan pewasiat dengan menggunakan terma-terma yang mudah difahami dan bersesuaian di sisi undang-undang. Berdasarkan contoh tersebut jelas membuktikan bahawa ARB membenarkan seseorang pewasiat Muslim membuat wasiat untuk ahli waris termasuk waris-waris yang telah dikategorikan sebagai *ashab al-furud*. Sekalipun pewasiat mahukan pembahagian pusakanya dibahagikan secara sama rata kepada para warisnya sama ada lelaki atau perempuan, atau memberikan kepada anak perempuan bahagian yang lebih besar daripada anak lelakinya atas alasan tertentu, kehendak sedemikian turut dibenarkan dan kemudian didrafkan di dalam DDWK.¹⁷⁰ Justeru pengkaji mendapati pendekatan oleh pihak ARB yang memberi kebebasan untuk membuat wasiat kepada sesiapa sahaja termasuk ahli waris adalah berlandaskan peruntukan undang-undang sebagaimana termaktub di dalam EWS 1999 kerana statut tersebut telah membenarkan wasiat diberikan kepada ahli waris. Perkara ini dapat dibuktikan berlandaskan peruntukan di dalam Seksyen 11(2), tertakluk kepada subseksyen 26(2), seseorang boleh menentukan bahagian masing-masing warisnya dari harta pusaka dan, jika salah seorang dari waris itu ditentukan bahagiannya dengan melebihi kadar yang ia berhak, harta yang lebih itu hendaklah dianggap sebagai wasiat’.

Jika diamati, aplikasi peruntukan tersebut memberi implikasi terhadap kadar bahagian yang diterima oleh waris. Sebagai contoh apabila si mati telah berwasiat supaya pusakanya diagihkan sama-rata kepada dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuannya, maka setiap seorang anak lelaki itu mendapat bahagian yang lebih

¹⁷⁰ Encik Othman bin Haji Hamid , *op.cit.*

kecil daripada kadar sepatutnya diterima mengikut faraid, sedangkan waris-waris perempuannya pula memperoleh dengan jumlah yang lebih banyak daripada nilai faraidnya. Menurut pendapat para Sarjana-sarjana Islam, penguatkuasaan peruntukan di atas ini dilihat sebagai satu transformasi undang-undang berhubung isu perwasiat kepada ahli waris yang telah diamalkan sejak kira-kira enam dekad lalu di Negara-negara Timur Tengah seperti Sudan 1945, Mesir 1946, Syria 1953, Iraq 1959 dan Ameriah Arab Bersatu 1987.¹⁷¹ di samping itu pendekatan yang diambil oleh ARB memberi kebenaran membuat wasiat kepada ahli waris adalah disebabkan masyarakat dewasa ini lebih cenderung menentukan pembahagian harta pusaka kepada waris-waris yang bakal ditinggalkan dengan harapan tidak berlaku pertikaian selepas kematiannya.¹⁷²

5.3 Klausu Berhubung Perihal Keizinan Ahli Waris

Perlu ditegaskan kembali bahawa terdapat dua perkara larangan Syarak dalam perihal wasiat iaitu pemberiannya bukan kepada ahli waris pusaka dan limitasinya pula tidak melebihi had satu pertiga daripada harta tinggalan. Para Fuqaha telah sepakat bahawa faktor keizinan oleh ahli waris terlibat merupakan asas utama bagi mengecualikan implimentasi wasiat kepada ahli waris dan juga pemberian yang melebihi takat sepertiga pusaka. Namun persetujuan yang diperoleh sebelum pewasiat meninggal dunia tidak memberi sebarang implikasi, bahkan keizinan tersebut pula hendaklah diperoleh apabila wasiat berkuatkuasa iaitu setelah kematian pewasiat kerana pada ketika itu hak pemilikan harta tinggalan secara amnya telah berpindah kepada para waris.

¹⁷¹ Jasni Sulong (2005), *op.cit.*, h.47-64

¹⁷² Prof Muhammad Ridzuan bin Awang, *op.cit.*

i. Wasiat Kepada Ahli Waris

Beberapa orang Ulama fikah seperti al-Muzani, al-Zahiri dan al-Subki tetap berpendapat bahawa tiada wasiat kepada ahli waris yang telah memperolehi haknya melalui faraid kerana distribusi sedemikian akan menjadikan seseorang waris mendapat habuan yang lebih banyak melalui dua sumber iaitu secara faraid dan juga wasiat. Walau bagaimanapun, mereka tidak menolak bahawa distribusi sedemikian boleh direalisasikan sekiranya mendapat keizinan semua ahli waris yang terlibat, namun ia bukanlah dianggap sebagai wasiat, bahkan ia merupakan pemberian oleh waris kerana kerelaannya untuk menyerahkan haknya kepada waris lain.¹⁷³ Hakikatnya persetujuan itu adalah keizinan oleh ahli waris kepada pewasiat untuk berwasiat dengan harta yang sepatutnya menjadi hak setiap masing-masing. Manakala Imam Syafii' mengkategorikan pemberian tersebut sebagai sedekah oleh para waris di samping memmanifestasikan hajat pewasiat.¹⁷⁴

Sehubungan itu majoriti ahli Fuqaha termasuk sebahagian ulama Syafi'iyah, Imam Abu Hanifah, dan Imam Ahmad bin Hanbal berpendapat bahawa wasiat yang diberikan kepada waris yang telah ada haknya mengikut faraid boleh dilaksanakan seandainya mendapat persetujuan daripada para waris yang lain.¹⁷⁵ Pendapat ini adalah berdasarkan riwayat daripada Ibnu Abbas dan 'Amru bin Syua'ib r.a yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَا تَجُوزُ وَصِيَّةٌ لَوَارِثٍ إِلَّا أَنْ شَاءَ الْوَرِثَةُ

Maksudnya: "Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain."¹⁷⁶

¹⁷³ Malik bin Anas (t.t), *op.cit*, h. 106-110.

¹⁷⁴ Imam Abi 'Abdullah Muhammad Idris al-Syafi'i, (1410H/1990M), *op.cit*, j. 3, h.113.

¹⁷⁵ Muhammad bin 'Ali bin Muhammad Al-Syawkani (1255H), *op.cit*, h. 36.

¹⁷⁶ Al-Kahlani Muhammad bin Isma'il al-San'ani (t.t), *Subul al-Salam*, j. 3, Beirut: Dar al-Fikr, h. 103. (4/152)

Isu keizinan ahli waris ini telah dikodifikasikan di dalam undang-undang berkaitan wasiat oleh Negara-negara di Timur Tengah seperti Mesir, Sudan, Turki, Syiria, Moroco termasuk Iran dan Iraq. Namunnya adalah berbeza-beza antara satu sama lain kerana terdapat Negara yang masih menguatkuasakan peraturan asal substantif mengenai keadaan yang memerlukan keizinan waris dan terdapat juga Negara yang telah membuat perubahan terhadap peraturan tersebut.¹⁷⁷ Sebagai contoh, Seksyen 37 Undang-undang Wasiat Mesir No. 71 Tahun 1946 ada memperuntukkan;

“A bequest of one-third of the estate is valid, whether to an heir or a non-heir, and will be executed without the consent of heirs. A bequest in excess of one-third will be valid but shall not be executed except with the consent of heirs given after the legator’s death”.

Peruntukan yang sama turut termaktub di dalam Seksyen 26(2) bagi setiap Enakmen Wasiat yang telah diwartakan di Negara ini sekalipun dengan penggunaan istilah berbeza-beza di antara setiap statut berkenaan. Misalnya, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 memperuntukkan di dalam seksyen tersebut bahawa sesuatu wasiat yang dibuat kepada seseorang waris atas kadar yang melebihi satu pertiga, hendaklah tidak berkuatkuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.¹⁷⁸ Dapat dirumuskan secara implikasi daripada peruntukan tersebut sesungguhnya wasiat kepada ahli waris yang kurang satu pertiga adalah sah dikuatkuasakan tanpa mendapat keizinan waris-waris lain. Wasiat ini dibenarkan sekalipun telah melebihi daripada bahagian *furud* yang diterima oleh waris pusaka terbabit. Manakala wasiat yang melebihi daripada satu pertiga harta adalah sah apabila mendapat kebenaran para waris yang lain.¹⁷⁹

¹⁷⁷ Jasni Sulung (2005), *op.cit*, h. 60.

¹⁷⁸ Encik Suhaimi Abd. Wahab, *op.cit*; Encik Othman Ahmad, *op.cit*.

¹⁷⁹ Abd. Al-Sattar Adam (1969), al-Syari’ah al-Islamiyyah wa al-Qanun al-Madani al-Misri: Dirasah al-Muqaranah, Qahirah: al-Majlis al-A`la li Syu`un al-Islamiyyah, H. 160; Syawqi ‘Abdah al-Sahi (1998), Mawsu’ah ahkam al-mawarith, Beirut: Dar al-Hikmah, h. 399.

ii) Wasiat Melebihi Kadar Satu Pertiga

Hukum substantif pada asalnya telah menghadkan takat maksimum bagi harta yang boleh diwasiatkan itu adalah setakat satu pertiga daripada aset tinggalan setelah ditunaikan segala liabiliti samada hutang dengan Allah atau sesama manusia. Limitasi ini adalah merujuk kepada Hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Abu Waqas r.a. katanya:

جَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُنِي وَأَنَا بِمَكَّةَ وَهُوَ يَكْرَهُ أَنْ يَمُوتَ بِالْأَرْضِ الَّتِي هَاجَرَ مِنْهَا ، قَالَ ((يَرْحَمُ اللَّهُ ابْنَ عَفْرَاءَ)) قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ! أَوْصِي بِمَالِي كُلِّهِ؟ قَالَ : لَا ، قُلْتُ : فَالْشَّطْرُ؟ قَالَ : لَا ، قُلْتُ : الثُّلُثُ؟ قَالَ : ((فَالْثُلُثُ وَالْثُلُثُ كَثِيرٌ ، إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدْعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ أَيْدِيَهُمْ ، وَإِنَّكَ مَهْمَا أَنْفَقْتَ مِنْ نَفَقَةٍ فَإِنَّهَا صَدَقَةٌ حَتَّى اللَّقْمَةَ تَرْفَعُهَا إِلَى فِي امْرَأَتِكَ .

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w. menziarahiku ketika Haji Wada’ ketika aku sedang sakit tenat hampir mati di Mekah. Aku berkata: Wahai Rasulullah, aku kini tenat dan aku seorang yang berharta, bolehkah aku mewasiatkan seluruh hartaku. Jawab baginda: Tidak. Aku bertanya: Apakah boleh aku bersedekah separuh hartaku? Jawab baginda: Tidak, satu pertiga sahaja, satu pertiga pun sudah banyak. Sekiranya engkau meninggalkan waris engkau dalam keadaan kaya adalah lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka dalam keadaan miskin meminta-minta daripada orang ramai. Segala perbelanjaan yang engkau keluarkan semata-mata untuk keredhaan Allah nescaya engkau akan mendapat ganjarannya termasuklah sesuap nasi yang engkau suapkan ke mulut isterimu.”¹⁸⁰

Selain itu Rasulullah s.a.w. juga ada bersabda:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : لَوْ غَضَّ النَّاسُ إِلَى الرَّبِيعِ لِأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الثُّلُثُ وَالْثُلُثُ كَثِيرٌ

¹⁸⁰ Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhārī, *op.cit.*, *Kitab al-Wasaya Bab Ann Yatruka Warathatahu Aghniyak Khayrun min Ann Yatakaffuna al-Nas* , no. Hadith, 2742, h. 220; Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayrī al-Naysaburī (206-261H), *op.cit.*, *Kitab al-Wasiyyah Bab al-Wasiyyah bi al-Thuluth*, no. Hadith, 4209, h. 922.

Maksudnya:

Daripada Ibn ‘Abbas daripada bapanya r.a. berkata: Memadailah memberi kepada orang lain satu perempat daripada harta kerana Rasulullah s.a.w. bersabda berikanlah satu pertiga bahagian, satu per tiga itu sangat banyak.¹⁸¹

Merujuk hadis di atas menunjukkan sesungguhnya Rasulullah s.a.w lebih mengutamakan para waris untuk mewarisi pusaka dengan memutuskan bahawa kadar wasiat memadai setakat satu pertiga bahagian daripada aset tinggalan adalah memadai dan sudah banyak. Hikmah di sebalik penentuan tersebut pewasiat dapat memastikan bahawa para waris yang bakal ditinggalkan memiliki harta untuk menampung perbelanjaan hidup tanpa meminta bantuan daripada orang lain. Perkara ini juga dapat dibuktikan dengan merujuk Hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Zaid al-Ansari dan turut diriwayatkan oleh Imran bin Husain bahawa seorang lelaki ingin berwasiat memerdekakan enam orang hambanya. Sedangkan lelaki itu tidak mempunyai sebarang harta yang lain selain daripada hamba-hamba berkenaan. Maka Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan agar hamba-hamba itu dibahagikan dengan membuat undian supaya menjadi tiga kelompok. Kemudian baginda mengarahkan beliau agar membebaskan atau memerdekakan hanya dua orang hamba dan yang lain tidak.¹⁸²

Signifikannya kadar dua pertiga daripada pusaka itu merupakan kadar yang mesti diwarisi oleh waris-warisi secara mandatori dan selebihnya iaitu satu pertiga pula merupakan bahagian yang dibenarkan bagi pemilik harta untuk di sumbangkan kepada pihak lain mengikut pertimbangan sendiri. Maka litegasi wasiat yang telah melebihi kadar satu pertiga akan mengambil bahagian yang sepatutnya diwarisi oleh para waris. Maka keizinan oleh para waris amat diperlukan bagi mengimplimentasikan wasiat yang

¹⁸¹ Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Ismā‘il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Bukhārī, *op.cit.*, *Kitab al-Wasaya Bab al-Wasiyyah bi al-Thuluth*, no. Hadith, 2743, h. 220; Abū Husayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayrī al-Naysaburī, *ibid*, *Kitab al-Wasiyyah Bab al-Wasiyyah bi al-Thuluth*, no. Hadith, 4218, h. 923.

¹⁸² Jalal al-Din Abd. Rahman Bin Abi Bakr al-Sayuti(t.t), *op.cit.*, h.78-79

melebihi takat satu pertiga daripada pusaka berkenaan. Dalam kata lain keizinan waris-waris terlibat itu bermakna mereka telah menggugurkan hak yang sepatutnya diperoleh secara rela hati untuk dimasukkan di dalam harta wasiat. Lantaran itu kesulitan tidak timbul sekiranya wasiat sedemikian dipersetujui oleh ahli waris yang berkenaan sebagaimana dinyatakan oleh kebanyakan ahli Fuqahak seperti Imam asy-Syafi'i, Malik, al-Hasan, an-Nakha'i Ibn Abi Laila, al-Thawri, Ishaq, Abu Yusuf, Muhammad asy-Syaibani, Ahmad bin Hanbal dan lain-lain.¹⁸³

Implikasi daripada kedua-dua isu yang diterangkan di atas, maka ARB telah mengambil pendekatan mendrafkan klausa untuk mendapatkan keizinan ahli waris bagi memastikan wasiat yang dibuat dapat dimanifestasikan selaras dengan Undang-undang Islam. Keizinan ahli waris ini sebenarnya menjadi suatu keperluan bagi memastikan wasiat kepada ahli waris yang dilaksanakan oleh ARB dapat dilaksanakan. Ini kerana sekiranya keizinan ahli waris selepas kematian pewasiat gagal diperolehi, maka wasiat kepada ahli waris itu tidak memberi makna disebabkan wasiat tersebut tidak boleh dilaksanakan.¹⁸⁴ Klausa tersebut didrafkan di dalam perenggan 8, DDWK seperti berikut;

“Walau apa pun peruntukan di perenggan 7 wasiat ini, pemberian dan pembahagian wasiat saya ini, hanya akan terpakai dan dilaksanakan selepas kematian saya sekiranya mendapat persetujuan dan keredhaan semua waris-waris saya. Jika tidak mendapat persetujuan daripada waris-waris saya, pembahagian dan pelaksanaan mestilah mengikut faraid.”

¹⁸³ Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhammad (Ibn Qudamah) (1981), *op.cit*, h. 177; Ibrahim bin ‘Ali al-Syirazi (t.t), *al-Muhadhdhab*, j. 1, Beirut: Mustafa al-Babi al Halabi, h. 457.

¹⁸⁴ Prof Muhammad Ridzuan Awang, *op.cit*.

Walau bagaimanapun secara praktisnya pengkaji dimaklumkan oleh pegawai yang bertugas bahawa implimentasi peruntukan perenggan ini akan dilaksanakan melalui metod penyelesaian tertentu bergantung keputusan waris.¹⁸⁵

- Langkah pertama : Pengagihan aset pusaka akan ditadbir mengikut apa yang direkod dalam perenggan 7 sekiranya mendapat persetujuan semua waris.

-Langkah kedua : Bentuk pembahagian tersebut tidak dipersetujui oleh semua waris, maka distribusi akan dibuat berlandaskan hisab faraid.

- Langkah ketiga : Jika ada yang setuju dan ada yang tidak, bahagian yang tak setuju diberikan dahulu kehendaknya atau faraid. Bakinya baru diagihkan mengikut persetujuan.

Ini bermakna pendekatan ketiga tersebut tidak bertentangan dengan pendapat kebanyakan para Fuqaha sebagaimana dijelaskan di atas kerana waris yang bersetuju haknya digugurkan itu menunjukkan ia telah bersedekah kepada waris lain bagi tujuan wasiat si mati.¹⁸⁶

Timbul persoalan adakah implimentasi bagi wasiat yang kurang daripada satu pertiga dan diberikan bukan waris turut memerlukan persetujuan ahli waris? Jumah Fuqahak bersepakat bahawa wasiat yang sedemikian adalah sah tanpa meminta persetujuan ahli waris.¹⁸⁷ Bahkan prinsip tersebut telah dikodifikasikan di dalam peruntukan Seksyen 26(1) jika sesuatu wasiat dibuat kepada seseorang yang bukan waris atas kadar yang tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka pewasiat selepas diselesaikan segala hutangnya, wasiat tersebut hendaklah berkuatkuasa tanpa perlu

¹⁸⁵ Encik Othman bin Haji Hamid, *op.cit.* ; Puan Azmanira binti Mohd Arif, *op.cit.*; Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, *op.cit.* .

¹⁸⁶ Muhammad Syarbini al-Khatib (1958),*op.cit.*, h. 43; Muhammad bin 'Ali bin Muhammad Al-Syawkani (1255H), *op.cit.*, h. 39; Muhammad 'Abdullah bin Ahmad bin Muhammad (Ibn Qudamah, *op.cit.*, h.111.

¹⁸⁷ Imam Muhammad Abi 'Abdullah bin Muhammad Idris al-Syafi'i (1410H/1990M), *op.cit.*, h.109, Malik bin Anas, *op.cit.*, h. 118, Syams al-Din al-Syahrasi, *op.cit.*, h. 195.

mendapat apa-apa persetujuan waris-warisnya. Ini bermakna implimentasi wasiat ini adalah mandatori.

Maka pengkaji berpendapat peruntukan perenggan 8 DDWK hanya terpakai bagi tujuan pelaksanaan wasiat yang diberikan kepada ahli waris dan wasiat yang dibuat atas kadar melebihi satu pertiga. Justeru Pegawai Pentadbir Pusaka perlu meneliti kandungan perenggan 7 DDWK ini supaya dapat dibezakan antara wasiat kepada waris atau selainnya dan sama ada pelaksanaannya itu secara mandatori atau sebaliknya. Adapun bagi wasiat yang tidak bercanggah dengan prinsip Undang-undang Islam hendaklah diutamakan dan perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum menjalankan pengagihan kepada para waris. Apatah lagi jika wasiat itu membabitkan benefisiari di kalangan orang awam kerana telah dinyatakan dalam Seksyen 8(8), EWS 1999 iaitu sesuatu wasiat boleh dibuat kepada tempat-tempat ibadat, yayasan kebajikan, institusi akademik atau kepada mana-mana pihak yang boleh mendatangkan kebajikan umum dan jika wasiat itu tidak menentukan tujuannya penggunaannya, wasiat itu hendaklah digunakan untuk apa-apa jua tujuan kebajikan umum. Perkara ini tidak boleh diambil mudah kerana dibimbangi hak milik awam akan ternafi. Namun, sekiranya wasiat yang bertujuan kebajikan sedemikian dibuat melebihi had sepertiga, maka pelaksanaan nilai yang lebih itu hendaklah mendapat persetujuan para waris terlibat.

5.4 Terma Pembatalan Wasiat

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa ibadah wasiat dibina dengan rukun-rukunnya yang tertentu dan diikat dengan syarat-syarat tersendiri untuk menjadikan transaksi tersebut sah dan boleh diimplimentasikan. Ironinya, sesuatu wasiat adalah tidak sah dan hendaklah dianggap terbatal apabila syarat-syarat bagi rukun-rukunnya telah gugur atau

menjadi tidak sempurna. Justeru satu klausa telah didrafkan oleh ARB bagi menjelaskan bahawa hanya wasiat yang sempurna dengan syarat-syarat sepatutnya akan sah dikuatkuasakan. Terma tersebut didrafkan melalui perenggan 9 DDWK sepertimana berikut;

“Wasiat ini akan terbatal dan semua pemberian berwasiat di bawah wasiat ini hendaklah dilucutkan dan tiada harta akan dibahagi-bahagikan menurut wasiat ini jika mana-mana waris-waris saya meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya dan dalam keadaan sedemikian wasiat baru hendaklah dibuat.”

Beberapa faktor tertentu boleh menyebabkan sesuatu wasiat terbatal. Perkara ini dapat dirujuk melalui Bahagian III fasal Pembatalan Wasiat dengan berdasarkan Seksyen 12 di bawah perkara wasiat terbatal di dalam setiap Enakmen Wasiat yang telah wujud di Malaysia. Sebagai contoh, Enakmen Wasiat Selangor 1999 telah memperuntukkan di dalam seksyen tersebut bahawa sesuatu wasiat hendaklah menjadi batal jika –

- (a) pewasiat menjadi seorang yang tak sempurna akal dan mati dalam keadaan tersebut; (b) benefisiari mati sebelum pewasiat; (c) sesuatu yang ditentukan atau manfaat wasiat tersebut telah musnah sebelum kematian pewasiat ; dan (d) pewasiat menarik balik wasiatnya.

Namun apa yang dapat diperhatikan melalui terma yang didrafkan dalam DDWK itu hanya satu faktor yang menjadi sebab kepada pembatalan wasiat iaitu apabila salah seorang warisnya meninggal dunia sebelum pewasiat, sedangkan terdapat faktor-faktor yang boleh mengakibatkan transaksi ini terbatal seperti termaktub dalam Seksyen 12 itu, malah Subseksyen (c) memberi interpretasi yang sama dengan Seksyen 15 Subseksyen (2)(b) iaitu jika pewasiat telah melupuskan hartanya sehingga habis sama sekali wasiat itu juga boleh terbatal. Apatah lagi statut-statut berkenaan melalui seksyen 16 pula turut membatalkan wasiat yang diberikan kepada pembunuh pewasiat

yang diharamkan oleh syarak sama ada secara bersendirian atau rakan jenayah bagi pembunuhan tersebut.

Justifikasinya Perenggan 9 DDWK ini boleh dipinda dengan memasukkan terma-terma yang menjelaskan sebab-sebab lain kepada berlakunya wasiat terbatal supaya selaras dengan peruntukan undang-undang yang telah diguna pakai. Pengkaji diberitahu setiap enam bulan pewasiat boleh membuat semakan ke atas wasiatnya di ARB. Ini membolehkan sebarang pindaan dilakukan sekiranya perlu. Ia adalah penting kerana keadaan peribadi pewasiat berubah-ubah dengan itu pewasiat perlu mengambil kira perubahan yang berlaku dalam wasiat yang telah ditulis. Seperti kelahiran anak boleh mengubah kedudukan undang-undang atau keesahan wasiat pewasiat. Namun dimaklumkan juga bahawa pewasiat tidak perlu membatalkan wasiatnya ketika membuat sebarang pindaan. Hanya dokumen ringkas iaitu kodisil boleh dilaksanakan yang mana ianya akan merekodkan apa-apa perubahan yang dibuat seperti telah dijelaskan dalam Bab 3 sebelum ini.

5.5 Redaksi Agihan Aset Bagi Waris Bawah Umur

Bagi pewasiat yang mendrafkan wasiatnya secara komprehensif, pilihan akan diberikan sama ada tanggungjawab mentadbirkan harta tinggalan bagi benefisiari yang masih dibawah umur diletakhakkan kepada Perbadanan ataupun diserahkan kepada pihak lain. Jika pewasiat mentaklifkan tanggungjawab itu kepada pihak ARB, maka klausa yang akan didrafkan di dalam wasiatnya adalah sebagaimana dimaktub dalam DDWA iaitu seperti berikut dengan sedikit pengubahsuaian terma.

“Saya mengarahkan Wasi dan Pemegang Amanah saya untuk memegang dan mengurus secara jujur dan amanah, dengan sebaik mungkin mengikut kebijaksanaan serta budi bicara Wasi dan Pemegang Amanah saya segala harta yang menjadi hak kepada waris-waris saya yang masih di bawah umur, sekiranya ada, bagi faedah waris-waris bawah umur tersebut sehingga mereka mencapai umur dewasa atau umur yang difikirkan layak untuk menguruskan harta tersebut”.

Manakala pewasiat yang mahukan supaya aset benefisiari bawah umur berkenaan ditadbirkan oleh pihak lain, maka terma dalam perenggan di atas akan dipinda berdasarkan data-data yang dicatat dalam borang PPPW pada ruangan “KETERANGAN MENGENAI PENJAGA” seperti berikut:

KETERANGAN MENGENAI PENJAGA (Jika ada Kanak-kanak)

PARTICULARS OF GUARDIAN (In Cases Where There Are Minors)

Jadual 5.6 : Keterangan Mengenai Penjaga

Nama <i>Name</i>			
Hubungan <i>Relationship</i>		No. K.P / K.P.T <i>NRIC No.</i>	
Alamat / Tel. / Faks <i>Address / Tel. / Fax</i>			

Sumber: Borang PPP, D1 1/2005 (P/07/05), ARB

Antara contoh terma peletakhakkan sebagai penjaga itu adalah seperti,

“Saya dengan ini melantik bapa mertua saya iaitu nama, nombor kad pengenalan, alamat, sebagai penjaga kepada anak-anak saya .”

Penjaga berkenaan berhak menerima harta yang diwasiatkan kepada kanak-kanak itu bagi tujuan penyelenggaraan apa-apa perkara yang munasabah. Hal ini dapat dirujuk berasaskan Seksyen 19(3) Pembayaran di bawah subsyeksyen (1) dan (2) boleh dibuat kepada ibu bapa atau bapa atau penjaga orang itu atau selainnya sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan mengikut budi bicaranya dan sama ada terdapat atau tidak terdapat –

- (a) apa-apa wang lain yang boleh digunakan bagi maksud yang sama; atau
- (b) mana-mana orang yang terikat oleh undang-undang untuk memperuntukkan bagi penyelenggaraan atau pendidikan orang itu.

Perlu dinyatakan di sini bahawa bukan sahaja kanak-kanak yang memerlukan penjaga untuk melindungi dan membantunya dalam urusiaga dirinya, tetapi golongan-golongan lain seperti orang gila, safih serta yang kurang upaya juga memerlukan penjaga untuk mengawasi perjalanan hidup mereka. Justeru, pengkaji berpendapat tujuan pendrafan perenggan di atas boleh diluaskan pengertiannya merangkumi maksud golongan-golongan berkenaan. Perkara “KETERANGAN MENGENAI PENJAGA (Jika ada Kanak-kanak) di dalam borang PPPW juga perlu dipinda agar tidak hanya dispesifikkan kepada penjagaan kanak-kanak. Hal ini membolehkan pewasiat dapat menyenaraikan siapakah penjaga bagi waris-warisnya yang difikirkan wajar mendapat pengawasan setelah ketiadaannya kelak.

5.6 Terma Residu (*Residue*)

Telah dimaklumkan bahawa pengisytiharan wasiat dibuat ketika pewasiat masih hidup dan implimentasinya pula selepas kematiannya. Sehubungan itu nilai aset yang dimiliki

oleh pewasiat juga boleh bertambah dari satu masa ke satu masa pada waktu selepas wasiat dibuat sehingga ia berkuatkuasa mengikut kehendak dan keperluan. Oleh itu pihak ARB mengambil pendekatan untuk mendrafkan terma yang menjelaskan tentang residu dalam Perenggan 10, DDWK bertujuan untuk memastikan seluruh pusaka si mati akan diwarisi.¹⁸⁸ Residue dapat difahami sebagai apa jua harta yang masih tertinggal daripada aset si mati selepas dibuat pembayaran secara hutang, perbelanjaan pengkebumian dan pewasiatan, legasi dan anuiti. Jika pewasiat tidak memenuhi syarat-syarat pemindahan arahnya, ia dianggap telah mati tidak berwasiat berhubung dengan hartanya itu.¹⁸⁹ Berikut adalah terma yang dimaksudkan;

“Saya mengarahkan wasi dan Pemegang Amanah saya untuk menentukan baki harta saya dibahagikan kepada waris-waris saya yang berhak mengikut hukum syarak.”

Adapun pendrafan terma di atas dapat mengelakkan wujudnya sesuatu harta tinggalan yang tidak dapat ditadbirkan dan aset berkenaan menjadi beku. Berdasarkan perenggan tersebut segala aset residue pewasiat akan diserahkan hanya kepada waris-warisnya mengikut pembahagian faraid. Kenyataan sedemikian amat bertepatan bagi mengelakkan sebarang perselisihan di kalangan waris.

¹⁸⁸ Puan Azmanira binti Mohd Ariff, *op.cit.* Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, *op.cit.*

¹⁸⁹ Mohd Razali Masrum (2001), *op.cit.*, h. 317.

Kesimpulan

Konklusinya, DDWK yang dibuat oleh ARB telah mempunyai ciri-ciri wasiat menurut perspektif Islam kerana intipati draf ini mengandungi rukun-rukunnya iaitu musi (pewasiat), musa lah (benefisiari), musa bih (harta yang diwasiatkan) serta sighth yang jelas oleh pewasiat untuk menyerahkan hartanya kepada benefisiari selepas kematiannya seperti didrafkan di dalam fasal ke 7 di atas. Namun pengkaji berpendapat terdapat klausa yang perlu diperhalusi agar matlamat pewasiat dapat direalisasikan.

BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dokumen merupakan salah satu bahan pembuktian yang mengandungi unsur-unsur keterangan bagi menjelaskan sesuatu perkara. Kini aplikasinya lebih penting daripada bentuk-bentuk bahan pembuktian lain. Ini kerana mentaliti masyarakat lebih mempercayai fakta daripada sumber yang nyata seperti catatan hitam putih dan juga rekod berbentuk audio mahupun video. Malah realitinya metode dokumentasi merupakan kaedah paling efektif untuk menyampaikan maklumat antara satu sama lain ataupun dari satu lokasi ke satu lokasi mahupun dari satu zaman ke satu zaman di samping kesinambungannya manfaat sesuatu ilmu pengetahuan dapat disebarkan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Ini menunjukkan bahawa dokumentasi adalah wadah informasi disebabkan sesuatu dokumen itu boleh disimpan dan dipelihara isi kandungannya untuk suatu tempoh tertentu sama ada dalam jangka masa yang pendek atau panjang.

Pada hakikatnya kaedah dokumentasi ini merupakan satu anjuran agama berorientasikan konsep *al-kitābah* iaitu catatan atau tulisan disebabkan maklumat yang direkodkan bertujuan untuk memastikan hak individu atau pihak tertentu seperti diakui oleh hukum syarak tidak akan terjejas. Oleh itu aplikasi dokumen pada hari ini telah menjadi suatu dekri undang-undang semasa memandangkan kepentingannya yang dominan serta efektif untuk melancarkan pelbagai urusan seperti obligasi transaksi dan seumpamanya termasuk juga penentuan keputusan bagi sesuatu penghakiman. Sungguhpun demikian apa yang perlu diambil perhatian adalah ketulenan dan kesahihan suatu dokumen hendaklah dipastikan terlebih dahulu sebelum menjadikannya sebagai

bahan keterangan kerana tidak dapat dinafikan bahawa ia terdedah dengan kegiatan pemalsuan.

Aplikasi konsep *al-kitābah* dalam perihal wasiat dilihat lebih objektif memandangkan sebarang hajat pewasiat berhubung harta pusaknya dapat diekspresikan melalui penulisan dokumen. Ini kerana seseorang pewasiat akan mencatatkan kepada siapakah sepertiga pusaknya hendak dilupuskan melalui jalan wasiat sepertimana dituntut oleh syarak. Apatah lagi wasiat itu pula hanya boleh diimplimentasikan selepas kematian pewasiat yang tidak sama sekali diketahui bilakah masa dan ketikanya. Fungsi dokumen yang mampu merekod maklumat bagi suatu jangka masa panjang sudah pasti dapat memberi keterangan tentang kewujudan sesuatu wasiat sekalipun pelaksanaan ibadah tersebut memakan dua tempoh waktu berbeza iaitu penulisan wasiat dibuat semasa hidup manakala penguatkuasaannya pula setelah ketiadaan pewasiat.

Sebenarnya hukum asal menjelaskan bahawa wasiat hendaklah dibuat secara lisan di hadapan saksi-saksi, manakala metode penulisan pula merupakan kaedah alternatif bagi pewasiat yang tidak mampu bercakap. Namun keanjalan *fiqh* telah menjadikan berwasiat dengan cara menulis dokumen adalah lebih utama berdasarkan situasi semasa kerana didapati keterangan lisan boleh menimbulkan keraguan dan kesangsian memandangkan manusia terdedah dengan masalah lalai dan lupa. Terbukti bahawa mendokumenkan wasiat amat praktikal untuk menangani masalah-masalah sedemikian di samping Kaedah Umum *Fiqh* juga ada menggariskan bahawa "*al-kitābah ka al-khitāb*" iaitu tulisan sama seperti tutur kata sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 2 sebelum ini

Di Malaysia, mana-mana pewasiat perlulah mendokumenkan wasiatnya kerana peruntukan undang-undang telah mengkehendaki yang sedemikian. Penguatkuasaan peraturan ini merupakan siasah oleh pemerintah bagi memastikan urusan tadbir wasiat mudah dan sistematik di samping mengelak perselisihan atau sekurang-kurangnya meminimumkan konflik di kalangan pihak-pihak terlibat. Rentetan itu pada hari ini pelbagai pihak, agensi mahupun institusi kewangan yang menjalankan aktiviti urusan tadbir harta telah menawarkan perkhidmatan penulisan dokumen wasiat bagi membantu masyarakat awam melakukan ibadah tersebut. Senario ini menggambarkan satu perkembangan positif terhadap peningkatan fahaman dan penghayatan oleh umat Islam tentang anjuran syarak terutamanya dalam pengurusan harta ketika hayat dan juga setelah kematian. Secara langsung faedah harta akan terus dapat dimanfaatkan oleh satu generasi ke satu generasi apatah lagi antara objektif wasiat itu adalah untuk membantu kaum kerabat yang mengalami kesempitan hidup.

Amanah Raya Berhad (ARB) adalah salah satu badan berkanun yang turut menawarkan perkhidmatan penulisan dokumen wasiat kepada orang Islam di negara ini. Terdapat dua redaksi draf dokumen yang disediakan oleh pihak ARB dan diguna pakai untuk merekod wasiat orang-orang Islam iaitu DDWA dan DDWK. Apabila merujuk kepada draf-draf dokumen berkenaan yang telah menjadi sampel kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa terma khusus akan dicatatkan dalam setiap wasiat Islam samada bagi DDWS mahupun DDWK. Terma-terma khusus tersebut lazimnya tidak diubah supaya wujud keselarasan bagi setiap wasiat orang-orang Islam di ARB tanpa mengabaikan prinsip wasiat Islam dan objektif para pewasiat yang sama walaupun di dalam apa jua bentuk dokumen. Secara generalisasinya terma-terma khusus tersebut terdiri daripada;

1. Termaktub frasa "Wasiat Terakhir" pada muka hadapan setiap draf yang boleh dianggap sebagai tajuk bagi kedua-dua bentuk dokumen samada DDWA mahupun DDWK.
2. Klausula pendahuluan pada perenggan 1 dengan merakamkan nama Allah S.W.T yang Maha Pengasih dan Penyayang serta selawat buat junjungan besar Nabi Muhammad saw dan para sahabat Baginda berserta penzahiran keimanan bagi seseorang Muslim dalam perenggan 2 setiap draf dokumen wasiat.
3. Pengakuan pewasiat yang menyatakan bahawa kondisi mental dan fizikalnya adalah baik serta memperakui dengan penuh keikhlasan untuk menunaikan tuntutan berwasiat sebagaimana digalakkan oleh syarak melalui perenggan 3 setiap draf dokumen.
4. Terma perlantikan ARB selaku wasi dan pemegang amanah pula direkodkan di bawah perenggan 4 setiap draf wasiat.
5. Arahan pewasiat kepada wasi agar pusakanya dibelanjakan bagi urusan jenazahnya serta dilunaskan pula segala liabilitinya terhadap Allah yang masih tertanggung mahupun hutang-hutangnya sesama manusia setelah ia meninggal dunia. Perkara-perkara ini terkandung di dalam perenggan 5 setiap dokumen wasiat.

Namun sebagaimana dijelaskan di dalam Bab 4 sebelum ini, inventori fasal di atas tidak menyatakan secara terperinci data-data mengenai liabiliti-liabiliti yang disebutkan dalam perenggan ini. Justeru pengkaji mencadangkan agar intipati perenggan 5 dikemas kini dengan menyediakan ruang kepada pewasiat untuk menyatakan dengan jelas kedudukan liabiliti-liabiliti yang perlu diselesaikan oleh wasi setelah kematiannya kelak. Pihak ARB boleh mendraf perenggan ini dengan menyenaraikan bentuk-bentuk

liabiliti yang mesti diselesaikan oleh seseorang individu apabila ajalnya telah tiba mengikut keutamaan. Sebarang tanggungan yang melibatkan hak manusia hendaklah dilangsaikan terlebih dahulu sebelum menunaikan tanggungannya yang berhubung dengan hak Allah seperti zakat dan upah haji. Perenggan 5 DDWA ini boleh dipinda seperti berikut;

”Saya mengarahkan Wasi dan Pemegang Amanah saya untuk membayar semua hutang saya termasuk perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan tuntutan syarak seawal mungkin setelah kematian saya iaitu;

- i. Menyelesaikan kos perbelanjaan pengurusan jenazah dan pengkebumian saya.
- ii. Melunaskan segala hutang saya sesama manusia iaitu, sejumlah
dibayarkan kepada ...[nama pemiutang]...
- iii. Menyelesaikan gadaian-gadaian berhubung dengan harta tak alih iaitu
.....
- iv. Melangsaikan bayaran sewa ...(nyatakan benda yang disewa)... kepada
...(pemilik harta)...
- v. Menunaikan denda berkaitan jenayah iaitu bayaran diat sekiranya ada
dibayarkan kepada
- vi. Membayarkan segala kos dan perbelanjaan berkaitan pentadbiran harta
pusaka saya.
- vii. Melunaskan hutang dengan hak Allah S.W.T, membayar zakat, menunaikan
fidyah dan memberikan upah haji (sekiranya saya meninggal dunia sebelum
menunaikan haji).

Deklarasi sedemikian perlu dilakukan oleh pewasiat bagi memudahkan urusan di samping mengelakkan timbul rasa tidak puas hati atau perselisihan di kalangan waris-waris. Malah setiap undang-undang wasiat bagi orang Islam yang telah terpakai kini turut menyediakan ruang bagi pewasiat untuk membuat deklarasi lengkap terhadap liabilitinya itu. Sebagai contoh dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2005 antara termannya menyebut;

”begitu juga saya mewasiatkan bahawa apabila ajal yang ditetapkan Allah ke atas makhlukNya tiba, mereka hendaklah berhati-hati dengan harta peninggalan saya; iaitu dimulai dengan membelanjakan untuk menyempurnakan jenazah saya sehingga selamat dikebumikan; kemudian dibayar segala hutang saya yang tertanggung ke atas zimmah saya dan yang diakui di hadapan saksi-saksi saya, iaitu, dibayar kepada..... (nyatakan nama atau nama-nama) sejumlah (sebut jumlah).”

6. Setiap dokumen wasiat di ARB akan diakhiri dengan redaksi kesaksian bagi menyenaraikan butiran peribadi para saksi yang menyaksikan dan mengakui kewujudan sesuatu wasiat itu.

Secara umum pengkaji merumuskan bahawa DDWA yang mula diperkenalkan pada awal tahun 2006 oleh ARB merupakan dokumen *wisāyah* atau surat pengamanahan kepada perbadanan itu untuk mengimplimentasikan beberapa arahan pewasiat setelah kematiannya. Ini kerana inventori draf dokumen berkenaan menepati ciri-ciri konsep *wisāyah* menurut perspektif Undang-undang Islam dengan rukun-rukunnya yang telah sempurna iaitu *mūsī*, *wāsī*, *mūsā fih* dan *sīghah*. Penjelasan ini dapat dilihat berdasarkan keterangan berikut;

- i. *Mūsī* iaitu pewasiat telah dinyatakan identitinya di dalam perenggan 3 DDWA.
- ii. *Wāsī* iaitu pihak yang diberi amanah oleh pewasiat dijelaskan melalui perenggan 4 DDWA. Kandungan perenggan tersebut menyatakan bahawa ARB adalah pihak yang ditaklifkan sebagai wasi bagi wasiat yang ditulis.
- iii. *Mūsā fih* atau perkara yang diamanahkan merujuk inventori DDWA adalah seperti berikut;
 - a) Pewasiat mengarahkan supaya wasi membelanjakan pusakanya untuk menyempurnakan urusan jenazahnya, menyelesaikan apa jua liabiliti yang masih ditanggungnya seperti membayar zakat, menunaikan haji sekiranya pewasiat belum melaksanakan ibadah itu sehingga kematiannya, melunaskan segala hutang-piutang dengan orang lain.
 - b) Pewasiat memberi keizinan kepada wasi untuk menggunakan harta tinggalannya bagi mengutip atau menyelesaikan segala kos perbelanjaan urusan pentadbiran pusakanya itu. Wasi hendaklah menjelaskan kos-kos tersebut sama ada kepada wasi dan Pemegang Amanahnya sendiri ataupun kepada pihak-pihak lain yang berhak sebelum aset berkenaan diagihkan untuk waris-warisnya. Arahan ini dinyatakan melalui perenggan 6 DDWA.
 - c) Perenggan 7 DDWA pula menyebut bahawa wasi seterusnya dikehendaki mengekalkan kedudukan dan menjaga semua harta tak alih dengan sebaik mungkin bagi faedah waris-waris pewasiat sehingga tarikh pembahagian kepada mereka dijalankan.
 - d) Kemudian wasi hendaklah membahagikan keseluruhan harta pusaka pewasiat sama ada harta alih mahupun harta tak alih di dalam apa jua

bentuk dan di mana jua berada kepada waris-warisan yang berhak mengikut hukum Syarak. Ini termasuk harta pewasiat yang mungkin dikehendaki untuk dibahagikan atau dilupuskan secara am melalui wasiat. Kenyataan itu dicatatkan melalui perenggan 8 DDWA.

e) Pewasiat juga mengarahkan wasi supaya memegang dan mengurus secara jujur dan amanah segala harta yang menjadi hak kepada waris-warisan di bawah umur bagi faedah mereka sekiranya ada. Wasi diamanahkan untuk melaksanakannya dengan sebaik mungkin mengikut kebijaksanaan serta budi bicaranya sehingga mereka mencapai usia dewasa atau umur yang difikirkan layak untuk menguruskan harta tersebut. Perkara tersebut termaktub di dalam perenggan 9 DDWA.

iv. *sīghah* iaitu lafaz pengamanahan ini dapat diperhatikan melalui terma "saya mengarahkan" pada setiap fasal yang menjelaskan *mūsā fih* bermula daripada perenggan 5 hingga 9 dalam DDWA ini. Terma tersebut adalah lafaz *sarīh* atau ungkapan yang memberi kefahaman jelas kepada wasi untuk menunaikan segala kehendak pewasiat agar harta tinggalannya dapat diuruskan dengan sempurna.

Walau bagaimanapun pengkaji berpendapat bahawa frasa "... termasuk harta yang saya mungkin mempunyai kuasa pembahagian atau pelupusan secara am melalui wasiat..." di dalam perenggan 8, DDWA merupakan pernyataan yang subjektif kerana kewujudan ataupun ketiadaan sesuatu wasiat perlu dipastikan oleh wasi. Dalam hal ini pengkaji mempunyai justifikasi tertentu yang mendorong untuk mengemukakan dua cadangan:

1. Oleh kerana frasa yang subjektif di atas tidak secara langsung menjelaskan butiran terperinci tentang distribusi harta melalui wasiat sekiranya ada, maka pengkaji berpendapat adalah lebih sesuai frasa "Surat Wisayah" dituliskan pada muka hadapan DDWA ini sebagai tajuk bagi dokumen tersebut untuk menggantikan frasa "Wasiat Terakhir" supaya selaras dengan keseluruhan isi kandungannya.

Sekiranya frasa "Wasiat Terakhir" sebagaimana telah sedia termaktub di muka hadapan DDWA kini dikekalkan, maka frasa yang subjektif dalam perenggan 7 itu boleh dikemas kini dan dipinda supaya intipatinya lebih objektif selaras dengan tajuk dokumen ini. Pindaan tersebut perlulah memasukkan terma yang menjelaskan secara terperinci butiran maklumat berkaitan wasiat yang dituntut oleh syarak. Ini bermakna pindaan itu hendaklah membawa maksud wasiat pemberian kepada bukan waris yang tidak melebihi satu pertiga dan implimentasinya adalah mandatori. Demikianlah termaktub di dalam setiap Enakmen Wasiat Islam yang telah diperundangkan setakat ini. Oleh demikian itu pengkaji mencadangkan terma di atas dipinda menjadi seperti berikut;

"termasuk harta yang saya mempunyai kuasa pembahagian atau pelupusan secara am melalui wasiat dengan tidak melebihi kadar satu pertiga pusaka iaitu sebanyak ... untuk diberikan kepada
(nyatakan urutan nama benefisiari)".

Keterangan secara eksplisit sedemikian menunjukkan bahawa akan wujud kesan pindah milik melalui distribusi wasiat. Demikian yang diterangkan oleh *Saiyyid Sabiq* bahawa wasiat adalah pemberian sesuatu benda daripada seseorang dan implikasinya penerima akan mendapat pemilikan benda berkenaan selepas kematian pewasiat.¹⁹⁰

Secara konseptual, DDWK pula mempunyai ciri-ciri wasiat yang selaras dengan Undang-undang Islam. Perkara ini dapat dibuktikan melalui item-item yang telah didrafkan di dalamnya adalah terbina daripada rukun-rukun wasiat sebagaimana digariskan oleh peraturan substan. Penjelasan tentang elemen-elemen rukun wasiat di dalam DDWK adalah seperti berikut;

- i. Identiti *Mūsī* atau pewasiat dapat dirujuk di dalam perenggan 3 DDWK sepertimana telah didrafkan di dalam DDWA.
- ii. Manakala kandungan perenggan 7 DDWK ini telah diperincikan dengan keterangan mengenai butiran maklumat benefisiari yang menjelaskan tentang rukun kedua wasiat di sisi Islam iaitu *mūsā lah*.
- iii. Di samping itu, kandungan perenggan 7 juga akan diditilkan dengan menyatakan kadar bahagian bagi setiap benefisiari sebagaimana ditentukan oleh pewasiat. Hal ini merupakan penjelasan tentang rukun wasiat ketiga iaitu *musā bih*.
- iv. Seterusnya *sīghah* atau lafaz wasiat pula adalah merujuk kepada klausa ” Tertakluk kepada Perenggan 5 dan 6, saya mahukan harta tak alih dan harta alih yang disenaraikan di dalam wasiat ini, dibahagikan seperti berikut :” pada awal perenggan 7 DDWK ini. Sekalipun klausa tersebut tidak mengandungi lafaz ”saya mewasiatkan” secara jelas, namun pernyataan sedemikian dapat difahami bahawa pewasiat bertujuan untuk menyerahkan pusakanya kepada benefisiari yang ditentukannya.

¹⁹⁰ Sayyid Sabiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Qahirah : Maktabah Dar al-Tūrāth,, h. 414.

Dalam masalah wasiat, isu keizinan ahli waris akan berbangkit sekiranya berlaku dua situasi iaitu pertama wasiat diberikan kepada ahli waris yang telah mendapat bahagian melalui faraid dan kedua adalah wasiat yang dibuat melebihi kadar satu pertiga daripada pusaka bersih si mati. Secara praktikalnya ARB akan mendrafkan dokumen wasiat Islam mengikut kehendak pewasiat termasuk wasiat yang diberikan kepada ahli waris sekalipun mereka itu di kalangan penerima faraid seperti suami, isteri, ibu bapa, anak-anak dan sebagainya. Begitu juga wasiat yang melebihi kadar ditetapkan oleh syarak turut akan didokumenkan di dalam DDWK. Pendekatan tersebut dilaksanakan dengan berlandaskan peruntukan Undang-undang Wasiat Islam yang sudah berkuatkuasa di negara ini iaitu melalui seksyen 11(2) dengan tertakluk kepada seksyen 26(b) sebagaimana telah dihuraikan di dalam Bab 4 terdahulu. Lantaran itu terma berkaitan keizinan ahli waris telah didrafkan di bawah perenggan 8 DDWK iaitu;

”Walauapapun peruntukan di perenggan 7 wasiat ini, pemberian dan pembahagian wasiat saya ini, hanya akan terpakai dan dilaksanakan selepas kematian saya sekiranya mendapat persetujuan dan keredhaan semua waris-waris saya. Jika tidak mendapat persetujuan daripada waris-waris saya, pembahagian dan pelaksanaan mestilah mengikut faraid”.

Pada dasarnya para Ulama telah menegaskan bahawa keizinan ahli waris bagi kedua-dua kes berkenaan hanya boleh diminta setelah waris-waris terlibat mengetahui bahagian masing-masing di bawah peraturan syarak. Ini kerana waris-waris yang bersetuju dengan agihan wasiat pada kedua-dua situasi di atas sebenarnya telah merelakan untuk menggugurkan haknya supaya diserahkan kepada benefisiari sebagaimana dikehendaki oleh pewasiat. Oleh itu pada hemah pengkaji, terma perenggan 8 DDWK wajar dipinda bagi memastikan hukum asal perwarisan tidak dipinggirkan ketika hendak merealisasikan tuntutan berwasiat kepada ahli waris ataupun

wasiat melebihi kadar sepertiga pusaka kerana amalan berwasiat bukan jalan untuk membatalkan hukum pusaka bahkan kedua-duanya boleh disinergikan untuk menjadikan distribusi ke atas harta tinggalan lebih meluas dan saksama.

Justeru, pengkaji mencadangkan perenggan lapan dipinda dengan memasukkan klausa-klausa tertentu sebagaimana berikut:

”Walauapapun peruntukan di perenggan 7 wasiat ini, pemberian dan pembahagian wasiat saya ini, hanya akan terpakai dan dilaksanakan selepas semua waris saya mengetahui bahagian masing-masing mengikut faraid serta mendapat persetujuan atau keredhaan semua waris-waris saya. Jika tidak mendapat persetujuan daripada waris-waris saya, pembahagian dan pelaksanaan mestilah mengikut setakat yang dipersetujui.

Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa status seseorang waris sebenarnya boleh berubah menjadi bukan waris ketika sesuatu wasiat boleh dikuatkuasakan iaitu selepas kematian pewasiat sebagaimana dijelaskan dalam Bab 5 sebelum ini. Transposisi yang berlaku itu secara langsung boleh mengubah hukum pelaksanaan wasiat kerana wasiat kepada bukan waris yang kurang satu pertiga tidak perlu mendapat keizinan ahli waris. Sekiranya wasiat sedemikian wujud di dalam perenggan 7 DDWK, sudah pasti ia tidak akan terlaksana kerana tiada sebarang kenyataan yang menunjukkan bahawa wasiat tersebut dapat diimplimentasikan tanpa halangan. Justeru, pengkaji mencadangkan agar kandungan perenggan 8 DDWK dipinda dengan mengecualikan kes-kes wasiat yang mesti dilaksanakan tanpa keizinan ahli waris. Ini kerana wasiat kepada waris yang tidak mendapat bahagian melalui perwarisan adalah wajib mengikut pendapat Imam Syafi'i. Apatah lagi sekiranya wasiat tersebut membabitkan pemberian berbentuk kebajikan awam sama sekali tidak boleh diabaikan ataupun dinafikan.

Seperkara lagi, wasiat wajibah juga merupakan satu isu yang turut berbangkit dalam permasalahan wasiat. Undang-undang wasiat Islam yang kini berkuatkuasa di negara ini masing-masing telah memperuntukkan peraturan tentang wasiat wajibah berkenaan. Enakmen Wasiat Selangor 1999 telah mengkodifikasikan perkara ini melalui Seksyen 27 Wasiat kepada cucu, iaitu;

(1) Jika seseorang mati tanpa membuat apa-apa wasiat kepada cucunya daripada anak lelakinya yang telah mati terlebih dahulu daripadanya atau mati serentak dengannya, maka cucunya itu hendaklah berhak terhadap satu pertiga wasiat dan, sekiranya cucu itu diberi dengan kadar yang kurang dari satu pertiga, haknya hendaklah disempurnakan mengikut kadar wasiat wajibah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini.

(2) Kadar wasiat wajibah untuk kanak-kanak yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah setakat kadar di mana ayahnya berhak daripada harta pusaka datuknya sekiranya diandaikan ayahnya itu mati selepas kematian datuknya: Dengan syarat wasiat itu tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka si mati.

(3) Kanak-kanak tersebut hendaklah tidak berhak kepada wasiat sekiranya dia telah mewarisi daripada datuk atau neneknya, mengikut mana berkenaan, atau datuk atau neneknya semasa hayatnya, dan tanpa menerima apa-apa balasan, telah membuat wasiat kepada mereka atau telah memberi kepada mereka harta yang bersamaan dengan apa yang mereka sepatutnya menerima menurut wasiat wajibah:

Dengan syarat sekiranya wasiat yang dibuat oleh datuk atau nenek itu kurang daripada bahagian yang sepatutnya dia berhak, haknya hendaklah ditambah sewajarnya dan jika bahagian tersebut adalah melebihi bahagian yang dia berhak, bahagian yang lebih itu hendaklah menjadi wasiat sukarela dengan tertakluk kepada persetujuan waris.

Manakala Enakmen Wasiat Negeri Sembilan (2004) dan Enakmen Wasiat Melaka (2005) turut telah mengkodifikasikan perkara tersebut melalui seksyen yang sama dengan sedikit perubahan perkataannya. Sekalipun para pengkaji merumuskan bahawa peruntukan di atas masih berlacuna dari aspek prosedur dan perlu dikemaskini

bagi mengelak kekeliruan dalam perlaksanaannya,¹⁹¹ namun hakikatnya penguatkuasaan tersebut adalah untuk membela nasib cucu pewasiat yang yatim demi menampung kehidupannya. Walau bagaimanapun pengkaji tidak menemui sebarang terma khusus di dalam mana-mana draf wasiat Islam di ARB yang menyentuh permasalahan wasiat wajib ini sebagai respon terhadap penguatkuasaan peruntukan tersebut. Sedangkan perbadanan ini mengguna pakai statut-statut berkaitan Undang-undang Wasiat Islam sebagai panduan untuk mendrafkan dokumen wasiat.

Justeru berdasarkan justifikasi-justifikasi di atas, pengkaji mencadangkan agar intipati perenggan 8 DDWK ini dikemaskini supaya lebih objektif dan praktikal sepertimana berikut:

”Walaupun peruntukan di perenggan 7 wasiat ini, pemberian dan pembahagian wasiat saya ini, hanya akan terpakai dan dilaksanakan selepas semua waris saya mengetahui bahagian masing-masing mengikut faraid dan mendapat persetujuan atau keredhaan semua waris-waris saya. Jika tidak mendapat persetujuan daripada waris-waris saya, pembahagian dan pelaksanaan mestilah mengikut setakat yang dipersetujui. Kecuali jika pemberian tersebut diberikan kepada waris yang tidak mendapat hak bahagian di bawah hukum perwarisan dengan kadar yang tidak melebihi satu pertiga daripada pusaka termasuk wasiat wajib (wasiat kepada cucu saya) mengikut peruntukan undang-undang, ia hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu tanpa keizinan waris-waris sebelum pembahagian kepada waris-waris berhak dilakukan.”

Konklusinya, dokumen wasiat bukanlah satu rekod yang formatif kerana metode penulisannya tidak ditentukan secara khusus dan persis oleh hukum substan. Apa yang penting ketetapan syarak perlu menjadi paksi utama bagi mendokumenkan sesuatu wasiat agar perlaksanaannya menepati konsep dan prinsip-prinsipnya yang sebenar. Asas kelestarian sesuatu wasiat dan kesempurnaan implimentasinya adalah tertakluk pada isi kandungan dokumen itu yang komprehensif dengan rukun-rukun dan syarat-syaratnya serta tidak terkandung sebarang elemen kesamaran mahupun kesangsian

¹⁹¹ Sharuddin Selamat (2004), *op.cit.*, h.1-19 ; Ahmad Hidayat (2007), *op.cit.*, h.296-292.

terhadap deklarasi di dalamnya. Deklarasi dengan ungkapan yang jelas atau lafaz *sarīh* tanpa berkias-kias adalah lebih baik supaya tidak wujud salah faham terhadap kehendak sebenar pewasiat.

Di samping itu hakikat konsep wasiat perlu difahami dengan menyeluruh supaya dapat dibezakan dengan ciri-ciri *wisāyah* agar solusi sewajarnya dapat diambil seandainya berlaku kesulitan untuk melaksanakannya. Sebenarnya DDWA dan DDWK lebih dilihat sebagai satu pendekatan untuk menyelesaikan permasalahan pusaka yang tidak dilakukan oleh para waris selepas kematian pemilik asalnya. Hal ini menyebabkan banyak harta umat Islam di Malaysia ketika ini menjadi beku dan tidak diproduktifkan.¹⁹² Namun masalah ketidakcairan harta pusaka dapat diselesaikan sekiranya negara kita dapat menguatkuasakan undang-undang pusaka yang lebih efektif. Dalam memutuskan kes *Wan Puziah binti Awang lwn Wan Abdullah bin Muda* dan seorang lagi¹⁹³, YAA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat justifikasinya dengan meneliti konsep wasiat dan *wisāyah* mengikut hukum Syarak. Kes tersebut telah diputuskan sebagai wasiat kerana plaintif berkelayakan sebagai benefisiari dan jumlah pemberian yang diterimanya juga tidak melampaui had dibenarkan mengikut hukum substan. Manakala terma dalam dokumen yang terpakai dalam kes ini dapat difahami bahawa pemilik harta mahukan sejumlah wang tersebut menjadi hak plaintif selepas kematiannya.

¹⁹² Prof. Muhammad Kamil bin Haji Abdul Majid, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad, Temubual pada 13 Jan 2010.

¹⁹³ *Wan Fauziah binti Wan Awang v Wan Abdullah bin Muda dan seorang lagi* (2001), j.14, *Jurnal Hukum*, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, h. 235.

Sudah tentu pembikinan atau pendrafan dokumen wasiat perlu dibuat dengan teliti serta berhati-hati agar hadaf kepada anjuran berwasiat dapat direalisasikan. Kecuaian dan keculasan pihak berautoriti atau yang telah diberi kepercayaan oleh masyarakat awam untuk mendrafkan sesuatu wasiat amat dibimbangi kerana boleh mencetus onar dalam sesebuah keluarga akibat timbul rasa tidak puas hati dengan agihan pusaka si mati. Perkhidmatan mendrafkan dokumen yang ditawarkan oleh pihak-pihak terlibat itu tidak sewajarnya dilaksanakan berorientasikan keuntungan semata-mata, bahkan ia hendaklah dilakukan dengan penuh kesungguhan dan ketelusan kerana hakikatnya mereka memikul akauntabiliti besar untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang kepentingan menunaikan tuntutan ibadah wasiat dengan betul demi memartabatkan syiar Islam. Apabila diamati, ibadah wasiat ini bukan sahaja memberi ruang dan peluang bagi seseorang individu untuk mengagihkan kekayaan kepada golongan memerlukan tanpa mengabaikan para waris yang ditinggalkan selepas kematiannya, bahkan secara inplisit penghayatannya mampu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat kerana ia dapat meningkatkan kestabilan tahap sosio-ekonomi di samping mengukuhkan relasi persaudaraan sesama insan.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Arab:

Al-Qur`an al-Karim

‘Abd al-Wahbah al-Sya’rānī (t.t), *Kasyf al-Ghummaḥ*, j. 2, Beirut: Dār al-Fikr.

‘Iṣām al-Ṣabbābatī *et al.* (2001), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, j. 4, Qāhirah : Dār al-Ḥādīth.

Abū Dāwūd, Sulaymān bin Asy’ath al-Sajistānī al-Azdī, (t.t), *Sunan Abū Dāwūd, Taḥqīq* : Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd Ḥamīd, Beirut : Dār al-Fikr.

Asqalanī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al- (2000), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Fath al- Bārī*, j. 13, Riyad’: Dār al-Salām.

Badran Abū al-A’yyan Badran (t.t), *al-Mawāriḥ wa al- Waṣiyyah wa al-Hibbah*, Qāhirah: Mu`assasaḥ Syabāb al-Jamī’ah, Iskandariah.

Baḥnasī, Aḥmad Fathī, (1967), *Nazariyyah al-Ithbāt*, Qāhirah: Maktabah Dār al-Wa’y al-‘Arabī

Bahuti, Maṣṣūr Ibn Idris al- (t.t), *Kashshaf al-Qanna Matan al-Iqna’*, j. 4, Riyād’: Maktabah al-Naṣr al-Ḥādīthah.

Bajūrī, Ibrāhīm al- (t.t), *Ḥasyiyyah al-Bajūrī*, j.2, Jeddah.

Bukhārī, Imām Muḥammad bin Ismā’īl al- (1998), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 6, Riyād’: Dār al-Salām.

Fikrī, Muḥammad al-(1962), *al-Mu`āmalah Māliyyah wa al-Adabiyyah*, juz. 2, Miṣr

Ḥasarī, Ahmad al- (1996), *al-Tarikaḥ wa al-Waṣiyyah wa al-Qad’āyā al-Muta’alliqah Bihā fi al-Fiḥ al-Islamī al-Muqāran*, c.1, Beirut: Dār al-Jail.

Ibn ‘Abidīn, Muḥammad Amīn (t.t), *Ḥasyiyyah-Rad al-Mukhtār ‘Alā al-Dūr-al-Mukhtār*, j. 5, Qāhirah: Dār al-Fikr.

Ibn Hisyām, (1971), *al-Sīrat al-Nabawiyyah*, Beirut: Dār al-Qalam.

Ibn Kathīr, Abū al-Fida ‘Ismā’īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurāsi (1997) *Tafsīr al-Qur`ān al-‘Azīm*, j. 1, Beirut: Dār al-Syu’ub.

Ibn Mājāḥ, Al-Ḥāfiẓ Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwinī (1998) *Sunan Ibn Majah* , Beirut: Dār al-Ḥādīth.

_____, (1998), *Sunan Ibn Majaḥ, Ta’liq*: Imām al-Busayrī, *Tahqīq*: al-Syaykh Khalīl Ma`mun Shiha, j.4, Beirut: Dār al-Ḥādīth.

Ibn Mandhūr, Abī al-Fadl Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibn Mandhūr al-Afriki al-Misr (1999), *Lisān al-‘Arab*, j.12, Beirut: Dār `Iḥya al-Tūrath al-‘Arabī.

Ibn Qayyim, (1961), *al-Ṭurūq al-Ḥukmiyyah*. Qāhirah: Mu`assasah al-‘Arabiyyah.

Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad `Abdullah Ibn Aḥmad (t.t), *al-Mughnī*, j. 6., Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Khātib, Al-Sheikh Syams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī al- (977H), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 3, Beirut: Dār Iḥyā` al-Ṭurāth.

Malik bin Anas (t.t), *al-Muwatta`*, Qāhirah: Dār Iḥya`, Kutub al-‘Arabiyyah.

Mawardī, Abū al-Hasan `Alī Ibn Habīb al-Basrī al- Baghdādī al- (t.t) *Adab al-Qādī*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muḥammad Amīn (Ibn `Ābidīn)(t.t) j.5. *Tabyīn al-Ḥaqā`iq*, j.6, *al-Kitāb Ma`a Syarh al-Lubab*, j.2, dan *al-Badā`i*, j.4

Muḥammad Khaf Allah (1960), *Mu`jam al-Wasīf*, j. 2, Mişr: Syarikah Musahamah Mişriyyah.

Nasa`ī, `Abd Rahman Aḥmad bin Syu`ayb bin `Alī , al- (t.t), *Sunan al-Nasai`ī*, *Tahqīa`* : `Abd al-Fataḥ Abū Ghuddah, Halab : Maktabah al-Maṭbū`ah al-Islamiyyah.

Nasayburī, Imām Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qusyayrī al- (1998), *Ṣaḥīḥ al-Muslim*, j. 5.

Qurtubī , Ibn `Abdullah Muḥammad Bin Aḥmad al-Anṣārī al- (1996), *Tafsir al-Qurtubī al-Jami` li Aḥkām al-Qur`ān*, j. 2, c.2, Qāhirah:Dār al-Ḥadīth.

Quṭub, Sayyid Muḥammad (t.t), *Fī Zilāl al-Qur`ān*, Mişr: Dār `Iḥya`.

Salih bin `Abd al-‘Aziz bin Muhammad bin Ibrahim (2000), *Mawsu`ah al-Hadis al-Syarif al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyad: Dar al-Salam.

Samarqind, `Alaw al-Dīn al- (1959), *Tuffah al-Fuqahā*, j. 3, Damsyiq: Jāmī` Dimasyq.

Sanhurī, Abd al-Razzāq al- (1968), *Al-Wasit*, j.9, Qāhirah: Dār al-Naḥḍah al-‘Arabiyyah.

Sayyid Sabiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Qahirah : Maktabah Dar al-Tūrāth.

Suyūṭī, Jalāl al-Dīn `Abd al-Raḥmān al- (1998). *Al-Asybah wa al-Nazā`ir*, j. 2, Qahirah: Dār al-Salām

_____, (1370H), *al-Itqā` n Fi` Ulūm al-Qurān*, Qāhirat: Muṣṭafā al-Halabī.

_____, (t.t), *Tafsīr Jalālain*, Nasayr: Dār al-Manār.

Sya`ranī, `Abd al-Wahbah al- (t.t), *al-Mīzān al-Kubrā*, j.2, Beirut: Dār al-Fikr.

Syāfi'ī, Al-Imām Abī 'Abd Allah Muḥammad Idris al- (1410H/1990M), *al-'Umm*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikr.

Syarahsi, Syams al-Dīn al- (t.t), *al-Mabsut*, j.6, Beirut : Dār al-Ma'rifah.

Syawkanī, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad al- (125H), *Jāmi' Baina Fannā al-Riwāyah wa al-Dirāyah 'Min al-'Ilm al-Tafsīr Fatḥ al-Qādir*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma'rīfat.

_____, (1255H), *Nayl al-Auṭār. Syarḥ Muntaqā al-Akḥbār min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, j. 6, Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth.

_____, (t.t) *Nayl al-Auṭār min al-Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, Beirut: Dar al-Jil.

Syirazi , Ibrahim bin 'Alī al- (t.t), *al-Muhadhdhab*, j. 1, Beirut: Mustafa al-Babi al Halabi.

Ṭabarī, Ibn Ja'far Muḥammad bin Jarīr al- (310H), *Tafsīr al-Ṭabarī Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Āyāh al-Qur'ān*, Miṣr: Ṣad al-Ma'ārif.

Tirmidhi, Abū'Isa Muḥammad bin Sūrah al-, *Sunan al-Tirmidhi, Tahqiq : Muṣṭafā Muhammad Ḥusyn al-Dhahabī*

Zarqā, Syaikh Aḥmad bin Syaikh Muḥammad al-Zarqā bi Qalam Muṣṭafā Aḥmad al- (1938), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c.2, Damsyiq : Dār al-Qalam.

Zuhāylī, Wahbah al- (1989), *al-Fiqh al-Islamī Wa Adillatuh*, j. 6, Damsyiq: Dār al-Fikr.

Rujukan Melayu:

Abdul Monir Yaacob (et. al), (1999), *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, c. 1, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Abdul Rashid Abdul Latif (1986), *Wasiat Dalam Islam, Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*, c.1, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Hidayat Buang (2002), *"Bagaimana Membuat Wasiat?"* Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

_____, (2007), "Prinsip Dan Pelaksanaan Wasiat", *Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

_____, (ed.), (2005), *Mahkamah Syariah di Malaysia, Pencapaian dan Cabaran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Ibrahim, (1999), *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.

Idris Awang, (2001), *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, c. 1, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.

Hamka, Prof. Dr. Hj. Abdul Malik Karim Amrullah (1987), *Tafsir al-Azhar*, j. 1, Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.

Jasni Sulong (et.al)(2008), *Warisan al-Hadis, Antara Teras Dengan Dinamika Pemikiran*, Hadis Wasiat Kepada Waris: Konsep dan Takhrij dalam Penggubalan Undang-Undang Semasa, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Mahmud Saedon A. Othman (Dr.) (1990), *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Shukri bin Jusoh (2004), *Undang-Undang dan Pelaksanaan Wasiat Wajibah di beberapa Negara Islam: Kajian Perbandingan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Radzali Masrum (2001), *Maksim Dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 100.

Musa bin Fathullah Harun (1989), *Masalah Wasiat dan Faraid*, Skudai: Unit Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia.

Noresah bt. Baharom (ed.) (2005), *Kamus Dewan*. Edisi ke-4, c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ridzuan Awang, (1994), *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rizalman bin Muhammad (et.al) (2008), *Wasiat dan Hibah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Siti Mashitoh Mahamood, (2006), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia, Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Zalikhak Md. Nor, (2002), *Pengurusan Wakaf, Wasiat dan Hibah di Malaysia*, Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan Jurnal:

Amanullah Ali v Hjh. Jamilah Sheikh Uda (1975), 1 *Malayan Law Journal*.

Farid Sufian Shuaib, (2001) *Administration of Islamic Law In Malaysia, Text and Material*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal.

Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sah bin Mohd Ali dan lain-lain (2001) *Jurnal Hukum*, j.14, Putra Jaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Ismail bin Yahya (2004), "Pelaksanaan Wasiat Di Mahkamah Syariah, Teori dan Praktis" *Jurnal Hukum*: 2004:1 :1-18, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Jasni bin Sulong (2005), "Wasiat Kepada Waris: Pembaharuan Undang-Undang dan Penggubalan di Selangor, Malaysia", *Jurnal Syariah: Jun-Dis 2005*; 13:47-64, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Katchi Fatimah v Mohamed Ibrahim (1962), *Malayan Law Jurnal*, j.1

Nik Salma Zaidah bt. Hj. Wan Zaid lwn Nik Hasnah bt Nik Din dan seorang lagi (2002), *Jurnal Hukum*, j. 15, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

NoorAziah, (1996), "Wasiat dan Kepentingannya: Perbandingan Antara Undang-undang Sivil dan Undang-undang Islam" *Current Law Journal*: 1996:2 :xxviii – xxxvii, Fakulti Undang-undang : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ruzman Md. Nor, (1996), "Kepentingan Dokumen (*Al-Kitābah*) Di Dalam Undang-Undang Keterangan Islam: Meneliti Kes Wasiat Secara Perbandingan", *Monograf Syariah 2*, Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya.

Shaharuddin Selamat, (2004), "Wasiat Wajibah Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Selangor 1999", *Jurnal Hukum*: 2004:1 :21-38, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Tajul Aris Ahmad Bustami (2004), "Pentadbiran Wasiat Orang Islam di Malaysia: Perkembangan dan Masalah. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*: 2004; 16.1:1-19,

Wan Fauziah binti Wan Awang v Wan Abdullah bin Muda dan seorang lagi (2001), j.14, *Jurnal Hukum, Putera Jaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*.

Rujukan Inggeris:

_____ (t.t), *Concise Oxford English Dictionary [The World's Most Trusted Dictionaries]*. New York: Oxford University Press Inc, h. 421.

Pawancheek Marican, (2008), *Islamic Inheritance Laws In Malaysia, c.2*, LexisNexis.

Saw Leong Aun (2000), *Guide to Planning Will Effectively*, Kuala Lumpur: Leeds Publications, h.30

James Kesslers, QC (2004), *Drafting Trusts and Will Trusts; A Modern Approach*, Ed. 7, London: Sweet & Maxwell.

Rujukan Internet:

<http://www.reference.com/browse/>. 21.11.2006

Rujukan Persidangan:

Mohd Ridzuan Awang (2008), "Ijtihad Fuqaha' Dalam Masalah Wasiat Kepada Waris: Pelaksanaannya di Malaysia", (*International Conference On Ijtihad And Ifta' In The 21st Century: Chanllenges & Prospects*, 12-14 August 2008)

Rujukan Statut

Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 (Akta 532)

Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)

Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)

Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)

Akta Wasiat 1959

Akta Syarikat 1965

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1997, [Akta 561].

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Terengganu) 2001 (Enakmen 6 Tahun 2001).

Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sarawak) 2001 (Ordinan 47 Tahun 2001).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002 .

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariaiah (Kelantan) 2002.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 5 Tahun 2003).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syaraih (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 12 Tahun 2003).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004 (Enakmen 8 Tahun 2004).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negri Pulau Pinang) 2004 (Enakmen 8 Tahun 2004).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004 (Enakmen 11 Tahun 2004).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Pahang) 2005 (Enakmen 4 Tahun 2005).

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Perlis) 2003/2006.

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah) 1989/2007.

Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (Tahun 1999).

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (Enakmen 5 Tahun 2004).

Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005 (Enakmen 4 Tahun 2005).

Rujukan Informan:

Encik Abdul Zubir bin Haji Abdul Rahman, Penolong Pengurus, Unit Pembangunan dan Perniagaan, Amanah Raya Berhad.

Encik Junaidi bin Abd. Rahman, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pendaftaran dan Penyimpanan, Jabatan Probet, Amanah Raya Berhad, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Encik Othman bin Haji Hamid, Penasihat Undang-undang, Amanah Raya Berhad, Jalan Semantan, Kuala Lumpur.

Encik Shahri Bin Abd. Munir, *ARB Senior Executive Channel Management*

Prof. Muhammad Kamil bin Haji Abdul Majid, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Syariah, ARB.

Prof. Ridzuan bin Awang, Ahli Jawatankuasa Pengawasan Syariah, ARB.
Puan Azmanira binti Ariff, Pengurus, Jabatan Probet, Amanah Raya.

Puan Hairin Herlina binti Abdul Halim, Pegawai Eksekutif Kanan, Unit Pentadbiran Pusaka Berwasiat. ARB, Jalan Ampang. Kuala Lumpur.

Puan Saadiah binti Zainal Abidin dan Encik Abdul Zubir bin Abdul Rahman

Puan Saadiah binti Zainal Abidin, Pegawai Eksekutif, Unit Pembangunan dan Perniagaan, Amanah Raya Berhad.

Rujukan Akhbar:

Berita Harian 14 Mac, 2005: 5 "MAKNA, ARB Tingkat Kesedaran Awam Mengenai Wasiat"

Berita Harian 28 Julai 2006: 3, "Pemindahan Pejabat Amanahraya Melaka Bagi Keselesaan Para Pelanggan".

Berita Harian 3 Ogos 2006: "Hong Leong Islamic & ARB Bersatu Beri Perkhidmatan Wasiat".

Rujukan Tidak Diterbitkan:

Dr Siti Mashitoh Mahamood (2007), “Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4 Tahun 1999)”: (Analisis Menurut Perspektif Undang-Undang Islam (Tumpuan Kepada Wasiat Kepada Ahli Waris Dan Wasiat Wajibah)) , NO. UM/PA-8363/06/07.

Encik Shahri Bin Abd. Munir (2007), “Bengkel Membuat Wasiat bersama ARB”.